

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 20 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR
BERSEPADU 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [19 April 2000]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong diminta menyambung ucapan dan selepas ini Timbalan Menteri diminta menjawab.

10.04 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rang Undang-undang ini adalah diikuti oleh Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi dan Rang Undang-undang Cap Dagangan. Walaupun ada yang hendak berucap tetapi ada dua, tiga peluang lagi untuk benda yang sama. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, berapa minit saya diberi, setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada 10 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat setengah jam. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan semalam, terdapat banyak jenis hak intelek, termasuk cap dagang, paten, hak cipta, reka bentuk, *plan variety or plan readers right* dan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan keperluan kita untuk meningkatkan bukan sahaja setakat undang-undang diluluskan di dalam Parlimen bahkan juga penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini memang kita perlu pertingkatkan

dan setakat ini saya tidak begitu berpuas hati dengan pihak kerajaan kerana penguatkuasaan bagi saya ialah tidak begitu berkesan lagi. Ini memang perlu dipertingkatkan.

- (i) Kita mesti adakan agensi-agensi penyelarasan untuk semua aspek hak intelek kerana setakat ini kita memang ketinggalan dari negara-negara yang lain termasuk Hong Kong dan Singapura yang lebih maju mengenai hal ini dan saya tidak mahulah dunia menganggap Malaysia sebagai satu sarang untuk pencerobohan/pelanggaran hak intelek. Saya tidak mahu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada 10 minit sahaja. *Injury time.*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, saya

Dr. Tan Seng Giaw: Masa berjalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ini semua adalah berkaitan dengan harta benda intelek dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi digital dengan penciptaan, innovation dan kreativiti. Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong menyatakan dari segi soal penguatkuasaan. Dalam hal ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong bahawa seharusnya bukannya kata kita tidak mempunyai penguatkuasaan, seharusnya kita menggesa kerajaan supaya untuk menangani hal-hal masa depan ini, kita mempunyai satu skuad yang lebih khusus, skuad yang lebih sensitif, mempunyai latar belakang dari segi teknologi maklumat sama ada di bidang kejuruteraannya atau bidang sistem sekuritinya dan apabila kita mengatakan mengenai soal yang berkaitan dengan paten, *copy right* dan sebagainya ini.

Amerika sendiri sedang berhadapan dengan perkara ini dan saya harap pihak kerajaan jangan terlalu liberal untuk memberi keizinan untuk sesuatu badan mendaftarkan dia punya kreativiti sebelum kita mempunyai suatu penyiasatan yang kukuh. Dan pada waktu yang sama adakah saudara setuju bahawa supaya Malaysia juga turut mempelopori kewujudan satu kerangka undang-undang antarabangsa untuk menangani soal-soal intelektual properties dan segala transaction yang berkaitan dengan cyber pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu memang satu cadangan yang baik, kita mesti mempunyai satu kerangka undang-undang yang ketat dan berkesan dan menyeluruh. Dan, sebab itulah saya mencadangkan kita mengadakan agensi-agensi penyelarasan yang belum lagi diadakan di Malaysia, sekarang kita mesti adakan agensi-agensi ini.

- (ii) Kita mesti ada penyiasatan. Kalau skuad penyiasatan mesti ada dan skuad penyiasatan dengan anggota-anggota yang sangat fasih, sangat pakar di dalam bidang hak intelek ini. Dan setakat ini pihak kementerian pun belum ada pasukan sedemikianlah. Kalau mereka mendakwa bahawa pasukan yang ada sekarang ini cukup untuk menangani semua itu, tidak benar. Kita mesti adakan pasukan siasatan dan cara siasatan yang lebih moden, yang lebih terkini, yang dapat menangani penjenayahan-penjenayahan seumpama ini.
- (iii) Latihan pendidikan. Ini amat penting, walaupun di dalam Parlimen ini kita sudah dengar beberapa tahun ini mengenai hak intelek tetapi pendidikan masih ketinggalan zaman. Pihak kementerian mesti mempertimbangkan macam mana kita boleh mempertingkatkan, memodenkan, pendidikan mengenai hak intelek ini, termasuk latihan di dalam beberapa *enterprise* di negara ini.

Bukan *enterprise* yang kena-mengena dengan hak intelek kerana itu sangat meluaslah. Kita sangat perlu menyaksikan di seluruh dunia, kalau kita hendak mempelopori bidang ini, kita mesti, kalau kita hendak menjayakan MSC dan teknologi maklumat yang lain, kita mesti mempelopori bukan kerangka bahkan penyelarasan dan siasatan dan juga pendidikan untuk semua.

- (iv) Kita mesti adakan sistem pengurusan dalaman syarikat-syarikat yang kena-mengena dengan hak intelek. Sistem pengurusan dalaman untuk melindungi hak sendiri dan juga melindungi hak-hak orang lain.

- (v) Publisiti. Publisiti yang sekali-sekala saya ada tengok di dalam televisyen kita ada juga sedikit sebanyak, tetapi ini tidak mencukupi. Kita mesti menggunakan kesempatan yang banyak untuk mengadakan publisiti mengenai hak intelek ini. Itu memang perlu kita buat dan saya pun seronok jugalah Yang Berhormat Parit yang Sulong tu menyedari hal peri mustahaknya kita melakukan semua ini untuk memajukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu dengar lagilah Malaysia menjadi satu sarang untuk orang-orang yang melanggar hak intelek ini dan memang kita semua orang Malaysia mesti bekerja sama untuk mencegah daripada berlakunya pelanggaran terhadap hak intelek ini. Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berapa minit lagi saya diberi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua minit sahaja [*Disampuk*]. Sebenarnya saya hendak jawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah jawablah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha! Tidak payah jawablah.

Dr. Tan Seng Giaw: ... soalan dalam hal ini. [*Disampuk*]

Seorang Ahli: Cukuplah, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha!, cukup, cukup, boleh. Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mempergiatkan kegiatan kita untuk hak intelek, untuk teknologi maklumat dan sebagainya. Ini semua alat-alat yang baik, yang boleh memajukan manusia, boleh menguntungkan orang-orang Malaysia tetapi juga semua ini boleh disalahgunakan. Dan kalau kita gunakan dengan baik, ini akan mendatangkan benda yang baik.

*Tabiat selalu membantu,
Sikap balas membalas,
Syariat palu memalu,
Hakikat balas membalas.*

Ini yang dipinta oleh sesetengah orang tadi. Dan saya dengan ini, berharap apabila kita luluskan semua undang-undang yang dibentangkan hari ini, kita dapat bermula dengan serius

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan bangun. Sebenarnya masa sudah tidak ada.

Tuan Lim Hock Seng: Sikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi kepong ada menyebut bahawa beliau berharaplah supaya rakyat Malaysia tidak salah atau melanggar hak-hak intelektual. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kepong, sama ada orang-orang yang pakai hak cipta, orang-orang yang pakai ciptaan dari intelektual ini seperti memakai cekera padat tiruan, ini adalah orang yang memakai cakera yang tiru itu sama ada beliau mensabit satu kesalahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang satu benda yang salah, yang tiruan, yang tidak betul, yang... *[Ketawa]* Memang menggunakan benda-benda tiruan memang salah. Memang salah. Inipun bermaknalah pihak kementerian mesti mempertingkatkan usaha untuk mencegah segala aktiviti yang melanggar hak-hak intelek ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, masa sudah cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan saya bagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat boleh penjelasan, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Kepong sudah cukup. Dia tidak ada masa lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia bagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak ada masa lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Kepong bagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa dia 10 minit sudah habis.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan pasal tiruan yang Yang Berhormat Kepong sebut tadi. Kata satu kesalah an, kalau tiru fesyen rambut pun satu kesalahankah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tiru apa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Rambut fesyen. *[Ketawa]* Bukan semua kesalahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu Larut pun betul juga sebahagiannya, bukan semua idea ciptaan dan rekaan diperlindungi, bukan semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua sudah buat ruling tetapi semalam pun saya merayu kalau dapat kesempatan dalam 10 minit saya boleh menyertai. Semalam pun dengan Tuan Yang di-Pertua, 10 minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada dua lagi, tiga lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebentar tadi saya sudah buat keputusan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini yang saya rayu ni.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tolong Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat, saya tahu buat keputusan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, saya tahu. Ini ya, mereka boleh berucap dengan tiga rang undang-undang yang berikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada kerusi di sini.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu kerusi buat keputusanlah, 10 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tadi sudah kata sudah buat keputusan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini yang saya rayu tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat semalam, adakah Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat semalam bangun untuk mendapat ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bangun, saya bangun, Tuan Yang di-Pertua semalam, dia kata, dia akan timbang malam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, ini

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi tolong sikit, dia bangun selepas Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Kepong, tidak payah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini biarlah Pengerusi buat keputusanlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya setiap orang kasi tidak lebih daripada 10 minitlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dan saya belum buat keputusan siapa cakap dulu. *[Ketawa]* Rompin cakap dulu.

10.17 pagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada pertimbangan mulia Tuan Yang di-Pertua.

Tiga perkara, sebab saya merasakan bahawa akta ini amat penting sekalilah, kita melindungi hak intelek ini. Dan dalam kita beredar kepada ekonomi dan ekonomi digital ini amat penting sekali sumber intelek ini kita lindungi. Kalau dahulu

untuk menjayakan sesuatu ekonomi negara atau di dunia, sumber yang penting ialah sumber asli. Tetapi sekarang sumber yang penting ialah sumber intelek.

Dan kalau negara kita mahu maju sudah semestinyalah ciptaan kita, kepakaran kita, ilmu kita dalam intelek itu kita kena lindungi. Sebab itu saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian mengemukakan rang undang-undang ini. Tetapi saya hendak ambil kesempatan dan bertanya adakah juga kerajaan akan menimbang, akan kemukakan rang undang-undang yang lain, saya nampak rang undang-undang itu produk spesifik. Ini tentang *integrated circuit*, litar bersepadu, satu lagi tentang cakera padat, adakah satu bill yang betul-betul memelihara semua harta intelek di negara kita.

Pertama dalam bidang IT itu sendiri, sebab apa kalau kita melihat dalam industri IT ini selain daripada *hardware*nya, *hardware*nya sudah semestinyalah meliputi *integrated circuit*. Dan *integrated circuit* itulah antara separuh, sekarang orang katakan bahawa *hardware* itu hanya 20%, 30% yang lebih penting ialah kontennya atau *software*nya. Kedua kontennya itu ialah satu lagi *software* yang menguruskan sistem itu. Manakala kalau kita mahu melindungi industri IT bukan sahaja kita melindungi sumber intelek kita, kepakaran kita dalam *hardware* iaitu dalam reka bentuk, dalam ciptaan kita *integrated circuit* tetapi ciptaan *software* itu penting juga kita lindungi. Ini penting sekali.

Tidak bermakna dalam sesuatu alat itu kita lindung hanya ciptaan kita dalam hardware dia, dalam *integrated circuit* tetapi kita tidak melindungi *software*nya. Saya rasa itu akan defeat dengan izin, harapan kita kalau kita lihat dari segi industri komputer IT di dunia. Microsoft tidak ada melibatkan diri langsung dalam hardware. Industrinya hanya software sahaja dan akan datang mereka merasakan bahawa IBM itu sendiri kalau dahulunya merupakan satu syarikat yang terulung, mengeluarkan hardware, mengeluarkan komputer, mengeluarkan mainframe sekarang sudah bertukar kepada penumpuan kepada industri perisian (*software*).

Ini yang saya hendak tanya, pertama kita bagus kita lindung IT ini tetapi pada kali ini kita lindung hardware dengan *integrated circuit*. Bagaimana adakah kerajaan akan menimbang, mungkin ini bukan di bawah kementerian tetapi mungkin dibuat oleh kementerian yang lain melindungi juga hak ciptaan kita dalam bidang software. Itu pertama saya hendak bertanya.

Kedua, dari isu *integrated circuit* ini

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, Kepong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:berilah saya habis, saya habis dahulu nanti saya jemput Yang Berhormat sebab saya ada dua tiga perkara. Lepas itu saya akan jemput.

Keduanya, kita hendak melindungi integrated circuit ini. Semasa saya di universiti sempat juga dua tahun dalam bidang ini sebab dia banyak peningkatannya, sekarang ini saya rasa tahapnya 10 tahun dahulu dipanggil Last Schale Integrated Circuit (LSI). Lepas itu VLSI, sekarang sudah jadi triple 'V' iaitu VVV Last Schale Integrated Circuit.

Sekarang saya hendak bertanya yang kita hendak lindung ini siapa punya? Adakah negara kita mempunyai kepakaran untuk mencipta benda ini atau kita melindungi hak orang lain yang datang ke negara kita. Dia ada peraturan di negara dia, dia berlindung di negara kita tetapi dia hendak buka syarikat dia di sini, dia hendak lindung hak dia, ciptaan dia di negara kita. Ini saya hendak tanya, sewajarnya kita melindungi hak ciptaan kita, adakah kita juga bagi melindungi hak ciptaan orang datang ke negara kita. Dua isu ini penting, nanti bila dia sudah satu pattern, satu hak dia, satu ciptaan dia, dia tidak hendak kita memasuki dalam bidang itu. Dia kata, "*Please protect my pattern*". "*What is the pattern yang kita dapat*", dia kata, "*The pattern I get from my country, I want also to be protect in this country*", dengan izin. Maknanya, hendak juga dilindungi di negara kita. Ini saya hendak bertanya amat penting sekali sebab apa yang kita hendak bela itu rakyat Malaysia, warganegara Malaysia yang sudah semestinyalah kita hendak lindungi hak cipta warganegara Malaysia. Ini kita kena jaga, orang kata kalau kita hendak jaga mesti jaga hak kita sendiri. Ini perkara yang kedua.

Perkara ketiga yang saya hendak mengambil kesempatan sedikit ialah tentang kawalan tadi, bagaimana kita hendak mengawal sama ada satu ciptaan itu ciptaan tempatan atau ciptaan luar. Dalam dunia yang globalisasi ini kita boleh mendapat satu reka bentuk, tidak payah kita keluar dari rumah. Kita guna PC kita, kita masuk dalam Internet kita dapat di mana-mana. Dalam suasana dunia yang global ini bagaimana kita hendak melindungi perkara ini, saya tidak nampak dari segi pengawasannya.

Kepong saya beri kepada Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sahaja kerana dia bercakap yang tidak begitu lengkap fikirannya..... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: kerana bila kita sebutkan komputer misalnya hak intelek dan perlindungan haknya termasuk cap dagang, termasuk pattern, reka bentuk susun atur litar bersepadu, software dan keyboard. Semua itu termasuk di dalam hak-hak perlindungan.

Jadi, kita mesti lengkapkan fikiran kita sedikit. Itu sahaja

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak tahulah, saya

Dr. Tan Seng Giaw: ...adakah Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:itu kita boleh berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu soalan bukan minta penjelasan. Jadi, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...Kepong, saya rasa Kepong 'terbakarnya' kulit. *[Ketawa]* Ini perbezaan dari segi profesion. Tidak perlu kita bahas tetapi bila kita lindungi integrated circuit tidak semestinya kita melindungi perisiannya, tidak. Dia sedia operating sistemnya tidak semestinya kalau kita lindungi dia punya design, tidak semestinya macam kita lindungi – kata Kepong buat piano. Kita tidak melindungi yang mengadakan lirik muziknya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, tidak payah jawab yang dibangkitkan oleh Kepong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, itu sebab dia kata saya – saya hormat dia kalau dia katakan tentang kepakaran sakit kulit, itu saya hormatilah tetapi dia melangkah sektor saya ini. Saya berhak, saya tidak bersetuju dan saya tidak mahu meneruskan perbahasan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, sila gulung

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:kalau tidak ada saya hendak jemput Parit Sulong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya hendak rumus Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak merumus bahawa saya menyokong satu usaha yang amat baik ini untuk melindungi harta intelek, untuk kita melindungi ciptaan tempatan tetapi kebimbangan saya adalah penumpuan hanya kepada hardware, tidak kepada perisiannya (software) dan juga adalah usaha kerajaan untuk melindungi juga ciptaan tempatan, sumber intelek kita dalam bidang, dalam sektor ekonomi kita berkembang kepada k-ekonomi ini juga kepada sumber intelek kita dalam sektor-sektor yang lain.

Ini mungkin sepintas lalu, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri nanti boleh memberikan jaminan kepada kita. Saya mohon menyokong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Parit Sulong.

10.26 pagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana menyiapkan infrastruktur perundangan untuk menangani masalah-masalah yang mungkin timbul di dalam kita berhadapan dengan kewujudan k-ekonomi atau knowledge ekonomi.

Saya mahu merangkumkan secara konsepnya bahawa perbincangan pada hari ini iaitu di bawah DR15/2000 juga berkait secara prinsipnya kepada DR9/2000 iaitu Reka Bentuk Perindustrian, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi, Rang Undang-undang Cap Dagangan dan juga Rang Undang-undang Hak Cipta. Segala-galanya ini saya mengucapkan syabas kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat baru-baru ini apabila Syarikat Microsoft mendapat pengadilan daripada mahkamah yang berasaskan kepada Anti-Trust Law Amerika Syarikat, maka wujud persoalan-persoalan yang terlalu halus untuk diteliti oleh mata kasar dan terlalu halus untuk diteliti oleh para pengamal undang-undang dan juga pihak mahkamah yang tidak mempunyai latar belakang yang mendalam mengenai hal ehwal Information Convocation Technology, khususnya dalam bidang penciptaan dan juga pengeluaran sesuatu produk sebab itu Anti-Trust Law di Amerika Syarikat sebagaimana yang dilaporkan oleh banyak majalah

antarabangsa, dia mula mengulas soal-soal yang berkaitan dengan penciptaan, innovation, soal-soal copyrights ataupun hak cipta, soal-soal pattern dan sebagainya.

Jeffrysen pernah mengatakan dahulu bahawa pattern dan trade mark ini hasilnya daripada idea, idea is free, dengan izin, katanya tetapi hari ini idea ataupun pemikiran seseorang itu telah pun menjadi – yang mencetuskan pemikiran itu seorang monopolis, seorang yang menguasai segala-galanya. Ini juga bertentangan dengan WTO di mana Malaysia telah pun menjadi salah satu anggota yang menandatangani satu treaty mengenai intellectual property.

Jadi, dalam hal ini saya berharap secara umumnya saya minta Dewan Rakyat ini bertanggungjawab meluluskan undang-undang yang berkaitan dengan seluruh perkara intellectual properties sama ada barang, sama ada work process, sama ada innovation penciptaan. Saya minta kerajaan menyediakan

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:satu kelompok. Sekejap. Satu kelompok ataupun satu task force yang khusus untuk melaksanakan undang-undang ini. Saya tidak mahu perkara ini ditangani secara runcit oleh satu kementerian lepas itu kementerian yang lain, oleh kerana dia yang buat undang-undang, dia ada penguatkuasa dan tidak ada koordinasi. Ini tidak betul caranya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kawan sebelahlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Datuk bagi Parit Sulong. Tadi kita berbalik kepada Datuk sebut banyak undang-undang yang kita hendak bawa ke Dewan ini.

Persoalan saya ialah berbangkit daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rompin. Sebenarnya saya berdiri hendak bertanya Yang Berhormat bagi Rompin persoalan yang dibangkitkan itu amat relevan sekali tetapi Kepong yang ganggu. Soalan undang-undang ini sebenarnya kebanyakan peruntukan dalam undang-undang ini ialah untuk menjaga dan mempertahankan reka bentuk-reka bentuk yang telah diwujudkan di negara kita ini yang dikeluarkan oleh negara-negara sebagai negara Jepun, Korea dan sebagainya yang kita guna di negara kita ini. Oleh kerana komponen dalam hardware, barang-barang elektronik kita tidak boleh 100% reka bentuk ini adalah orang lain yang punya.

Jadi, persoalannya Datuk menyebut tadi cerita petunjuk geografi dan Akta Cap Dagangan. Di sana diwujudkan satu penyenaian. Persoalan yang berbangkit di sini,

adakah kita sudah mempunyai kepakaran untuk menyelidik. Hendak tanya dengan Datuk yang mana satu ataupun senarai telah dibuat, yang mana reka bentuk yang wujud di negara kita ini kepunyaan orang luar dan mana reka bentuk yang diwujudkan memang dari dalam ini. Soalannya adakah kita mencari kepakaran bukan sahaja dari segi undang-undang, daripada segi penilaian reka bentuk itu sendiri dan apakah R&D supaya mempertingkatkan lagi intellectual property dalam jurusan ini supaya kita tidak guna lagi foreign import.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya adalah mustahil untuk seseorang melahirkan satu ciptaan tanpa menggunakan komponen yang dicipta oleh orang lain. Ini mustahil, saya hendak mencipta – nanti dahulu, katakan dahululah pencipta televisyen, dia gunakan komponen Jepun. Dia mencipta transistor teknologi, transistor teknologi telah ada di Amerika Syarikat lebih lama daripada yang ditemui oleh orang Jepun tetapi Jepun dia innovate on the technology, lepas itu dia dengan agresif marketing, maka Jepun mengetuai dan menjadi leader dalam transistor teknologi.

Jadi, saya kata mustahil untuk satu barang yang diterbitkan itu untuk seluruhnya komponen itu ciptaan orang yang mencipta itu sendiri. Mustahil, ini jawapannya Datuk. Keduanya, untuk menilai mana yang ciptaan Malaysia, komponen ini ciptaan luar dan ciptaan Malaysia. Ini yang saya kata yang rumit, pattern office di Amerika Syarikat umpamanya, untuk menilai satu work process yang hendak dipattern, mengambil masa yang panjang. Itu pun pakar yang menilai.

Dalam hal ini saya yakin kita mengambil realiti yang sebenarnya bahawa kita masih lagi belum mempunyai kepakaran itu. Tetapi ini pula tidak menghalang kita untuk mempunyai kepakaran itu dengan melatih pegawai-pegawai khusus untuk seksyen ini mulai sekarang, itu satu. Bermakna, rang undang-undang ini bagus saya katakan tetapi kita harus mempunyai pegawai yang mampu untuk menilai perkara yang terkandung dalam undang-undang sama ada dari segi penilaian, work process, sama ada daripada penilaian ciptaan, sama ada dari penilaian hak cipta, pattern dan sebagainya pertama. Itu bermakna kementerian, kalau hari ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dia mesti mempunyai pegawai yang kemudian.

Keduanya, pegawai yang hendak menguat kuasa. Kononnya kita dapat maklumat ada orang membuat laporan mereka itu melanggar hak cipta saya ataupun

merompak hak cipta saya. Pegawai itu juga mesti mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam hal ini bukan kepakaran dalam mempunyai hak kuat kuasa. Hendak kuat kuasa ada best, ada authority, saya jadi pegawai penguat kuasa tetapi kalau saya tidak mempunyai kepakaran dalam bidang yang khusus apa yang hendak dikuatkuasakan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ketiga, apabila – nanti sekejap ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya hendak sokong yang

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu, apabila perkara ini dibawa ke mahkamah dia memerlukan dua pihak iaitu pembela dan pendakwa. Yang mendakwa kes pun hendak mengetahui kepakaran ini dan peguambela pun harus mengetahui perkara ini, kalau tidak, tidak akan wujud satu keadilan dalam menyelesaikan satu abritasi mengenai teknologi ini. Ini yang saya amat bimbang perkara ini, kita boleh mereka undang-undang, kita boleh menggubal undang-undang tetapi pada akhirnya adakah pihak yang ingin mendapat perlindungan undang-undang itu akan mendapat kesaksamaan yang sewajarnya kalau kita tidak mempunyai kepakaran.

Anti-Trust Law Amerika adalah satu undang-undang ataupun anti-trust microsoft yang berlaku sekarang harus menjadikan satu kesedaran atau reference bagaimana satu undang-undang yang lapuk mengadili satu perkara yang current dan juga sometimes membabitkan yang intangible yang kita tidak nampak iaitu intellectual property.

Jadi, kalau ada dalam hal ini kita hendak membincangkan soal ini, kita harus melihat secara total dan di dalam akhirnya setelah undang-undang ini digubal, kerajaan harus menubuhkan satu badan khusus yang terdiri dari semua pihak. Para technologies IT, technologies daripada engineering, mekanikal, elektrik, pentafsir undang-undang, penguat kuasa, penyiasat, polis mesti ada satu task force yang wujud jangan disintegrated. Kalau tidak penguatkuasaan saya yakin tidak akan berkesan dan saya takut ramai orang Malaysia esok akan didakwa di mahkamah antarabangsa oleh kerana hak cipta dan pelanggaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan hal ini oleh kerana tidak lama lagi akan wujud satu rangka undang-undang dunia untuk menangani soal-soal intellectual property oleh kerana sekarang ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan WTO

sedang bergerak ke arah ini untuk melindungi dunia di dalam hal ini. Dalam penciptaan saya kata mustahil untuk kita menggunakan hak kita sendiri, kita terpaksa menggunakan orang lain. Umpamanya, saya sedang merangka satu produk multimedia, umpamanya saya sedang mereka satu produk accounting prosedur integrated dengan auditing prosedur integrated dengan taxation prosedur. Saya terpaksa download beberapa sistem daripada Internet dan apabila produk saya katakan saya heat the world market, maka saya turn millionaire dan billionaire. Masa saya download sistem saya tidak kira orang lain punya hak cipta dan tuan punya hak cipta, dia diam sahaja tetapi apabila saya sudah grow menjadi billionaire, tuan hak cipta itu tiba-tiba menuntut in one of your innovation, you use by work process dengan izin, dalam satu ciptaan saudara, saudara telah download saya punya software. Software yang saya telah pattern di dalam katakanlah negara Amerika dan ini juga dilindungi oleh undang-undang antarabangsa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:pada ketika ini kita akan berhadapan dengan satu penyakit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, hal ini hal yang penting. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memberi peluang kepada saya menyuarakan aspirasi saya demi masa depan negara, bangsa dan tanah air. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

10.37 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Shah Alam, Kepong, Rompin dan Parit Sulong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat bagi

Batang Lupar secara keseluruhannya membahaskan mengenai kepentingan rang undang-undang ini kepada negara dan hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mengambil bahagian telah pun menerima dengan baik undang-undang yang dikemukakan. Saya ucap terima kasihlah atas sokongan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar ingin tahu dari negara mana undang-undang ini diambil contoh. Sebenarnya, undang-undang ini digubal dengan berdasarkan perkara-perkara yang terdapat dalam Agreement on Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS) satu perjanjian antarabangsa yang seperti diperlukan oleh WTO, maka aspek-aspek adalah telah pun terlibat, yang terlibat adalah dipersetujui oleh negara-negara yang menganggotai WTO dan yang telah meterai perjanjian TRIPS Agreement, maka perkara-perkara ini bukanlah satu perkara khusus bagi mana-mana negara.

Walau bagaimanapun, kita selain daripada aspek-aspek yang dibincang atau diperlukan oleh TRIPS Agreement, kita juga telah membuat rujukan kepada undang-undang beberapa negara lain termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia untuk mendapatkan pengalaman negara-negara itu dalam pelaksanaan undang-undang tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sungguhpun kita merujuk penggubalan rang undang-undang itu kepada undang-undang beberapa negara lain, keputusan-keputusan mahkamah negara-negara berkenaan boleh juga dirujuk dalam mahkamah Malaysia tetapi hanya mempunyai persuasive value sahaja dan ia tidak mengikat mahkamah Malaysia.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga membangkitkan mengenai kepentingan awam kegunaan susun atur litar bersepadu untuk maksud bukan perdagangan awam. Maksud bukan perdagangan awam termasuklah bagi tujuan pertahanan atau keselamatan dalam negeri. Misalnya, litar bersepadu itu perlu digunakan untuk tujuan pertahanan dan keselamatan tetapi ianya tidak dapat diperolehi atau bagi tujuan kepentingan awam, misalnya litar bersepadu itu diperlukan untuk mengatasi masalah kesihatan dan pemakanan tetapi ianya tidak dapat diperolehi. Beliau juga telah minta penjelasan bagi maksud public interest atau kepentingan awam. Makna mana-mana ungkapan dalam sesuatu undang-undang

mesti ditafsirkan dalam konteks undang-undang yang berkenaan yang dibaca secara menyeluruh atau *the act should be read as a whole*.

Dimaklumkan juga bahawa bagi ungkapan yang tidak ditakrifkan secara khusus dalam sesuatu undang-undang itu maksud biasa kamus, ordinary dictionary meaning adalah terpakai mengikut kehendak konteksnya. Untuk memberi penjelasan merujuk kepada 'Stroke' Judicial Dictionary dan Black Law Dictionary, kepentingan awam dikatakan sebagai, dengan izin, something in which the public, the community at large has some pecuniary interest or some interest in which their legal rights all liabilities are affected. Sebagai tambahan, boleh berlaku penjejasan kepentingan awam walaupun bukan sebilangan besar orang yang terjejas. Ini adalah sebagai penjelasan mengenai public interest.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini menteri diberi kuasa untuk menentukan imbuhan sewajarnya diberikan kepada tuan punya yang mempunyai perlindungan di bawah akta ini. Sekiranya tuan punya itu tidak berpuas hati dengan keputusan menteri beliau boleh merujuk kepada mahkamah. Peruntukan seumpama itu telah dipersetujui di peringkat antarabangsa iaitu seperti yang terdapat dalam perjanjian TRIPS.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga yang menyoal bagaimana untuk menentukan sesuatu litar bersepadu itu telah dieksploitasikan secara komersial untuk menentukan tempoh perlindungan. Di bawah Fasal 2, mengeksploitasikan secara perdagangan termasuklah menjual, menyewakan atau mengagihkan selainnya secara perdagangan, menawarkan atau mempamerkan untuk dijual atau disewa atau diagihkan selainnya secara perdagangan dan mengimport bagi maksud untuk menjual, menyewakan atau mengagihkan selainnya secara perdagangan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Penjelasan itu memang perlu kita terangkan oleh kerana saya tidak membaca treaty yang kita materalikan di antara negara-negara WTO. Saya percaya apa-apa perkataan yang digunakan mungkin reflect apa yang wujud dalam itu. Lagi pun takrif yang berlaku di Amerika berlainan apa yang berlaku di England, di Eropah. Begitu juga bahkan di Amerika sendiri di Northern America dan di Southern America itu berlainan takrif undang-undang tertentu. Terima kasihlah oleh kerana ada sedikit penjelasan. Persoalannya, kalau ganti rugi perlu dibuat kepada tuan punya reka bentuk ini dan kementerian akan menilai, dan kalau kementerian tidak dapat menilai diserahkan

kepada mahkamah. Jadi, berbalik saya dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong, kepakarannya, saya sendiri tertanya kepada Parit Sulong, adakah kementerian mempunyai kepakaran untuk menilai harta intelektual ini. Oleh kerana kalau kita tidak mempunyai kepakaran kita serah kepada mahkamah dan one person pushing to the other dan mahkamah juga mungkin tidak mempunyai satu kepakaran yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perkara ini ada satu perkara yang saya hendak sebutkan, apabila Microsoft punya boss itu menciptakan Window, dia bawa benda itu dalam poket sahaja, masuk ke Jepun dia beri kepada orang Jepun, manufacture, lepas itu the next day dia become billionaire. Jadi, benda macam ini kita tahulah menilai. Jadi, macam mana kita hendak menilai.

Satu cerita lagi, Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada handphone yang kita pakai kalau tak salah saya Motorola, salah satu daripada circuit dalam Motorola itu dicipta oleh anak Malaysia, budak yang umur 17 tahun, saya tahu. Budak itu dijemput oleh Motorola ditawarkan scholarship, itu sahaja yang kita ada. Tetapi Motorola mendapat berjuta-juta of that circuit dicipta oleh budak sekolah ini. Tetapi dia sendiri masih meminjam kepada kerajaan untuk itu, jadi kita hendak tahu macam mana penilaian, ada kepakarankah kita untuk menilai semua ini dan mahkamah kita mempunyai kepakaran membuat ini. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab perkara itu apabila saya menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Shah Alam mencadangkan supaya undang-undang khas untuk mengawal salah guna laman web digubal sewajarnya. Saya rasa perkara ini perlu diambil kira dalam undang-undang berkaitan dengan komunikasi dan multimedia. Saya difahamkan bahawa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bahawa akta itu tidak akan digunakan untuk menyunting atau censor Internet. Tindakan atas salah guna seperti ini boleh diambil di bawah undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan dan sebagainya mengikut keadaan sesuatu kes berkenaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ingin tahu perbezaan di antara paten dan litar bersepadu. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di sini bahawa daripada ramai Ahli Yang Berhormat yang berbahas telah mendapat salah fahaman atau kurang

faham tentang tujuan rang undang-undang ini. Kebanyakan mereka hanya menyentuh tentang litar bersepadu. Sebenarnya rang undang-undang ini adalah untuk memberi perlindungan kepada reka bentuk susun atur litar bersepadu - reka bentuk (layout design). Bukan pasal litar bersepadu, perlindungan bukan bagi litar bersepadu. Jadi, itulah menjadi punca bagi banyak Ahli Yang Berhormat yang membahas paten. Paten memberi perlindungan kepada suatu reka cipta yang baru di dunia, belum ada satu barang, dicipta boleh diberi paten. Misalnya, reka cipta telefon oleh Graham Bell dahulu untuk memudahkan hubungan dari satu tempat ke satu tempat lain. Sebelum itu tidak ada telefon, tidak ada alat perhubungan seperti itu.

Maka apabila dicipta, sudah wujud paten. Bagaimanapun, tempoh perlindungan paten untuk telefon telah tamat biasanya 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun mengikut negara-negara, tetapi 15 atau 20 tahun. Jadi, paten untuk telefon telah tamat dan semua orang boleh mengeluarkan telefon kerana reka cipta itu bukan lagi menjadi hak eksklusif penciptanya selepas tempoh 15 tahun dalam konteks Akta Paten negara kita atau negara-negara lain yang ada 15 atau 20 tahun.

Litar bersepadu pertama - ini baru litar bersepadu (integrated circuit), litar bersepadu pertama kalinya direka cipta oleh Jack Helby dari Texas Instrument tahun 1950'an. Oleh itu, litar bersepadu tidak lagi dilindungi di bawah paten. Tidak ada protection, tidak ada perlindungan bagi litar bersepadu – tidak, dalam dunia tidak ada. Hanya bagi layout design sahaja perlindungan diberi. Oleh itu, litar bersepadu tidak lagi dilindungi di bawah paten. Apa yang dilindungi sekarang ialah reka bentuk susun aturnya (layout design) kerana susun atur sesuatu litar bersepadu menentukan keberkesanan fungsi elektroniknya.

Secara ringkasnya perlindungan paten adalah lebih kepada teknologi baru. Manakala litar bersepadu adalah mengenai cara atau bentuk komponen-komponen elektronik di dalam sesuatu litar bersepadu disusun dan diatur. Layout design ini bukan boleh ditiru dengan senang. Industri-industri kecil (backyard industries) tidak boleh meniru layout design. Ini perlukan teknologi tinggi dan investment yang besar bagi menjalankan penyelidikan. Maka saya fikir kalau Ahli-ahli Yang Berhormat memahami keadaan ini tidak menimbulkan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh kerana banyak yang dibangkitkan adalah mengenai integrated circuit yang tiada dilindungi, hanya layout design yang dilindungi.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong juga menyambut baik akta-akta ini. Jadi, di bawah harta intelek dalam negara kita ada banyak undang-undang. Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tahap perlindungan bagi harta intelek di negara kita adalah sama atau negara kita lagi depan daripada negara-negara yang sedang membangun. Dan harta intelek itu kita pun menjadi anggota dalam World Intellectual Property Organization (WIPO) yang dianggotai oleh seluruh negara-negara baik yang membangun ataupun yang sedang membangun. Maka kepakaran adalah dirujuk kepada World Intellectual Property Organization. Persidangan diadakan, seminar dan juga melatih pegawai-pegawai dalam bidang harta intelek. Mereka juga datang ke kementerian untuk menjalankan latihan dan juga buat beberapa modul dan sebagainya mengikut standard antarabangsa. Maka tidak perlulah kita katakan bahawa taraf perlindungan harta intelek. Kita ada banyak undang-undang – Undang-undang Paten, Undang-undang Hakcipta, Undang-undang Industrial Design, Undang-undang Cap Dagangan pun ada dua pindaan yang akan dilakukan dalam sesi ini dan sebagainya. Jadi, dari masa ke semasa apabila perlu kita menggubal undang-undang yang diperlukan untuk memberi perlindungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun saya sedar bahawa ada beberapa rang undang-undang untuk melindungi hak intelek, tetapi kalau kita bandingkan dengan negara yang lebih berkesan, misalnya Hong Kong, adakah kita setanding dengan Hong Kong. Kerana kalau hendak banding, bandingkan dengan negara yang lebih maju daripada kita. Jangan bandingkan dengan negara yang kurang maju kerana ini bukan satu peradaban yang baik. Kita bandingkan dengan negara yang lebih baik. Kalau hendak bandingkan dengan Afghanistan tak payahlah, bandinglah dengan misalnya Hong Kong kerana ia satu tahap lebih tinggi daripada kita, macam mana kita banding dengan Hong Kong di dalam semua bidang termasuk susun atur litar bersepadu.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mahu meningkatkan taraf kita. Tetapi bandingan bukan kita buat daripada tahap kita. Kita masih satu negara yang sedang membangun. Jadi, kita perlu buat bandingan di kalangan kita, itu yang pertama. Tetapi kita mahu naikkan taraf kita setanding dengan peringkat antarabangsa. Dalam perlindungan harta intelek kita memang memenuhi

keperluan-keperluan TRIPS, itu standard antarabangsa. Kita memang telah pun menandatangani TRIPS Agreement. Itu adalah satu perlindungan yang dianggap standard antarabangsa, maka kita akan buat segala yang diperlukan untuk memberi perlindungan kepada bukan sahaja rakyat kita tetapi orang-orang luar. Ini perlindungan dalam harta intelek, kita beri melalui undang-undang kita, itu bererti orang-orang di negara lain yang juga menjadi anggota TRIPS Agreement juga dapat perlindungan dalam negara kita. Begitu juga kita dapat perlindungan dalam semua negara yang menjadi atau yang menandatangani TRIPS Agreement.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini ada bukan tiga dan empat yang berkaitan dengan perkara-perkara harta intelek, tetapi rang undang-undang itu adalah berbeza, bukan yang sama, maka saya berharap apabila perbincangan dilakukan tumpukanlah kepada perkara-perkara yang dikemukakan dalam undang-undang.

Mengenai penguatkuasaan – adalah tidak benar bahawa penguatkuasaan dalam negara kita tidak berkesan. Kalau ramai kata pasal reka bentuk susun atur, sehingga sekarang tidak ada undang-undang, tidak timbul masalah penguatkuasaan. Dalam negara kita belum ada satu aduan pun yang dikatakan reka bentuk susun atur litar bersepadu satu syarikat telah pun ditiru atau digunakan oleh pihak lain, belum lagi wujud. Jadi, baru-baru ini kita sudah pun ada undang-undang.

Bagi lain-lain akta yang berkaitan dengan harta intelek termasuk cetak rompak dan sebagainya, kita bagi tahun ini pun dari 1 hingga 14 April pun kita telah menjalankan tindakan-tindakan terhadap cetak rompak dan merampas. Barang-barang disita adalah sebanyak RM8,075,678. Jumlah kes yang terlibat adalah 4,684 kes. Ini saya pun tak tahulah. Ini menunjukkan bahawa kementerian berkesan dalam menguatkuasakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi, belum lagi. Ada lagi. Mengenai kebolehan pasukan penguatkuasaan untuk menangani beberapa isu berkaitan dengan harta intelek termasuk bukan sahaja cap dagangan, tetapi cetak rompak dan sebagainya. Sebagai tambahan, kita akan membentangkan satu lagi rang undang-undang yang baru, cakera padat yang juga bertujuan untuk menangani isu cetak rompak dalam negara kita. Itu Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bincang semasa itu

mengenai cetak rompak. Tunggu sampai rang undang-undang itu dibentangkan dalam satu, dua hari. Mungkin oleh Menteri sendiri. Tujuan utama ialah untuk menangani cetak rompak dalam negara kita, beberapa aspek terbaru.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Penekanan saya berhubung dengan penguatkuasaan ini, ada dua perkara sahaja. Yang selalu saya bangkit dan selalu saya sebut, tuan punya harta intelek yang hendak di *protect* kan itu biasanya berharap dengan pihak kerajaan sahaja. Saya bukan mengatakan kerajaan tidak mengambil tindakan, bahkan saya mengucap tahniah kepada kementerian dan pegawai-pegawai penguatkuasaan yang banyak mengambil pekerjaan dan menguatkuasakan undang-undang. Tetapi yang dipersoalkan saya ialah pihak tuan punya harta intelek sendiri tidak mengambil alih tugas kerajaan dan menguatkuasakan undang-undang supaya perkara itu jangan one side sahaja. Perkara ini jangan serahkan semua kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan sepatutnya sebagai badan kawal selia sahaja daripada menguatkuasakan undang-undang hak cipta. Kalau begitulah keadaannya kerajaan menjadi semua policeman untuk apa benda sekalipun. Itu pertanyaan saya.

Dato' S. Subramaniam: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lular. Saya bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh beliau, adalah benar bahawa masalah untuk memperlindungan harta intelek, orang yang mempunyai hak itu bukanlah tanggungjawab kerajaan, kerajaan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, tetapi kebanyakan perlindungan itu adalah orang yang mempunyai, tuan punya hak cipta sendiri atau tuan punya harta intelek sendiri ambil tindakan. Kalau kita meneliti Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu, kerajaan memperlindungi reka bentuk itu dan tuan punya reka bentuk itu diberi kuasa untuk membawa kes ke mahkamah. Mahkamah yang akan buat keputusan, bukan kementerian yang akan membuat keputusan dalam hal ini – mahkamah. Mahkamah yang akan menentukan, siapa yang mempunyai hak, siapa yang mengguna pakai layout design itu tanpa kebenaran atau tanpa lesen dan sebagainya, hampir kesemua tindakan yang mengandungi dalam rang undang-undang ini adalah perlindungan kepada tuan punya hak intelek untuk pergi ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lular yang memberi peluang untuk memberi penjelasan. Ahli Yang Berhormat bagi Rompin telah membangkitkan beberapa perkara, ini saya pun telah

jelaskan integrated circuit tidak diberi perlindungan, fasal itu sudah lamalah, tahun 50-an dan sekarang tidak ada lagi perlindungan maka tidak payahlah saya sebut tentang small scale integration, medium scale integration, large scale integration, very large scale integration, ultra large scale integration dan sebagainya, fasal tidak ada perlindungan,.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menyentuh mengenai keperluan kerjasama di antara agensi-agensi, memang saya telah pun menjelaskan bahawa kita menjadi anggota dalam WIPO, WIPO mempunyai kepakaran di peringkat antarabangsa dan kita buat rujukan kepada mereka dan apa sahaja maklumat yang diperlukan, kita memperolehi dalam perkara ini.

Publisiti mengenai harta intelek, kementerian memang sedar dan langkah-langkah telah pun dijalankan dan akan diteruskan untuk memberi lebih banyak publisiti dan juga kepada orang ramai dan juga mereka yang mempunyai hak harta intelek. Dalam kes-kes yang dibawa ke mahkamah, mahkamah boleh mendengar kedua-dua pihak dan kedua-dua pihak memang ada pakar dan selepas mendengar kes daripada kedua-dua pihak, mereka akan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan, yang penting telah pun dijawab Perkara-perkara lain kalau tidak dijawab telah diambil ingatan oleh saya dan juga pegawai-pegawai kementerian khususnya Bahagian Harta Intelek dan kita akan mengambil perkara-perkara itu untuk tindakan-tindakan susulan di mana diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.09 pagi

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang Susun Atur Litar Bersepadu 2000 bagi memberi perlindungan ke atas suatu reka cipta, susun atur litar bersepadu. Dengan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan susunatur litar bersepadu itu, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 perlu dipinda sewajarnya bagi memastikan tafsiran reka bentuk perindustrian tidak merangkumi reka bentuk susun atur litar bersepadu kerana kedua-duanya adalah merupakan dua perkara yang berbeza. Consequential amendment kepada rang undang-undang yang baru kita lulus. Seperti mana yang telah dijelaskan semasa membentangkan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu di Dewan ini, reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah merupakan unsur-unsur litar bersepadu yang disusun atur dan disediakan dalam bentuk tiga dimensi untuk tujuan pengeluaran.

Ia merupakan produk yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu fungsi elektronik misalnya dalam menggerakkan fungsi sesuatu komputer. Manakala reka bentuk perindustrian pula, adalah merupakan ciri bentuk tata rajah, corak atau hiasan yang dapat dilihat dan dinilai dengan pandangan mata.

Oleh kerana perbezaan ini, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 perlu dipinda untuk mengeluarkan reka bentuk litar bersepadu atau sebahagian daripada suatu litar bersepadu sebagaimana yang dimaksudkan di bawah Rang Undang-undang

Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu daripada perlindungan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996. Perkara-perkara utama yang dipinda adalah seperti berikut:-

- (a) Tafsiran barang. Tafsiran barang di bawah Seksyen 3(1) dipinda untuk mengeluarkan suatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan sesuatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian daripada akta; dan
- (b) Seksyen baru 13A. Seksyen baru 13A telah dimasukkan dalam akta untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 tidak boleh dilanjutkan atau dimasukkan semula di bawah akta itu selepas Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu hanyalah melibatkan tafsiran sahaja dan penjelasan mengenai kedudukan litar bersepadu yang telah didaftarkan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 sebelum Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian tahun 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batang Lumar.

11.14 pagi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada banyak benda yang hendak diperkatakan oleh kerana amendment pun tidak banyak juga, tetapi just a little bit of a pleasure to listen to some of the rumors from us, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu undang-undang berhubung dengan Akta Reka Bentuk Perindustrian ini memang kita telah ada wujud sejak tahun 1949 lagi dan dipinda pada 1998 dan sekarang kita pindahkan semula pada tahun 2000 ini ialah untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa. Dengan sendirinya dengan pindaan ini ternyata sekali intellectual property telah dikeluarkan daripada Rang Undang-Undang Reka Bentuk Perindustrian. Jadi, persoalan saya, adakah betul penilaian saya itu tadi mengatakan iaitu benda yang tidak boleh dipandang sebagai Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu ataupun barang-barang yang sama dengan perkara itu iaitu intellectual property yang tidak boleh dipandang dengan mata itu telah dikeluarkan daripada Rang Undang-Undang Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan adakah betul juga pandangan saya ini iaitu undang-undang 1996 ini yang dipinda pada pagi ini di Dewan yang mulia ini, hanya dikhaskan untuk barang yang boleh dipandang sebagai basikal, motosikal, motokar, komputer - badannya dan peti ais atau peti sejuk dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Adakah ini betul pandangan saya ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana saya sudah sebut kereta, motokar ini, saya pun ingin juga hendak tahu reka bentuk Proton Saga, Proton Wira, Proton Perdana itu siapa yang buat, kita sendirikah yang buat ataupun hak cipta perindustrian daripada Jepun yang masih kita gunakan. Kalau persoalan saya ini mengatakan ialah kita masih menggunakan benda ciptaan daripada negara Jepun, bilakah kita akan mengeluarkan hak cipta kita sendiri ataupun reka bentuk kereta Proton Saga ini ala Malaysia sendiri, tetapi kalau wujudnya reka bentuk ala Malaysia, janganlah buat yang Lat buat, oleh kerana Lat buat dengan bumbung Minangkabau, na nti kita lihat Proton Saga jalan dengan bumbung Minangkabau di jalan raya susah juga kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini berhubung dengan kereta, saya ingat amatlah penting kereta-kereta macam Proton Saga dan benda-benda keluaran kita reflect, design yang

ada di negara kita ini termasuklah mungkin kereta-kereta macam Lotus umpamanya yang kita telah ambil alih daripada pihak British.

Jadi, oleh kerana saya menyebut Lotus kereta motokar ini kerana berbangkit pada pagi ini saya baca surat khabar "*Alchemy plan to team with Lotus to produce sport car.*" Apa yang berlaku pada bulan lepas iaitu pihak BMW telah menjualkan holding nya dalam Rover dan Alchemy menggunakan MG nya mengambil alih share nya dalam BMW itu daripada Rover dan cuba team up dengan Lotus, kepunyaan Malaysia untuk menjual sport car ke Amerika. Tetapi latar belakangnya, BMW telah mengalami kerugian sebanyak 2 billion pound setiap tahun oleh kerana membiayai kerugian di Long Bridge, England kerana Rover ini. Rover ini tidak laku dijual oleh kerana kosnya mahal, pengeluarannya tinggi dan sebagainya.

Jadi, sebelum kita terlibat dengan Alchemy ini, yang mana latar belakangnya tidak ada mempunyai latar belakang kereta, sepatutnya kita mesti berjaga-jaga dan pihak Lotus mesti memandang jauh, jangan berlaku apa yang berlaku dengan BMW, kerugian 2 billion pound satu tahun untuk menyandangkan kos pengeluaran di Long Bridge di England.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa kaitannya Yang Berhormat, kerugian ini?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini saya hendak sebut sahaja, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan design kereta baru yang kita hendak jual ke Amerika itu siapa yang buat nanti, Lotuskah buat kalau Lotus buat adakah orang Malaysia yang buat. Jadi, reka bentuk ini kerana WTO di seluruh dunia, bermakna reka bentuk di England itu akan didaftar di England dan kita boleh kuatkuasakan berlandaskan undang-undang yang wujud nanti di bawah WTO. Maknanya undang-undang yang kita bincangkan di sini bukanlah ala Malaysia sahaja, tetapi ala global, maknanya undang-undang yang diwujudkan oleh kita ini supaya sama dengan undang-undang yang wujud di negara mana kita ada assign treaty di bawah WTO itu.

Jadi, itulah saya memberi sedikit pandangan berhubung dengan tujuan pihak Malaysia, Lotus hendak membincang dengan Alchemy ini yang tidak ada mempunyai latar belakang jenama kereta dan menjual kereta dan ada yang mereka buat ialah membuat MG yang kecil itu sahaja dan BMW sendiri pun kata tidak boleh ambil alih Rover ini kerana tidak guna, jadi kita pula hendak berbincang macam mana hendak

jual Kita memang menerima hakikat yang Proton Saga boleh laku di luar negara dan maju.

Jadi, saya berharaplah pihak kementerian melihat juga..., berbalik kepada persoalan reka bentuk ini. Soalan reka bentuk ini sama ada yang saya sebutkan tadi Malaysia akan mewujudkan reka bentuk kita sendiri untuk kereta-kereta yang kita keluarkan kerana ramai kawan-kawan menyebut soalan Proton Perdana eksekutif, proton itu cukup besar enjin kapasitinya, 3,000 c.c. pun ada, tetapi masalahnya reka bentuknya adalah reka bentuk sport.

Jadi, tidak sesuai untuk diguna sebagai limousin. Limousin itu mestilah macam besar nampaknya bila dipandang daripada luar, visual effect nya nampak besar, walaupun kita duduk, tempat duduknya selesa, tempat itu cukup besar tetapi nampak daripada luar nampak macam kereta sport. Design kereta Proton Perdana sepatutnya kita buat sendiri dan tunjukkan macam-macam kereta Jepun besar yang lain itu ataupun kereta Eropah besar yang lain itu dia mempunyai satu design yang nampak besar. Jadi, dengan adanya design kita sendiri, dengan sendirinya kita boleh meningkatkan komponen kita dalam kereta keluaran Malaysia ini dengan tinggi lagi.

Pada masa sekarang barang-barang kita mengatakan sudah kita keluar sendiri berapa peratus, mungkin 90% tetapi dalam masa yang sama design yang kita guna itu masih design yang kita import daripada Jepun yang mungkin kita kena bayar royalti. Saya tidak tahulah tetapi persoalannya kalau kita boleh dapat dengan design kita sendiri, yang kita daftar di bawah undang-undang ini berkemungkinan kos Proton itu mungkin boleh diturunkan lagi.

Begitulah seterusnya kepada benda-benda lain, selagi benda yang kita gunakan macam Nasional apa sahaja, bahkan telefon yang kita guna macam Ericson dan sebagainya kita bawa ke sini. Sepatutnya kita mewujudkan satu reka bentuk dan mungkin kita berunding untuk kita mencari orang yang boleh mengeluarkan alat-alat ini sendiri, tidak mengopi (copy) ataupun meniru orang lain dan gunakan nama yang sama tetapi kalau kita boleh wujudkan satu produk kita sendiri dengan design kita sendiri dan sebagainya dan kita jual atas nama kita sendiri dan kita tidak payah bayar royalti kepada mana-mana negara. Dalam keadaan yang sedemikian berkemungkinan kita boleh menjual apa-apa benda elektronik dan benda-benda yang canggih, benda-benda yang moden ini dengan harga yang lebih murah kerana kita tidak perlu lagi membayar kepada sesiapa pun.

Jadi dalam undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah dibincang pada tahun 1996 dahulu, tidak banyak sangat hendak dibincang, ini amendment sahaja. Amendment untuk mengeluarkan reka bentuk, susun atur tadi daripada perundangan 1996. Jadi, kalau kita hendak bincang, macam Yang Berhormat bagi Kepong, dia bolehlah cerita hal belakang Raja Laut dan sebagainya, dia boleh cerita semua benda itu, dari Kepong sampai ke Kuala Lumpur. Dia memang bijak bercakap macam itu tetapi tidak ada satu benda pun yang betul dia cerita, Tuan Yang di-Pertua, macam Tuan Yang di-Pertua sebut tadilah, saya repeat sahaja ini.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian saya mengalu-alu pindaan yang kita buat di sini dengan harapan semua syarat dalam treaty di bawah WTO itu dapat kita penuhi dan soal-soal enforcement dan sebagainya tadi, sebagaimana Dato' telah jelaskan amat membanggakan. Apa yang saya seru ialah kepada pihak intellectual owner ataupun owner of all these properties, marilah sama menggunakan inisiatif sendiri, jangan bersandar sangat kepada pihak kerajaan supaya sedikit sebanyak boleh mengurangkan kos kepada kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedemikian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, sila.

11.25 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi 'batang nan terlupa' perlu 'membatangkan' perkara ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah hanya consequential dan pendaftaran itu tidak boleh dilanjutkan ataupun dimasukkan semula kepada rang undang-undang ini. Memang kita perlu membuat pindaan yang consequential ini. Cuma Yang Berhormat sebutkan yang pertama, kita sebagai ahli World Intellectual Property Organization (WIPO). Di dalam WIPO ini adakah cadangan daripada WIPO untuk kita berbuat demikian, untuk meminda akta-akta yang ada sekarang dan seterusnya adakah ini termasuk di dalam persetujuan TRIPS. Saya pun seronok juga kerana nampaknya pihak kerajaan ada bergiat aktif di dalam WIPO.

Saya berharap pihak kerajaan dapat mempertingkatkan kegiatan supaya kita tidak mahu dituduh sebagai sarang untuk melakukan pelanggaran terhadap hak perlindungan dan saya pun berterima kasih kepada definisi yang diberi oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai beberapa perkara termasuk reka bentuk litar bersepadu tadi.

Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Malaysia pernah disiasat oleh pihak Amerika Syarikat kerana kebanyakan masalah ini timbul kerana negara yang paling maju di dalam memasarkan produk-produk hak intelek ini ialah Amerika Syarikat. Pihak Amerika Syarikat mempunyai Akta Dagang (Trade Act) 1974 (Pindaan) termasuklah peruntukan 301 ataupun 306 – Special 301 ialah untuk memperlindungan syarikat-syarikat Amerika Syarikat daripada mengalami kerugian kerana pelanggaran hak intelek ini termasuklah akta-akta yang ada di Malaysia, dasar-dasar dan juga amalan-amalannya. Saya pun tidak tahu sama ada kita pernah disiasat oleh pihak Amerika Syarikat terhadap hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Special 301 ini, di dalam Trade Act 1974 yang dipinda di Amerika Syarikat ialah apabila dia membuat siasatan yang mendapati sesebuah negara tidak mematuhi kehendak-kehendaknya, disebutkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebagai priority foreign country. Priority foreign country ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, country which has;

- (i) the most onerous and egregious acts policies and practices which have the greatest adverse impact, actual or potential on the relevant US products; and
- (ii) are not engage in good faith negotiations or making significant progress in negotiations to address these problems. Ini termasuklah terutamanya negara China dan di sini Macao pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada kita pernah disiasat di bawah Special 301 oleh Amerika Syarikat dan seterusnya adakah ini di bawah desakan daripada WIPO ataupun di bawah persetujuan TRIPS nya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun, selepas ini Menteri menjawab.

11.28 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan ini yang bertujuan untuk menyesuaikan semula dengan sebab kementerian telah pun membentangkan Akta

Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Jadi, jika hendak dibincangkan tentang soal ini telah pun dibincangkan semasa rang undang-undang ini dibentangkan tadi.

Apa yang ingin saya sentuh sekarang adalah mengenai dengan Akta Reka Bentuk Perindustrian ini. Ada beberapa penjelasan yang perlu saya dapatkan daripada kementerian.

Pertama, saya ingin bertanya mengenai dengan kes-kes yang terlibat di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian untuk kita mengetahui sejauh manakah akta ini telah digunakan di negara kita.

Kedua, tentang apa yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Saya bersetuju mengenai dengan soal sama ada Amerika Syarikat ataupun negara-negara maju lain termasuk Eropah atau Jepun telah membuat penyiastan ke atas reka bentuk di negara kita sama ada berlaku pelanggaran ataupun tidak. Saya menyentuh perkara ini kerana dalam satu statement menyatakan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat begitu komited untuk mempertahankan produk dan perkhidmatan di pasaran domestik dan antarabangsa. Dalam erti kata lain, banyak rang undang-undang termasuk Intellectual Property Rights, reka bentuk dan lain-lainnya dihasilkan oleh negara-negara maju ini. Antara tujuannya adalah untuk mempertahankan produk mereka daripada ditiru oleh orang lain.

Kalau kita lihat dari segi sejarah pembangunan ekonomi, ia bermula dengan negara Amerika Syarikat dan Eropah menguasai dunia dengan produk-produk mereka. Kemudian, sebaik sahaja masuk abad ke-20, kita ada negara Jepun yang awalnya meniru produk-produk tersebut tetapi telah melakukan produk depreciated sehingga produk yang dihasilkan oleh negara Jepun lebih baik daripada yang dihasilkan oleh negara asal. Saya dapati di sini, untuk mempertahankan penguasaan pasaran antarabangsa terutama produk yang dihasilkan oleh negara asal, maka undang-undang ini perlu diadakan. Sehubungan dengan itu juga, oleh kerana kita sebuah negara baru ataupun negara perindustrian baru, tentulah kita akan menghasilkan produk-produk baru. Sebenarnya bukan produk baru, produk yang di depreciated kan, diletakkan ciri-ciri yang lain.

Jadi, sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari segi produk di bawah akta ini, kalau produk ini produk differentiated, bagaimanakah treatment nya di bawah akta ini kerana pernah

saya menyatakan bahawa semua produk di dunia ini telah dihasilkan, bermakna produk yang manusia perlukan telah pun dihasilkan, tidak ada satu produk baru lagi hendak dihasilkan. Mungkin yang hendak dihasilkan produk yang melibatkan bidang Intellectual Rights – komputer, Internet dan sebagainya tetapi produk-produk yang fizikal, yang diperlukan oleh manusia sebenarnya telah pun dihasilkan. Tidak ada lagi ciptaan-ciptaan baru yang perlu untuk kegunaan manusia. Ini bermakna bahawa negara-negara yang bersaing dalam ekonomi ini hanya mengeluarkan produk-produk yang telah dihasilkan dalam bentuk baru, yang saya katakan produk differentiated tadi.

Jadi, sehubungan dengan itu, bagaimanakah treatment di bawah akta ini kepada produk differentiated depreciated. Negara kita tentunya yang ingin menjadi sebuah negara perindustrian yang mampu bersaing akan melakukan produk differentiated tersebut seperti mana kata Yang Berhormat bagi Batang Lupa, automobil, telefon, produk-produk lain yang dihasilkan. Jika ini tidak boleh dihasilkan, bermakna kita akan sampai kepada satu ketika kita tidak boleh lagi menghasilkan sebarang produk.

Sehubungan dengan itu, bagaimanakah kita melindungi pula industrialist tempatan bila menghasilkan produk-produk tersebut. Itu sebabnya pada awal tadi saya menyatakan tentang kes yang terlibat dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tentang penyiasatan-penyiasatan, adakah banyak kes yang terlibat serta penyiasatan-penyiasatan yang dilakukan oleh pihak luar yang kita merasa begitu bimbang. Akhirnya kita langsung tidak boleh menghasilkan sebarang produk.

Oleh yang demikian, tentang akta ini yang melibatkan negara kita dan seluruh dunia akhirnya, bagaimanakah akta ini hendak dikuat kuasakan bila ia melibatkan negara lain, cross border enforcement, umpamanya. Sekarang kita mula menghasilkan produk, bila kita menghasilkan produk tersebut, produk akan dieksport kemudian orang lain pula akan meniru ataupun membuat produk differentiated, bagaimana pula kita, mekanisme untuk kita pula membuat siasatan ke negara luar tersebut dan ia berkesan atau tidak, mekanisme manakah yang akan digunakan.

Seterusnya saya ingin bertanya pula tentang soal-soal reka bentuk ini. Biasanya reka bentuk akan dihasilkan oleh satu syarikat. Katalah syarikat memerlukan modal dan dalam proses untuk mendapatkan modal, syarikat akan

membuat permohonan pinjaman dan kertas-kertas berkenaan dengan produk yang hendak dikeluarkan ini akan dihantar kepada pihak bank. Katalah, pihak bank melakukan foul play, dengan izin, bermakna kertas yang disediakan itu diberi kepada client yang lain. Saya menyentuh perkara ini kerana cukup banyak yang berlaku di negara-negara maju terutama negara maju biasanya memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam yang masih lagi belum menghasilkan produk dalam peringkat reka bentuk di atas kertas ataupun pada peringkat prototype, permohonan pinjaman dibuat dan banyak berlaku pelanggaran dari segi kertas kerja ataupun prototype yang dihasilkan oleh sebuah syarikat ini diambil dan dijual kepada pihak-pihak lain.

Saya pernah menyatakan bahawa antara sebab orang Jepun membeli bank-bank di Amerika Syarikat adalah bertujuan untuk tujuan ini. Dia hijack satu reka bentuk, satu kertas kerja yang dimasukkan oleh satu syarikat, kemudian oleh kerana bank tersebut dikuasai oleh orang Jepun di Amerika Syarikat, jadi kertas ini dipindahkan secara yang tidak legitimate kepada pihak lain dan pihak lain pula menirunya dan menjadi reka bentuk pihak tersebut. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, kalau kes-kes begini berlaku bagaimanakah remedy yang akan diperolehi oleh seseorang individu ataupun sesebuah syarikat. Mungkin pada peringkat ini tidak banyak melibatkan kes-kes di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian tetapi kita melihat pada masa akan datang, apabila kita meningkatkan aktiviti-aktiviti perindustrian perkara-perkara ini akan menjadi perkara biasa di negara kita.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri menjawab.

11.345 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Kepong dan Batang Lupar yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang dikemukakan iaitu rang undang-undang meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

Saya suka menjelaskan bahawa Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 telah pun diluluskan dan masih dalam penguatkuasaan. Mengikut akta itu, tafsiran reka bentuk perindustrian adalah seperti berikut:

Ciri bentuk, tata rajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian iaitu ciri yang pada barang siap merupakan ciri yang menarik dan dinilai dengan pandangan mata tetapi tidak termasuk kaedah atau prinsip pembinaan atau ciri bentuk atau tata rajah sesuatu barang. Maka dengan penguatkuasaan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, mereka boleh mendaftarkan, sesiapa yang mencipta atau mereka bentuk boleh daftarkan di kementerian reka bentuk yang diciptakan oleh syarikatkah atau orang individu dan sehingga sekarang jumlah yang memohon untuk mendaftar adalah sebanyak 320, yang didaftar adalah sebanyak 11 dan 226 adalah untuk proses kementerian.

Maka, apa yang dibuat hari ini adalah pindaan kepada akta itu oleh kerana sebelum kita meluluskan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, sebelum kita luluskan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, memberi perlindungan atau mereka yang mempunyai reka bentuk (layout design) boleh mendaftarkan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian.

Oleh kerana baru-baru ini kita telah terima reka bentuk susun atur litar bersepadu, maka kita mengeluarkan reka bentuk susun atur litar bersepadu daripada Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

Tuan Yang di-Pertua, itu kalau difahami tidak timbul banyak masalah. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 melindungi reka bentuk dan corak hiasan yang boleh dilihat yang diberi keutamaan adalah aspek estetikanya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular. Oleh sebab itu, bagi memberi penjelasan yang tepat reka bentuk litar bersepadu, dipastikan tidak dilindungi di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Tambun telah membangkitkan mengenai siasatan oleh Amerika Syarikat ke negara membangun, negara kita pernah disenarai di bawah Review 301, sebelum tahun 1991 kerana masa itu kita tidak mempunyai undang-undang yang mencukupi tetapi selepas itu negara kita dikeluarkan daripada Review 301. Review 301 menyenaraikan nama-nama negara yang tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi bagi harta intelek atau bidang-bidang lain. Ini adalah merupakan praktis di bawah Undang-undang Perdagangan Amerika untuk panduan pelabur-pelabur mereka.

Tetapi sukalah saya menjelaskan, kita di peringkat kementerian ada perhubungan dengan banyak badan selain daripada kerajaan, kita ada perhubungan

yang rapat dengan Business Software Alliance yang merupakan satu syarikat di Amerika tetapi mereka mewakili, *the leaders in business software* dan mereka telah memberi satu laporan bahawa Malaysia telah pun berjaya menangani isu-isu cetak rompak dalam bidang software, baru-baru ini dalam bulan lalu, kita telah pun ada sekali lagi didatangi mereka untuk mengadakan satu seminar dan mereka puji langkah-langkah yang telah diambil oleh negara kita dalam isu *business software*.

Baru-baru ini satu lagi US-Asian Council telah melawat dan mengadakan satu perbincangan dengan kementerian. Mereka juga telah menyuarakan bahawa mereka puas hati tentang keadaan yang wujud dalam negara kita dan apabila kita membangkitkan bahawa ada usaha-usaha yang dijalankan oleh media di negara asing yang merosakkan ataupun memberi gambaran yang tidak begitu baik atau *slanted*, mereka bersetuju dan mereka sanggup memberi kerjasama kepada kementerian dan juga pihak kerajaan. WIPO ini adalah satu daripada badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) bagi memajukan perlindungan harta intelek dalam dunia. Pindaan-pindaan akta dan penggubalan akta baru adalah untuk memenuhi obligasi TRIPS di bawah World Trade Organization.

Ada Ahli Yang Berhormat bagi Tambun dan juga dari Batang Lepar telah membangkitkan mengenai *design* kereta-kereta dan sebagainya. Soal *design* adalah terpulang kepada pereka cipta. Dengan adanya undang-undang yang melindungi, kita harap ia dapat menggalakkan lebih banyak design tempatan yang diberi perlindungan melalui akta yang sedia wujud. Sesuatu reka bentuk perindustrian itu akan dilindungi setelah didaftar.

Oleh itu, untuk mengelakkan daripada orang meniru, reka bentuk itu hendaklah *industrial design*. Reka bentuk industrial itu hendaklah didaftar dahulu, sebelum dicipta perlulah didaftarkan supaya dapat perlindungan. Perjanjian antara kita sertai termasuk TRIPS memastikan produk sesebuah negara tidak ditiru di negara-negara lain. Jika ada peniruan, tindakan undang-undang boleh diambil oleh kerana kita pun ada undang-undang, negara-negara yang menyertai perjanjian itu pun ada undang-undang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada satu lagi tadi. Adakah negara kita boleh membuat penyiasatan juga kepada negara lain mengenai hak cipta kita iaitu yang Yang Berhormat bagi Tambun bangkitkan tadi.

Dato' S. Subramaniam: Sebenarnya siasatan boleh dibuat oleh mana-mana negara. Itu hak kita. Cuma, adakah apabila kita membuat penyiasatan terhadap negara lain, adakah mereka menerima atau tidak, itu lain hal. Oleh kerana Amerika menganggap mereka sebagai satu negara yang besar, maju dan telah berindustri, mereka kadang-kadang menggunakan kuasa mereka untuk meminta Negara-negara Sedang Membangun atau negara-negara kecil untuk mematuhi beberapa peraturan-peraturan supaya perdagangan kita dapat dimajukan. Jadi, sesiapa pun boleh melakukan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun, Tambun berdiri.

Dato' S. Subramaniam: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun berdiri lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah tolong satu tadi. Kot ada yang lain.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi menyentuh tentang soal perlindungan kepada pengusaha kita, soal *cross border* tadi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kita boleh mengambil tindakan apabila sesuatu pelanggaran berlaku di negara lain. Yang saya cuba bangkitkan dari segi mekanisme, sekarang katalah seorang pengusaha kita menghasilkan satu produk yang berdaya maju di pasaran antarabangsa, setelah beberapa tahun ada satu syarikat tempat lain meniru dan mengeluarkan produk yang sama.

Jadi, mekanisme dia macam mana, adakah pengusaha ini sendiri akan membawa kes itu ke mahkamah di negara lain ataupun kita ada *trade mission*, kita punya *embassy* kah – soal mengesan produk yang dihasilkan oleh negara kita dibuat oleh orang lain yang akan sabotaj akhirnya produk kita, siapakah yang akan melakukan?

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih. Produk itu terlalu umum. Ada produk-produk, kalau ada satu produk yang ada perlindungan di bawah harta intelek, umpamanya kalau kita kata pen – pen ini *design* nya tidak ada perlindungan, barang ini pun tidak ada perlindungan, sesiapa boleh mengeluarkan dan sesiapa boleh jual.

Tetapi nama atau logo mereka kalau didaftarkan ataupun nama itu ada perlindungan. Jadi, terlalu umum. Kalau barang-barang yang mempunyai perlindungan di bawah satu akta yang sedia wujud dalam negara kita termasuk reka bentuk perindustrian, kalau ada satu reka bentuk yang ditiru, itu kita boleh ambil tindakan.

Pihak yang mempunyai hak, kalau didaftar di bawah kementerian kita tentang reka bentuk, kita pun akan membantu orang yang mempunyai hak itu supaya ambil tindakan melalui mahkamah. Ataupun kita boleh menjalankan siasatan kalau kita dapati dengan terang, reka bentuk itu ditiru, kita pun sanggup mengambil tindakan. Begitu juga dengan *software*, dengan barang-barang yang mempunyai ataupun sudah ada *protection* dan tuan punya hak itu ada dengan bukti, ada hak dia. Tetapi bagi produk-produk lain yang tidak ada *protection*, tidak boleh. Bukan sahaja di negara kita, di mana-mana negara di dunia begitu juga.

Tentang cross border, di bawah TRIPS Agreement, setiap negara yang telah menandatangani *agreement trade related aspects* yang di bawah TRIPS itu, mereka perlu mematuhi dan kita dapat perlindungan kalau kita menandatangani TRIPS Agreement, kita memberi perlindungan kepada negara-negara asing yang juga menandatangani TRIPS Agreement. Jadi, kedua-dua pihak kita dapat perlindungan, di negara kita dan di negara lain.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat daripada sudut perlindungan produk kita di negara kita, juga di negara lain. Soalnya dari segi reka bentuk telah pun didaftarkan Itu maksud saya tidak mahu pergi kepada produk-produk yang tidak didaftarkan dan *software*, itu luar daripada rang undang-undang ini.

Saya ada bertanya tadi, dari segi kes-kes yang terlibat. Tujuan saya bertanya soalan ini adalah untuk saya hendak cuba kaitkan dengan pada peringkat sekarang, sejauh manakah kita melindungi produk kita kerana saya melihat bahawa sekarang ini mungkin tidak banyak masalah tetapi pada masa akan datang, apabila kita banyak menghasilkan produk-produk yang dianggap produk sendiri.

Kemudian dari segi *product differentiated* tadi yang saya tanya, adakah kita bermaksud kalau kita mengeluarkan satu produk, cirinya berbeza sedikit daripada yang dikeluarkan itu. Itu tidak termasuk bawah akta, maksud saya satu produk dikeluarkan telah didaftar, kemudian orang lain mengeluarkan produk yang ada sama tetapi sedikit sahaja perbezaan. Adakah pereka bentuk asal ini mendapat perlindungan? Orang

yang kedua ini mungkin dia tidak membuat sebarang penyelidikan untuk menghasilkan produk tersebut tetapi dia buat sedikit sahaja perbezaan. Jadi, apakah *remedy* yang ada kepada pencipta asal ini? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan ada barang-barang yang ada perlindungan. Kalau barang itu pada asalnya tiada perlindungan di mana-mana akta, maka mereka tidak boleh

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada cakap yang tidak ada perlindungan, saya bercakap tentang yang ada perlindungan. Sekarang produk ini telah pun didaftarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak masuk ke situlah?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta contohlah. Kalau tidak ada contoh, susah pasal.., katalah macam Selangor Pewter, ia ada perlindungan, itu pun rang undang-undang baru dikemukakan dalam sesi ini, *well known marks* atau *geographical indication*, ada lagi satu rang undang-undang. Jadi, apabila kita sebut terlalu umum, kita tidak boleh jawab. Kalau barang itu ada perlindungan, ada *intellectual property protection*, salah satu rang undang-undang barulah tuan yang mempunyai hak itu mengambil tindakan.

Kalau barang itu tidak ada lagi *intellectual property protection*, seperti saya katakan tadi, telefon – tidak ada portection lagi. Itu sudah luput, masa *prohibition protection* itu sudah luput, sesiapa pun boleh keluarkan telefon. Tetapi kita memberi perlindungan kepada *layout design*, itu sahaja. Jadi, kalau produk itu perlu disebutkan, barulah kita pun boleh, mungkin kalau saya tidak tahu, kita boleh rujuk kepada pegawai-pegawai untuk menentukan barang itu ada *protection* atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ya, Menteri.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETUNJUK GEOGRAFI 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.53 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan petunjuk geografi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 di Dewan ini pada 19 April semalam, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) termasuk Malaysia telah menandatangani satu perjanjian yang dinamakan Agreement on Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS) yang bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai harta intelektual di kalangan negara-negara ahli WTO.

Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS itu semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk penggubalan satu Akta baru iaitu Akta Petunjuk Geografi 2000. Petunjuk geografi merupakan salah satu cabang harta intelek. Ia adalah merupakan petunjuk yang mengenal pasti indikasi dari mana sesuatu barangan itu berasal di mana kualiti kerja, reputasi atau lain-lain ciri barangan tersebut dikaitkan dengan tempat asal ia dikeluarkan. Tafsiran petunjuk geografi terdapat di Fasal 2 Rang Undang-undang.

Pada masa ini perlindungan petunjuk geografi memainkan peranan penting dalam perhubungan perdagangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Penyalahgunaan petunjuk geografi adalah bertentangan dengan amalan perdagangan dan perindustrian yang beretika kerana ianya boleh menyebabkan kekeliruan kepada pembeli mengenai asal usul barangan yang dibeli. Penyalahgunaan indikasi tersebut juga akan menimbulkan persaingan kurang sihat dalam perdagangan. Petunjuk geografi boleh diguna kepada barangan yang semulajadi atau barangan pertanian atau apa-apa barangan dari hasil kraftangan atau dari industri kayu-kayan, industri gula, buah-buahan, wain, kopi, teh, tembakau, barangan tekstil dan lain-lain.

Datuk Yang di-Pertua, mewujudkan sistem pendaftaran petunjuk geografi boleh menyumbang kepada reputasi dan mewujudkan nama baik kepada barangan yang berindikasikan nama tempat di kalangan pengguna yang seterusnya boleh menaikkan promosi eksport barangan tersebut dengan lebih berkesan di samping memperkenalkan tempat tersebut seperti Selangor Pewter, Langkawi Marble, Kacang Menglembu dan lain-lain nama tempat di negara ini. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah merangkumi peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk melindungi tuan punya atau pemilik petunjuk geografi.

Datuk Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 yang dicadangkan secara keseluruhannya mempunyai 32 Fasal dan dibahagi kepada 7 bahagian seperti berikut;

Bahagian I merangkumi peruntukan-peruntukan berhubung dengan permulaan. Bahagian ini mempunyai 2 Fasal iaitu mengenai tajuk ringkas dan tafsiran.

Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlindungan petunjuk geografi. Bahagian ini mempunyai 5 Fasal yang menyediakan peruntukan bagi melindungi petunjuk geografi tidak kira sama ada ia didaftar di Malaysia atau tidak dan peruntukan bagi melarang pihak-pihak yang tidak berkenaan daripada menggunakan sesuatu petunjuk geografi yang tiada kaitan dengannya. Bahagian ini juga menyediakan prosiding sivil di mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan petunjuk geografi dengan cara perintah injuksi, memberi bayaran gantirugi dan apa-apa remedi sivil (civil remedy) atau relief yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran yang dibahagikan kepada 3 Fasal. Ini termasuklah

peruntukan supaya diwujudkan pejabat pendaftaran petunjuk geografi serta pejabat cawangannya dan satu daftar petunjuk geografi disediakan untuk merekod butir-butir berkaitan petunjuk geografi yang didaftarkan dan daftar itu dibuka untuk semakan orang awam. Untuk menguruskan pejabat pendaftaran dan urusan pendaftaran Menteri diberi kuasa melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong-penolong Pendaftar Petunjuk Geografi .

Bahagian IV mempunyai 11 Fasal yang menyediakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan tatacara pendaftaran petunjuk geografi Ia juga menjelaskan mengenai kelayakan untuk mendapat pendaftaran. Permohonan yang mematuhi kehendak formal yang ditetapkan serta tidak berlawanan dengan kesejahteraan awam atau akrab permohonannya akan diluluskan dan diwartakan.

Seterusnya sijil pendaftaran akan dikeluarkan apabila tiada bangkangan terhadap permohonan tersebut. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa hanya pengeluar yang menjalankan aktiviti ditempat petunjuk geografi seperti yang tercatat di dalam buku Daftar Petunjuk Geografi sahaja yang mempunyai hak untuk menggunakan petunjuk geografi berkenaan dalam urusan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V mengandungi 5 Fasal iaitu mengenai peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa-kuasa pendaftar untuk membatalkan atau membuat rektifikasi (rectification) kepada mana-mana pendaftaran petunjuk geografi di dalam buku daftar dan juga kuasa pendaftar untuk membuat pembetulan kepada apa-apa kesilapan terjemahan atau transkripsi, kesilapan tulisan atau kesalahan lain dalam mana-mana permohonan atau dokumen yang difailkan. Pendaftar juga diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh masa ke atas perkara-perkara yang telah ditetapkan tempoh masanya di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan atau peraturan di bawahnya.

Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk mengenakan kos kepada mana-mana pihak selepas sesuatu prosiding. Pendaftar juga boleh mengenakan sekuriti kos prosiding mengenai bangkangan kepada pemohon atau pembangkang yang tidak tinggal dan tidak menjalankan perniagaan di Malaysia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI adalah mengenai peruntukan-peruntukan khas yang mengandungi 3 Fasal yang berkaitan dengan peruntukan mengenai kedudukan perlindungan petunjuk geografi sebelum atau selepas penguatkuasaan

Rang Undang-undang Petunjuk Geografi yang dicadangkan ini. Bahagian ini juga menyediakan peruntukan bagi melindungi cap dagangan yang serupa atau seiras dengan petunjuk geografi yang telah didaftarkan sekurang-kurangnya 10 tahun sebelum tarikh 15 April 1994 atau *bona fide* sebelum tarikh tersebut. Ini adalah untuk mematuhi Perkara 24.4 hingga 24.8 Perjanjian TRIPS.

Bahagian VII, mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai. Bahagian ini mengandungi 3 Fasal yang berkaitan dengan kuasa untuk membuat rayuan ke atas keputusan pendaftar dan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi adalah selaras dengan standard antarabangsa dan mematuhi kehendak perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Adalah diharapkan Rang Undang-undang ini boleh meningkatkan eksport barangan negara ini dan dengan secara tidak langsung akan menaikkan nama serta meningkatkan dagangan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk mengadakan satu peruntukan bagi perlindungan petunjuk geografi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

12.06 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya cuma ada satu soalan iaitu saya mengikuti ucapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mencadangkan bahawa misalnya Langkawi Marble dan Selangor Pewter, mereka selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan dan apabila mereka memohon untuk didaftarkan mereka akan dilindungi. Adakah ini bermakna bahawa selepas Selangor Pewter yang tadi Yang Berhormat sebut itu selepas didaftarkan maka orang-orang lain termasuk Malaysia, Thailand. Thailand juga adalah satu negara yang mengeluarkan bijih-bijih dan juga terdapat Thailand ada kilang-kilang dan manufacture-manufacture pewter ware sama ada mereka ini tidak boleh menjalankan perniagaan atau manufacturing mereka selepas ini dan serupa juga Langkawi Marble, adakah bermakna tuan punya

lombong marble ini apabila didaftarkan maka keseluruhan Pulau Langkawi ini tiada orang lain, tiada syarikat lain yang boleh memohon kepada kerajaan supaya dapat melombongkan marble ini cuma soalan yang saya hendak membangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tambun.

12.10 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana kita tahu memang dunia perdagangan antarabangsa penuh dengan *cut throat competition*, peniruan dan sebagainya, jadi ini satu usaha untuk meningkatkan disiplin industri perdagangan antarabangsa. Saya pun hendak sentuh secara ringkas sahaja mengenai dengan pendaftaran ini. Kita sekarang ada batik, banyak batik - batik Kelantan, batik Terengganu, batik Perak. Saya ingat yang bahagian tidak berapa faham. Katalah satu satu pengusaha batik di Bachok katakan, ia mendaftar batik Kelantan, ia ambil nama batik Kelantan. Kemudian orang tidak sedar ia kata batik Kelantan, ada orang lain di Tumpat kata, tentu ia hendak menggunakan nama lebih besar ini, batik Kelantan lebih besar daripada batik Tumpat.

Jadi, kalau berlakulah percanggahan ini, macam mana hendak diselesaikan kerana ia lebih awal gunakan batik Kelantan padahal ia bukan mewakili Kelantan, ia mewakili batik Bachok? Seperti Selangor Pewter Yang Berhormat, orang lain pun boleh mengeluarkan pewter - Ipoh Pewter tetapi tidak boleh menggunakan nama Selangor Pewter, itu sahaja. Pewter ware di mana pun boleh dihasilkan, boleh dikeluarkan dan hanya nama tersebut tidak boleh digunakan.

Dari segi Yang Berhormat menyatakan tadi tentang eksport, akan meningkatkan eksport ini, adakah pihak kementerian sebenar telah ada satu kajian yang mana ada nama-nama yang boleh dijual, seperti Selangor Pewter saya bersetuju sudah terkenal di seluruh dunia. Kalau di Kuala Kangsar, Mariwasa, ia buat medal bukan sahaja di Malaysia, malah luar negara membeli medal tersebut.

Jadi, dari segi kementerian apabila Rang Undang-undang ini dilaksanakan, dari segi eksport ini, berapa banyakkah bidang-bidang yang kita punya potensi? Yang Berhormat, saya hendak kait dengan apa Yang Berhormat katakan tadi, kita boleh meningkatkan eksport? Bermakna pihak kementerian sudah mengkaji bahawa dengan terlaksananya akta ini nanti, banyak produk yang ditunjukkan secara geografi ini boleh diketengahkan namanya akan dibeli di peringkat antarabangsa.

Kemudian ketiganya, soal mengenai industri tekstil. Saya tengok industri tekstil terutama dari segi pakaian, boleh katakan banyak negara di Asia terlibat dalam bidang ini dan standardnya hampir sama. Pada peringkat sekarang kebanyakan daripada kita menghasilkan satu jenama untuk satu-satu jenama antarabangsa untuk Italiankah, US tetapi dihasilkan mungkin Menglembu, mengeluarkan jenama antarabangsa tetapi daripada Menglembu, daripada Thailand pun ada. Saya pergi tengok di luar negara banyak jenama antarabangsa made in Thailand, South Korea. Jadi, tentang jenama ini, tentang tekstil industri pakaian macam manakah Rang Undang-undang ini boleh mendisiplinkan industri tersebut kerana kualiti yang dikeluarkan hampir sama. Soal peniruan dan sebagainya tidak dapat dikenal pasti ataupun dikesan kerana ia hampir sama. Sebagai contoh katakan Californian clothing product, kemudian dikeluarkan di Malaysia ia menggunakan nama yang sama dijual di peringkat antarabangsa daripada Thailandkah jadi macam manakah Rang Undang-undang ini dapat membantu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang.

12.15 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di bawah Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 ini. Saya ingin mengucap tahniah kepada kerajaan yang saya rasa bahawa Rang Undang-undang ini adalah tepat pada masanya dan perlu dikuatkuasakan bukan sahaja kita membuat melulus Rang Undang-undang tetapi penguatkuasaan juga adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik bahawa Rang Undang-undang ini meliputi keseluruhan jenis produk khususnya produk-produk semulajadi yang bersangkutan dengan barangan-barangan semulajadi, kraftangan, barang-barang pertanian yang mana ini adalah sebagai satu usaha untuk menonjolkan negara kita dengan menggunakan petunjuk geografi bahawa ini adalah barangan daripada Malaysia khususnya. Kita berbangga seperti yang dikatakan tadi bahawa barangan seperti Selangor Pewter bukan sahaja kita boleh dapat daripada Kuala Lumpur tetapi juga berada di pasaran-pasaran besar di London, Paris dan di seluruh negara. Begitu juga dengan produk-produk yang lain yang mempunyai jenama Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa produk-produk tempatan ini haruslah konsisten. Kita berbangga kalau Selangor Pewter ini mestilah konsisten.

Bila ia mendapat nama di seluruh negara ia haruslah dipelihara dan dijaga. Memang telah didaftarkan di bawah kerajaan tetapi kerajaan juga haruslah menjaga supaya Selangor Pewter ini maju dan berkembang. Kita tidak mahu apabila nama yang dibuat ataupun paten dan juga mempunyai petunjuk geografi yang begitu baik, syarikat ini nanti menghadapi masalah dan setelah nama mereka ini dikenali seluruh dunia mereka menutup syarikat ini. Sebolehnya kerajaan hendaklah jikalau ada syarikat-syarikat yang lesu oleh kerana masalah dalaman yang mempunyai nama yang baik, mestilah ada orang lain yang mengambil alih syarikat ini dan meneruskan perniagaannya supaya nama Malaysia itu terus harum di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bangga bahawa Malaysia misalnya mahu mengeluarkan produk-produk yang ada petanda geografi sendiri misalnya Proton dengan ada nama-nama tempatan seperti Wira, Satria dan sebagainya. Tetapi saya ingin minta penjelasan daripada kementerian apakah kedudukan pelabur luar yang menggunakan bahan tempatan kemudian menonjolkan petunjuk geografi mereka ataupun lambang mereka sendiri, sedangkan bahan-bahan yang kita guna adalah bahan daripada negara kita? Bolehkah kita meminta supaya sebagai prasyarat syarikat-syarikat yang terkenal juga di seluruh dunia barangkali melabur di negara kita, kita mesti ada pelbagai jenis produk yang khas dengan nama Malaysia sendiri dan juga menunjukkan petunjuk geografi Malaysia sendiri supaya nama Malaysia itu dikenal? Misalnya satu produk kereta di Indonesia ada nama kijang. Walaupun syarikat luar tetapi ia dibuat di Indonesia dengan nama kijang dan kijang ini berkeliaranlah di merata-rata dan kita kenali ia adalah produk daripada Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penguatkuasaan inilah, saya bimbang juga bahawa seperti yang dikatakan oleh rakan tadi, apabila kita ada petunjuk geografi, saya melihat bahawa petunjuk geografi dan juga jenama ini digunakan sewenang-wenangnya oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Kalau kita bejalan di Petaling Street Tuan Yang di-Pertua, boleh beli jam Rolex dengan harga RM30, jam Dunhill - RM25, yang begitu.

Jadi, apakah sebenarnya - kita ada banyak undang-undang ini tetapi perkara-perkara seperti ini masih berleluasa di negara kita? Tidak ada guna kita ada banyak Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000, paten tetapi benda ini tetap juga berleluasa dan seolah-olah kita kalah dengan keadaan sekarang tidak mahu ambil tindakan ataupun tidak menghalang perbuatan seperti ini. Kalau nanti Selangor

Pewter, orang pun boleh menjual Selangor Pewter, jadi rosaklah nama kita. Saya mungkin tidak hairan bahawa Selangor Pewter terdapat di Thailand dan sebagainya, kita tidak ada survey di situ.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir ialah mengenai dengan TRIPS ini, iaitu *Trade Related Aspects Of Intellectual Property Rights 1994* dengan izin, di bawah WTO. Apakah hubungan kita dengan TRIPS ini, apakah ia secara terus ataupun melalui persidangan-persidangan sahaja? Kita boleh mengadakan hubungan dan jikalau ini didaftar berapa lamakah pendaftaran itu ataupun bahawa petunjuk itu boleh diluluskan dan diketahui oleh WTO ataupun TRIPS ini sebelum ianya diambil alih oleh orang lain? Maksud saya di sini, bila kita ada petunjuk baru, kita daftarkan. Berapa lamakah ia boleh diterimapakai ataupun supaya ia dihalang daripada orang lain menggunakan petunjuk ataupun apa-apa juga yang berkaitan dengan perkara produk ataupun syarikat yang ada di negara kita. Jadi, saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Hulu Terengganu.

12.20 tgh.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu, dua perkara sahaja yang hendak disebut berkenaan dengan petunjuk geografi. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perlunya Seksyen 7 dimasukkan juga, iaitu petunjuk geografi yang homonim bagi wain. Jadi, walaupun kita melihat bahawa perkara ini telah termasuk dalam Seksyen 2 dengan produk-produk pengeluaran hasil pertanian. Tetapi satu penekanan yang khusus diberi kepada bahan arak ini dan saya rasa ini tidak perlu dan mungkin ia bermaksud memberi penumpuan yang tertentu kepada bahan-bahan daripada arak ini dan ini saya rasa memberi kesan yang tidak baik kepada negara sekiranya kita meletakkan di situ dan ia memberi perlindungan sebenarnya kepada pengeluar-pengeluar arak daripada luar negeri menggunakan jenamanya untuk terus masuk ke negeri kita dan mungkin menguasai kegiatan ini di negeri kita. Jadi, saya minta penjelasan kenapa perlunya lagi Seksyen 7 ini diletakkan di sini?

Perkara seterusnya ialah berkenaan dengan iklan. Setelah Pejabat Pendaftar berpuas hati dan ia perlu diiklankan dalam akhbar-akhbar dan kepada orang ramai sebelum ia mendapat reaksi daripada orang ramai dari segi pro and con. Jadi, saya

suka memberi cadangan supaya iklan ini diletakkan spesifikasi yang munasabah dari segi ruang iklan itu kerana apa yang kita tengok sekarang ini misalnya dalam bab untuk mendapat lesen pemis arak, iklannya satu inci kali dua inci. Tetapi setelah mendapat lesen itu iklannya mungkin satu muka penuh akhbar. Jadi, iklan untuk mendapat kebenaran itu terlampau kecil dan kadangkala tidak dapat dilihat oleh orang-orang tempatan yang berkenaan di tempat itu menyebabkan selepas sahaja lesen diberi barulah timbul kegelisahan di kalangan masyarakat di situ.

Perkara ketiga yang saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan Seksyen 13 yang mana disebut bahawa pihak pendaftar boleh menolak sekiranya ada bantahan yang disebut bahawa pihak pendaftar boleh menolak sekiranya ada bantahan yang melibatkan moral. Jadi, bagaimana pula dalam hal arak ini yang saya rasa memanglah melibatkan keruntuhan moral dan sebagainya, adakah ia terlepas daripada arak ini dan hanya kepada lain-lain produk pertanian sahaja? Jadi, saya rasa itulah sedikit sebanyak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

12.23 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Saya memang setuju dengan Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 kerana inilah satu perkara yang perlu. Semasa saya ada di Eropah, beberapa tahun saya dengar apabila pihak di Eropah, syarikat-syarikat hendak beli misalnya getah, ia kata datang daripada Singapura bukan datang daripada Malaysia. Jadi ini menunjukkan begitu pentingnya petunjuk geografi kerana pihak negara yang lain boleh menggunakan nama kita kerana geografi dapat memaparkan, mengenalkan namanya untuk maksud perdagangan. Ini memang sebab itulah kita perlu adakan Rang Undang-undang seumpamanya cuma saya hendak tanya mengapa kita mengambil masa yang begitu panjang untuk mengadakan Rang Undang-undang yang seumpama ini. Walaupun lewat kita boleh bermula dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun ada sebutkan mengenai Selangor Pewter. Saya pun kenal orang di dalam dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita pun berharap Selangor Pewter boleh maju dan jenamanya diperlindungi. Cuma Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia perdagangan yang persaingannya yang hebat macam mana dengan Rang Undang-

undang Petunjuk Geografi ini sambil kita boleh memperlindungi misalnya Selangor Pewter. Dan ada pewter-pewter yang lain juga. Misalnya di kawasan Kepong kita ada Temasik Pewter. Dan macam mana Temasik Pewter boleh bersaing Tuan Yang di-Pertua di bawah rang undang-undang ini. Sebab sambil kita mengadakan rang undang-undang ada undang-undang yang dibentangkan hari ini kita pun tidak mahu menggalakkan monopoli dan ini kita boleh dilihatlah sebagai mana Microsoft. Apabila Microsoft berkembang sehingga menjadi satu gergasi di dunia maka pesaingnya di Amerika Syarikat terutamanya mengambil tindakan undang-undang melalui pihak kerajaan Amerika Syarikat akhirnya Microsoft mengalami kesusahan kerana competitor nya hendak memasarkan produk mereka.

Dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian mengenai mungkin berlakunya monopoli dengan lulusnya undang-undang seumpama ini. Dan mengenai benda tiruan di kawasan saya memang ada kilang-kilang yang membuat kemeja, T shirt dengan jenama antarabangsa. Walaupun jenama antarabangsa tetapi benda itu dibuat di tempatan. Ini masalah dan macam mana kita menguruskan hal seumpama ini. Begitu juga dengan produk kulit, kraf kulit Itali dibuat tempatan dan kemudian dipasarkan sebagai produk daripada Itali. Ini memang suatu perkara yang kita mesti lindungi jenama orang tetapi benda itu dibuat di Malaysia. Kita pasarkan sebagai benda Itali ataupun negara-negara yang lain benda Perancis dengan banyak kosmetik Perancis dibuat di negara misalnya negara ini dan digunakan sebagai jenama Perancis dan sebagainya. Macam mana kita dengan adanya rang undang-undang kita dapat menguruskan hal seumpama ini kerana memang mudah untuk kita gunakan jenama yang sudah pun dimasyhurkan, sudah pun diterima orang, berbanding jenama yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan, maklumlah Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam dan juga hakim, Tun pun tahu sekarang kita ada 700 ribu atau lebih kes tertunggak. Di antaranya kalau tidak silap saya 400 ribu jenayah criminal dan lebih 300 ribu itu sivil. Kadangkala tujuh tahun ataupun lebih tidak dapat any hearing. Apakah hendak kita buat dengan adanya undang-undang yang banyak dan macam mana kita dapat kita ambil proceeding civil yang disebutkan Yang Berhormat tadi, kalau ini mengambil masa misalnya tujuh tahun. Kalau tujuh tahun matilah syarikat-syarikatnya. Ini masalah penguatkuasaan, macam mana Yang Berhormat dapat memastikan dengan lulusnya undang-undang ini kita dapat

menguatkuasakan dengan berkesan dalam tempoh yang singkat untuk melindungi petunjuk geografi ini. Ini memang suatu perkara yang sentiasa kita tekankan.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab dan seterusnya kementerian dapat mengambil tindakan yang sungguh-sungguh berkesan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang ini.

Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, Jeli.

12.30 tgh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian.

Saya rasa sudah sampai..., bukan sudah sampai sepatutnya seawalnya lagi akta ini diperkenalkan kepada negara kita dan saya berdiri di sini kerana menjadi lumrah kepada mereka yang terlibat dalam perniagaan untuk melindungi hak cipta barangan yang mereka keluarkan. Tetapi kita harus melihat bahawa ada rahsia-rahsia yang terselindung di sebalik akta ini bila mana diperkenalkan melalui TRIPS bila mana negara-negara maju merasakan bahawa oleh kerana dari sudut teknologi mereka maju maka mereka ingin memastikan bahawa tidak ada ataupun ruang untuk ditiru barang-barang mereka itu tidak ada. Kerana kita lazim melihat bahawa produk-produk yang berkualiti penemuan asalnya kebanyakannya ditemui di negara-negara maju tetapi selalunya produk ini kosnya tinggi. Jadi barang siapa yang mula-mula sekali menemukan produk ini memang mereka mendapat premium dari sudut harga, premium dari sudut berbagai-bagai. Jadi sebab itu kita melihat bila satu-satu barangan itu menjadi popular dalam masa yang begitu singkat maka sudah barang tentu akan ada dengan izin, copier imitator (peniru-peniru), kerana bila mana banyak sangat peniru maka barang itu akan jatuh harga. Jadi sudah barang tentu premium yang diperolehi oleh pendahulu ataupun orang yang mula-mula menemukan barangan ataupun produk itu sudah tidak ada lagi.

Oleh sebab itu saya merasakan ini merupakan satu trick dengan izin, negara-negara teknologi tinggi untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mendapat premium yang lama. Tetapi walau macam manapun kita harus adil dalam hal ini dan kita tidak boleh menafikan hak mereka tersebut. Justeru itu maka saya merasakan

akta ini perlu mendapat sokongan. Kalau sekiranya kita tidak menyokong akta ini maka dengan sendirinya kita mungkin akan disisihkan atau mungkin negara kita tidak akan mendapat tempat yang baik di sisi pelabur-pelabur daripada negara luar. Kerana sekiranya kita tidak meluluskan akta ini secara cepat, mungkin oleh kerana negara kita mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang serupa seperti mana Thailand, Indonesia, Filipina, maka saya bimbang sekiranya negara-negara lain mendahului kita maka kecenderungan pelabur-pelabur akan tertumpu kepada negara-negara lain dan bukannya kepada negara kita. Maknanya geografi ini dari sudut saintifiknya geo adalah 'tempat', geo daripada istilah saintifik ini bumi bukan tempat, geo adalah bumi. Sebab itu kita mempelajari ilmu alam, kita mempelajari ilmu bumi.

Jadi sebab itu saya merasakan satu idea yang baik bila mana satu-satu produk itu dikaitkan dengan tempat kerana sekiranya ada satu iltizam di pihak-pihak pembuat yang relate kan produk ini dengan tempatnya maka dengan sendiri secara tidak langsung dia mempromosi tempat itu sendiri sebagai satu destinasi pelancongan. Sebab itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian melihat umpamanya Selangor Pewter kemungkinan Selangor Pewter satu jenama yang sudah terkenal, Selangor - Pewter. Mungkin Selangor itu sendiri tidak begitu terkenal di luar negara. Jadi saya mencadangkan supaya pihak kementerian memantau ataupun membantu Selangor Pewter supaya Selangor itu boleh dikaitkan dengan Malaysia sama ada dari sudut brochures dan sebagainya.

Dan saya juga memohon supaya oleh kerana banyak syarikat-syarikat pembuat barang-barang tradisional ini yang tidak terdedah lagi dengan akta ini supaya pihak kementerian membuat iklan besar-besaran atau membuat promosi besar-besaran supaya pengusaha-pengusaha tradisional ini cepat-cepat *merelatekan*, dengan izin mengaitkan produk mereka dengan tempat mereka umpamanya songket Kelantan, ataupun songket Terengganu. Walaupun seperti mana yang dikatakan oleh Tambun mungkin Terengganu itu banyak tempat yang buat. Mungkin kita kecilkan lagi songket Dungun ataupun songket Penambang misal kata. Saya rasa pihak kementerian harus menjalankan promosi yang besar-besaran supaya mereka ini cepat-cepat relate kan produk mereka dengan nama tempat mereka kerana ini merupakan satu strategi yang baik kerana dengan automatik tempat itu akan dikenali paling tidak di Malaysia. Paling jauh lagi peringkat dunia kalau produk itu dapat dipasarkan di peringkat dunia.

Cuma saya bimbang seperti mana yang dikaitkan oleh Kepong tadi kebimbangan yang ada kerana kita perhatikan dalam kes-kes komersial negara kita dalam bab-bab seperti ini kerana bab baru ini masih kekurangan dari sudut hakim yang berpengetahuan dalam bidang ini dan juga dari segi pendakwa-pendakwa daripada Jabatan Peguam Negara. Rata-rata kita ini masih belum equip dengan izin, ilmu dalam bidang perkara-perkara ini yang mana saya bimbang nanti hukuman yang lambat terpaksa dijatuhkan kerana kita kekurangan pakar-pakar perundangan untuk membicarakan kes ini. Ini pun perlu kementerian memberi penekanan yang serius.

Sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta kementerian menjawab.

12.37 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyumbang fikiran-fikiran mereka dan sumbangan-sumbangan mereka terhadap rang undang-undang ini.

Untuk menjawab masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan berkenaan Selangor Pewter. Negara-negara lain masih boleh menjalankan pembuatan atau manufacturing bijih dan mengeluarkan pewter mereka. Apa yang diperuntukkan oleh rang undang-undang ini ialah negara itu tidak boleh menggunakan nama Selangor Pewter. Dia boleh menggunakan nama Thailand Pewter atau kalau dari Indonesia, Indonesian Pewter. Dan rang undang-undang ini ialah untuk melindungi nama geografi asal barangnya. Di sebaliknya kalau kita pun ada lombong-lombong bijih timah, so, kalau misalnya Indonesian Pewter terkenal di dunia ini maka negara kita dilarang menggunakan nama Indonesian Pewter. Dan Pendaftar Petunjuk Geografi boleh diberi perlindungan kepada sekumpulan pengusaha atau persatuan pengusaha.

Oleh itu, semua pengusaha di kawasan tersebut boleh mendapat perlindungan di bawah Akta ini dengan menggunakan nama Langkawi Marble yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan berkenaan Langkawi Marble. Ini bukan untuk satu pengusaha iaitu untuk satu tempat atau satu wilayah, disebabkan marble Langkawi ini atau Langkawi Marble ada ciri-cirinya supaya pengguna suka membeli marble-

marble itu. Kalau pengusaha ini dari Pulau Langkawi mereka semua boleh menggunakan nama Langkawi Marble.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan jenama Proton Wira dan penggunaan nama 'Kijang' oleh Perusahaan Outomobil Indonesia. Sukacita dimaklumkan bahawa proton dan wira bukan satu petunjuk geografi dan tidak termasuk dalam perlindungan bidang kuasa rang undang-undang ini. Petunjuk geografi merujuk kepada tempat, geografi asal barang itu iaitu kawasan wilayah, negara atau tempat barang itu dikeluarkan atau dibuat Nama jenama sebagai Proton, Proton Wira, Kancil dan lain-lain mereka boleh didaftarkan di bawah Cap Dagangan - trade mark, under trade mark. It is a different act ya, dengan izin.

Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu membangkitkan Seksyen 7 yang menekan jenama arak atau spirit yang homonym iaitu nama yang sama. Seksyen 7 diperlukan kerana ia adalah sebahagian daripada obligasi Malaysia di bawah Perjanjian TRIPS. Malaysia telah menandatangani perjanjian tersebut secara seluruh dan dengan ini perjanjian ini mengikat kita untuk memberikan kuat kuasa kepada semua obligasi Malaysia di bawah TRIPS termasuk perlindungan wain dan spirit. Di sini saya juga ingin menegaskan ialah yang penting bukannya wain itu tetapi kegunaan petunjuk geografinya yang menentukan tempat asalnya. Sebab di negara kita ini juga ada rakyat yang bukan muslim dan wain-wain ini selalu di minum oleh pelancong.

Seksyen 13 - kalau satu barangan boleh ditolak dari segi moral iaitu boleh ditolak untuk di daftar kalau melanggar dengan prinsip-prinsip moral. Apa yang ingin didapati oleh seksyen ini bahawa pendaftaran petunjuk geografi hendaklah mempunyai kuasa untuk menolak jenama yang mempunyai perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang bertentangan dengan moral didaftarkan, contohnya jenama-jenama yang menggunakan istilah-istilah lucu.

Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan berkenaan rang undang-undang ini lambat dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat-Yang Berhormat, negara kita menandatangani persetujuan TRIPS di tahun 90-an dan di dalam perjanjian-perjanjian TRIPS ada banyak bahagian dan ini satu bahagian yang belum dirangkumi di bawah rang undang-undang yang sedia ada di dalam negara kita. Sebab ini yang tidak dirangkumi di bawah rang undang-undang sekarang atau akta-akta yang sekarang sedia ada di negara kita, maka kita semua menggubalkan rang

undang-undang ini untuk memberi sedikit masa lagi bagi perlindungan keseluruhan pada harta-harta intelek. Inilah tujuan rang undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya boleh nampak daripada hujah Yang Berhormat itu, Yang Berhormat sudah berikhtiar untuk mengemukakan rang undang-undang itu baiklah, tetapi walau bagaimanapun pengusaha-pengusaha persetujuan TRIPS Agreement sudah pun diadakan hampir satu dekad, 10 tahun. Walaupun lewat tetapi kita perlu buat juga tetapi saya memberi peringatan, ini satu dekad itu lewat bukan satu dua tahun, adakah Yang Berhormat sedar. Memang kita bukan semua insan yang kamil, bukan sempurna semua. Kita kadang kala terlupa juga dan inilah masalah tidak dapat mengemas kini rang undang-undang di negara ini. Walau bagaimanapun saya berharaplah ini dapat dikuat kuasa dengan berkesan.

Tuan Wong Kam Hoong : Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Walau bagaimanapun lambat dengan izin, better late than never, lambat asalkan selamat. Daripada tiap-tiap penggal kita di sini semua Yang Berhormat-Yang Berhormat nampak letih dan lesu. Kita pun ada lebih masa dan pada tiap-tiap penggal ada banyak rang undang-undang dibincangkan di Dewan yang mulia ini, sebab negara kita sedang membangun dan ada banyak rang undang-undang atau akta-akta yang bersesuaian pada iklim ketika negara kita membangun.

Untuk Yang Berhormat bagi Jeli, Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan kerana kita membantu pengusaha-pengusaha tempatan contohnya Selangor Pewter, Kacang Menglembu dari Batu Gajah, semua ini kita mesti menggalakkan dan dengan menguatkuasakan rang undang-undang ini maka produk-produk negara kita boleh dieksportkan kepada negara-negara lain yang anggota-anggota perjanjian TRIPS dan kita tidak dapat satu momokan pengeluar kita iaitu bila dieksport kepada negara-negara lain produk-produk kita ditiru. Ini satu tujuan Kerajaan Barisan Nasional iaitu menambahkan eksport-eksport tempatan atau eksport-eksport negara kita ke luar negeri. Dengan perlindungan ini maka pengeluar-pengeluar negara kita akan mengeksport lebih lagi produk-produk mereka.

Juga di sini Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan potensi eksport tekstil dengan jenama dan penipuan jenama-jenama. Perlindungan-perlindungan jenama dirangkumi di bawah Akta Cap Dagangan dan beliau juga membangkitkan batik Malaysia atau batik Kelantan. Itulah tujuan akta-akta ini untuk memberi

perlindungan kepada semua jenis produk yang dikeluarkan di Malaysia. Dengan ini saya sudah menjawab semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya ada sedikit Tuan Yang di-Pertua, tentang usaha banyak syarikat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tentang usaha-usaha kementerian untuk memastikan bahawa kerana banyak pengusaha-pengusaha tradisional yang tidak terdedah kepada akta ini. Jadi kita tidak mahu maknanya mereka terlewat, sudahlah negara kita seperti mana kata Yang Berhormat bagi Kepong, sudah 10 tahun terlewat daripada pembentangan asal. Jadi kita mahu pengusaha-pengusaha tradisional di negara kita yang tidak peka dengan akta ini dan mereka pun terlewat lagi 10 tahun.

Jadi bolehkah pihak kementerian membuat promosi secara besar-besaran kepada pengusaha-pengusaha tradisional tadi sama ada umpamanya budu Kelantan, batik Kelantan kah, batik Terengganu, songket, keropok dan sebagainya supaya mereka juga mendaftar, supaya produk mereka diprotect, dilindungi oleh akta ini secara besar-besaran. Kerana ini pengusaha-pengusaha tradisional ini mereka kurang terdedah dengan akta-akta seperti ini. Nanti produk mereka lambat laun ditiru oleh mereka yang lain.

Tentang Selangor Pewter umpamanya yang telah mendapat pasaran di peringkat antarabangsa, apa yang saya cadangkan supaya kementerian, walaupun kementerian mengatakan bahawa dengan mengadakan akta ini secara tidak langsung, mempromosi Selangor Pewter dan Kacang Menglembu. Apa yang saya cuba nyatakan, kita cuba melihat dari sudut serampang dua mata yakni bila dikatakan serampang dua mata, umpamanya produk-produk Selangor Pewter sememangnya telah banyak berada di pasaran-pasaran antarabangsa tetapi kita harus sedar bahawa negara-negara luar tidak tahu apa itu Selangor umumnya, tidak tahu apa itu Selangor. Tetapi bila disebut Selangor Pewter Malaysia mungkin masyarakat-masyarakat luar tahu.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya kementerian kalau boleh menggunakan Selangor Pewter juga sebagai ejen mempromosi negara yakni dengan dia menyediakan pamphlets, brochures yang menggambarkan Selangor ini adalah di Malaysia umpamanya. Macam Menglembu, siapa tahu Menglembu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong : Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya dengan Yang Berhormat Jeli kata sepakat dengan usaha ini kerajaan untuk mempromosikan produk-produk kita di luar negeri tetapi kerajaan mesti bekerjasama atau pengeluar-pengeluar mesti bekerjasama dengan kerajaan. Usaha-usaha kerajaan negara kita adalah dalam bentuk pelancongan melalui risalah-risalah di luar negeri adalah menunjukkan produk-produk kita dan juga melalui MITI ada trade commissioner di tempat-tempat kedutaan negara kita di luar negeri. Pengusaha-pengusaha, mereka juga ada tanggungjawab mereka sebab kualiti produk mereka, nama mereka mesti dijaga. Kalau kualiti tidak consistent, kualiti turun maka yang menderita mereka juga. Terima kasihlah dan kementerian saya akan....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya pun tertarik jugalah selepas

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap.

Tuan Wong Kam Hoong : Bagi saya habis. Kementerian saya akan menjalankan promosi-promosi secara besar-besaran untuk mempromosikan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat, Hendak beri jalan ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tertarik fasal Kacang Menglembu tadi. Ini satu promosi yang baik Yang Berhormat kerana bukan hendak menidakkan Selangor Pewter sebab kacang ini mudah kita promosi, sambil kita makan, mereka bawa, mungkin dalam Dewan tidak boleh makanlah. Ini satu promosi yang baik sekurang-kurangnya orang tahu di mana Menglembu? Macam kata sahabat saya budu Kelantan, where is Kelantan dengan izin, Malaysia. Tuan Yang di-Pertua pun mungkin suka makan kacang.

Jadi kenapa tidak kita gunakan kesempatan ini dalam usaha kita meminda rang undang-undang ini sebagai langkah untuk mempromosikan barang-barang tempatan supaya kita tidak rasa malu. Saya tertariklah kerana ini satu antara produk yang mudah untuk kita jual nama Malaysia. Tidak kiralah sama ada kementerian Yang Berhormat atau pun MITI kerana kacang lebih mudah. Sebab apa kalau kacang daripada Perak bukan setakat di Menglembu, di Sungai Siput ada, memang

terkenallah kerana kacang saya rasa di peringkat antarabangsa memang tidak ada produk ini. Jadi kenapa kita tidak ambil kesempatan ini, walaupun kita nampak mudah, produk ini saya rasa perlu diberi satu perhatian yang serius lebih mudah kita perkenalkan. Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju di atas cadangan ini.

Tuan Wong Kam Hoong : Ya, saya setuju terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.57 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohonkan mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang dinamakan Agreement on Trade Related Aspect of Intellectual Property Rights atau TRIPS yang telah dipersetujui oleh negara-negara ahli pertubuhan perdagangan sedunia atau WTO termasuk Malaysia pada 1 April 1994, telah mewujudkan satu garis panduan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan harta intelek yang diseragamkan di kalangan negara-negara ahli WTO dan perlu dipatuhi oleh semua negara ahli. Bagi

memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS itu, semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk pindaan Akta Cap Dagangan 1976. Secara keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 adalah seperti berikut:

- mewujudkan satu kategori pendaftaran bagi Cap Dagangan
- memberi perlindungan ke atas Cap Dagangan yang terkenal atau *well known marks*;
- melarang pendaftaran Cap Dagangan yang menggunakan nama suatu petunjuk geografi bagi produk yang tidak berasal dari tempat berkenaan; dan
- mewujudkan kaedah kawalan sempadan bagi menghalang pengimportan produk yang menggunakan cap dagangan yang dilanggar atau dengan izin, *infringes trade mark* atau kepunyaan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah sampai pukul 1.00. Ahli-ahli Yang Berhormat majlis ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila sambung.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 yang dicadangkan mempunyai 20 fasal. Perkara-perkara utama yang dipinda adalah seperti berikut; untuk mewujudkan satu kategori pendaftaran bagi cap dagangan.

Fasal 4 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 6 Akta Ibu untuk mewujudkan satu kategori pendaftaran cap dagangan kerana pada masa ini undang-undang kita menyediakan dua kategori pendaftaran cap dagangan iaitu kategori A dan B.

Pembahagian dua kategori ini adalah mengelirukan dan tidak memberi kesan yang jelas ke atas penggunaan cap dagangan berkenaan. Dengan mewujudkan satu kategori pendaftaran seperti yang dipersetujui di bawah Perjanjian TRIPS semua

pendaftaran cap dagangan akan mendapat status yang sama setelah mengetahui syarat-syarat minimum yang ditetapkan.

Fasal 5 pula bertujuan meminda Seksyen 10 bagi menjelaskan perkataan “distinctive”.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan seterusnya adalah untuk memberi perlindungan ke atas cap dagangan yang terkenal atau well known marks.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 14 bagi melarang pendaftaran cap dagangan yang terkenal bagi barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang yang bukan tuan punya cap dagangan itu.

Di bawah Fasal 18 seksyen baru 70(b) juga dimasukkan bagi tujuan untuk membolehkan tuan punya sesuatu cap dagangan yang terkenal menghalang pihak ketiga daripada menggunakan cap dagangan itu untuk barangan yang sama tanpa persetujuan tuan punya. Tindakan ini boleh diambil oleh tuan punya walaupun tuan punya cap tersebut tidak menjalankan perniagaan atau tidak mempunyai apa-apa nama baik di Malaysia. Peruntukan ini adalah dikehendaki oleh Perkara 16 Perjanjian TRIPS.

Cadangan pindaan seterusnya adalah untuk melarang pendaftaran cap dagangan yang menggunakan nama suatu petunjuk geografi bagi produk yang tidak berasal dari tempat berkenaan.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 14 bagi melarang pendaftaran cap dagangan yang mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi berkenaan dengan barangan yang tidak berasal dari wilayah yang ditunjukkan oleh petunjuk geografi itu.

Cadangan pindaan seterusnya adalah untuk mewujudkan kaedah kawalan sempadan bagi menghalang pengimportan produk yang menggunakan cap dagangan yang dilanggar atau infringed trade marks.

Di bawah Fasal 19 satu bahagian baru, 14(a) mengenai langkah-langkah sempadan dicadang untuk dimasukkan ke dalam Akta Ibu. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah kawalan di sempadan untuk melarang pengimportan barangan yang menggunakan cap dagangan yang dilanggar atau dengan izin, infringed trade marks atau kepunyaan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai-pegawai cap dagangan bagi perbuatan atau

peninggalan yang dilakukan dengan suci hati. Peruntukan ini adalah dicadangkan di bawah Fasal 3.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 adalah selaras dengan standard antarabangsa dan mematuhi kehendak Perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Adalah diharap ia boleh menggalakkan lagi pelaburan dan aktiviti perdagangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bolehkah saya menyokong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Tuan Hai Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan Tahun 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jelutong

2.38 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut huraian kepada Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 ini, pindaan yang dicadangkan adalah untuk mematuhi Perjanjian TRIPS iaitu Agreement on Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights 1994. Tetapi saya tidaklah pasti adakah Perjanjian TRIPS ini betul-betul bermanfaat kepada kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun atau hanya bermanfaat kepada negara-negara yang telah bangun untuk menindas aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita.

Saya berasa ragu-ragu kerana di bawah Fasal 18 rang undang-undang ini kita bercadang memberi perlindungan kepada cap dagangan tidak kira sama ada orang itu menjalankan perniagaan atau mempunyai apa-apa nama baik di Malaysia. Yang saya tidak faham adalah jikalau seseorang itu tidak menjalankan perniagaan atau mempunyai apa-apa nama baik di Malaysia, apakah hak cap dagangan yang dipunyai orang ini yang memerlukan perlindungan di bawah rang undang-undang ini.

Misalnya, dengan globalization, dengan izin, dan perkembangan IT, satu cap dagangan boleh diperkenalkan ke Malaysia melalui Internet tetapi pemilik cap dagangan ini barangkali tidak berminat memasarkan barang-barangnya di Malaysia oleh sebab-sebab yang tertentu. Tetapi mengikut Fasal 18 yang dicadangkan, cap

dagangan beliau juga akan dilindungi di bawah akta ini. Adakah ini bermakna kita membenarkan monopoli hak cap dagangan kepada orang-orang yang tidak beminat menjalankan perniagaan di Malaysia.

Di bawah Fasal 19 pula, mana-mana orang boleh mengemukakan permohonan kepada pendaftar untuk menahan pengimportan barang cap dagangan lancung. Saya berpendapat fasal ini tidak perlu diperuntukkan kerana undang-undang yang sedia ada seperti injunction yang boleh diperolehi dari mahkamah adalah mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak fasal ini. Injunction yang saya katakan tadi bukan sahaja boleh diperolehi dari Mahkamah Tinggi dengan cepat tetapi juga dengan safe guard-safe guard, dengan izin, yang menjamin kepentingan-kepentingan kedua-dua pihak, yang penting sekali ialah injunction yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang fasih dalam undang-undang manakala di bawah rang undang-undang ini Pendaftar atau penolongnya sudah mencukupi untuk mengeluarkan perintah penahanan.

Saya juga mendapati kelemahan-kelemahan berikut di bawah rang undang-undang ini, yang pertama adalah berkaitan dengan Fasal 70G(2). Fasal ini memperuntukkan bahawa barang yang ditahan akan dilepaskan kepada pengimport melainkan jika suatu tindakan bagi pelanggaran berkenaan dengan barang itu dimulakan oleh pemohon dalam tempoh yang ditentukan dari tarikh notis yang dikeluarkan. Saya berpendapat tempoh yang ditentukan itu sepatutnya dinyatakan dengan terang dalam akta dan bukannya dengan budibicara atau discretion, dengan izin, pegawai.

Yang kedua adalah berkaitan dengan Fasal 70D(1). Mengikut fasal ini mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menahan atau menggantung pelepasan barang yang berdasarkan keterangan *prima facie* yang telah diperolehi oleh pegawai itu, merupakan barang cap dagangan lancung. Ini bermakna pegawai diberi kuasa boleh menahan atau menggantung pelepasan barang walaupun mahkamah telah mengarahkan barang-barang tersebut dilepaskan dan ini adalah bertentangan dengan sistem kehakiman negara kita. Saya harap kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian ke atas anomali-anomali yang saya bangkitkan dan tindakan sewajarnya diambil. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

2.43 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000 iaitu Akta 175.

Pindaan terhadap akta ini adalah diadakan sejajar dengan kehendak-kehendak dalam perjanjian dalam aspek-aspek yang berhubung dengan perdagangan bagi hak harta intelek tahun 1994 iaitu Perjanjian TRIPS.

Dalam kandungan pindaan ini ada mengadakan peruntukan-peruntukan supaya dapat melarang pendaftaran cap dagangan yang terkenal bagi barang atau perkhidmatan seseorang yang bukan tuan punya cap dagangan itu. Ia pun membolehkan tuan punya sesuatu cap dagangan yang terkenal menghalang pihak ketiga daripada menggunakan cap dagangan itu tanpa persetujuan tuan punya walaupun tuan punya tidak menjalankan perniagaan atau tidak mempunyai apa-apa nama baik di Malaysia dan ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong tadi, ini akan menjadikan satu monopoli. Ini saya harap pihak kerajaan dapat kaji semula atau timbang semula tentang kemungkinan ini akan menjejaskan kepentingan pengusaha-pengusaha dalam negara kita ini dalam hal perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara 15 dan 16 Perjanjian TRIPS – iaitu sesuatu daftar cap dagangan tidak dibahagi kepada bahagian lagi dan sebelum ini memang ada Bahagian A dan B, sekarang akan dimansuhkan dengan kewujudan pindaan ini, ini akan dapat mengelakkan kekeliruan kepada orang ramai. Dan, saya harap dengan pindaan ini segala prosedur-prosedur pendaftaran akan dapat dilicinkan dan saya dapati bahawa pada masa sekarang tempoh untuk pendaftaran mengambil masa lebih kurang dua hingga tiga tahun. Saya harap dapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada boleh lebih efisien untuk mengeluarkan pendaftaran cap dagangan supaya ia akan dapat menolong pihak pengusaha secara, dalam kehendak, *Malaysia in cooperated*, iaitu kerjasama antara pegawai-pegawai kerajaan dengan pihak peniaga untuk sama-sama membangunkan ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan undang-undang ini mengadakan larangan untuk pengimportan barang cap dagangan lancung iaitu *counterfeit trademark goods* ke Malaysia. Dari segi pindaan ini saya ingin dapat tahu dari pihak kementerian, apakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah pencegahan yang akan diadakan

kerana kalau bergantung kepada pihak pegawai daripada kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kemungkinan akan menghadapi masalah. Ini perlu kerjasama dari pihak semua terutama pihak kastam, untuk melarang pengimportan barang cap dagangan lancung masuk ke negara kita. Dan, ini adalah untuk menjaga kepentingan orang ramai supaya mereka akan tidak ditipu dengan membeli barangan cap dagangan lancung.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan pindaan Akta 175 ini akan dapat meyakinkan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Tetapi yang penting sekali ialah kesan penguatkuasaan kelak setelah pindaan rang undang-undang ini digazet dan dikuatkuasakan. Cap dagangan itu akan membolehkan orang ramai membezakan barang atau perkhidmatan itu daripada barang atau perkhidmatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan akta ini, saya yakin dan percaya akan dapat bersama-sama meyakinkan pengusaha-pengusaha dari negara kita untuk mengadakan lambang kita, seperti Selangor Pewter, satu barang dagangan yang terkenal di Malaysia dan di antarabangsa, supaya ia dilindungi oleh Akta Cap Dagangan ini dan dilindungi dengan Perjanjian TRIPS dan semua peraturan dalam WTO yang diwujudkan pada tahun 1995. Dan, ini akan dapat memajukan perkembangan perniagaan untuk pengusaha-pengusaha kita di negara-negara asing dan harap mereka dapat menjadi syarikat gergasi antarabangsa dan dapat mendatangkan lebih pendapatan tukaran asing untuk negara kita.

Dengan pindaan ini, saya berharap pihak kementerian dapat mengadakan lebih kursus untuk pegawai-pegawai yang akan menguatkuasakan undang-undang ini dan memberikan seminar-seminar tentang perkara-perkara yang terkandung dalam cap dagangan ini kepada peniaga-peniaga negara kita ini supaya mereka akan dapat mematuhi peraturan-peraturan yang telah diwujudkan sejak undang-undang ini diadakan. Dan, kemungkinan dengan pindaan ini peraturan yang ada sekarang akan dipinda bersama supaya kita akan dapat kesan yang baik daripada pindaan undang-undang ini.

Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Terengganu.

2.50 ptg.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka menarik kepada beberapa perkara yang

pertamanya dalam seksyen 4, kuasa yang besar diberi kepada pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar untuk mendaftarkan cap dagangan ini. Dalam pindaan yang baru ini kita menambahkan lagi imuniti kepada pendaftar, timbalan dan penolong pendaftar untuk melicinkan kerja-kerja mereka dalam menjalankan pendaftaran ini. Tetapi apa yang mendukacitakan banyak aduan yang kita terima setakat ini, terlampau banyak *back log* yang berlaku di mana ada permohonan yang telah dibuat tiga tahun yang lalu tetapi masih belum mendapat kelulusan daripada pihak pendaftar. Saya suka mencadangkan kepada pihak kementerian supaya bukan sahaja kita memberi kuasa kepada mereka untuk menjalankan tugas tetapi kita mesti memperlengkapkan segala peralatan, segala kemudahan yang sesuai dan kita harap supaya satu peruntukan yang munasabah diberi supaya perkara ini tidak berlaku lagi di zaman kita yang serba canggih ini.

Perkara kedua yang saya hendak sebut ialah berkenaan Seksyen 14, iaitu mengikut akta asal tahun 1976 di mana pihak pendaftar boleh menolak mana-mana permohonan yang ada kekeliruan di dalamnya, seperti sebagai contohnya satu orang yang menggunakan nama luar negara seperti yang kita bincang di dalam petunjuk geografi tadi. Katalah bola Liverpool, walaupun benda itu dibuat di dalam negara kita sudah beberapa tahun lamanya. Jadi, dalam pindaan yang baru dalam Seksyen 14(a), kita menyebut, mana-mana cap dagangan tidak boleh ditolak pendaftarannya sekiranya dia telah lama digunakan berterus-terusan. Ini ada macam satu percanggahan antara Seksyen 14 ini dengan seksyen yang baru dipinda iaitu 14(a) bagaimana hendak menentukan yang mana boleh didaftarkan, satu yang dianggap mengelirukan tadi sepatut ditolak, sedangkan satu lagi yang telah diguna berterusan oleh orang tempatan. Jadi, adakah ia ditolak ataupun diterima pendaftarannya itu.

Selain daripada itu, dalam seksyen 14 juga disebut yang baru ini iaitu sesuatu cap dagangan tidak boleh ditolak pendaftarannya jika petunjuk geografi yang berkenaan telah tidak digunakan lagi. Maknanya kalau satu syarikat itu satu jenama itu telah lama dikeluarkan dan telah bankrap, syarikatnya telah bankrap di luar negara dan kita menggunakan nama itu balik untuk kita daftarkan nama perniagaan kita, maka dalam kes ini pihak pendaftar tidak boleh menolak permohonan baru kita itu. Di sini pihak pendaftar menge tepikan *goodwill* atau nama baik bagi jenama itu. Misal kita ambil contoh, baju daripada *D'Urban* misalnya yang telah begitu berjenama tiba-tiba syarikat itu bankrap tetapi kita boleh mengambil nama itu untuk didaftarkan dengan

segera, sedangkan dia ada nilai baik di situ. Apakah kementerian tidak bercadang untuk melihat dari sudut ganti rugi dan sebagainya di situ ataupun kita mengehendkan tempoh pendaftaran bagi jenama tersebut.

Seterusnya saya suka melihat kepada satu lagi dalam seksyen yang sama juga di mana pendaftaran bagi satu jenama, satu cap pendaftaran yang telah terkenal, yang telah *established* di luar negara tidak boleh ditolak pendaftarannya oleh pihak pendaftar kita. Katakanlah jenama itu misalnya *Arfa* di Terengganu, dia ada *Arfa* batik, misalnya kita dalam negeri sudah lama guna jenama ini oleh pengusaha tempatan. Katakanlah pada masa yang sama ada juga benda ini digunakan di luar, misalnya di Indonesia atau di mana yang telah popular. Jadi apabila dia membuat permohonan kepada kita dalam negeri kita, apakah jenama kita akan dibatalkan kerana jenama mereka ini telah begitu *established* di luar negara, sebab mengikut peruntukan ini mana-mana jenama yang telah *established* di luar negara maka jenama itu tidak boleh ditolak pendaftarannya.

Dalam Perjanjian TRIPS juga disebut untuk mentakrifkan masyhur atau ternama itu berdasar kepada jumlah *outlet*, jumlah *sales* rekod dia, jumlah pengiklanannya dan berapa lama jenama itu telah berada di pasaran di luar negara. Ini bermakna sekiranya mereka ini datang ke negara kita dengan sendiri industri kita dalam negara ini mungkin akan tertolak kerana mungkin market mereka lebih besar di luar negara, iklan mereka jauh lebih besar dan dengan itu industri kita yang walaupun sudah lama bertapak dalam negara tetapi *volume* yang kecil dengan sendiri akan cair, akan terbatal dari segi pendaftarannya. Jadi, kita minta juga supaya dapat diberi penjelasan.

Selain daripada itu, bagi jenama yang belum kita daftarkan lagi, dalam kes yang saya sebut tadi, jenama kita sudah daftar dalam negara kita tetapi jenama luar masuk yang lebih *established* maka mungkin kita akan cair, akan terbatal. Bagi yang belum daftar lagi, kita sudah usahakan dalam negara kita satu jenama yang cukup popular juga dalam negara kita, tiba-tiba masuk satu jenama luar yang juga telah popular di luar dengan jenama yang sama. Jadi, kita belum lagi daftar tetapi mungkin dia akan masuk dan menerima pendaftaran daripada luar ini menyebabkan kita juga akan tidak boleh mendaftarkan jenama kita kerana seperti sebab yang saya sebut tadi.

Selain dari itu, kalau boleh diterangkan juga bagaimana kita hendak mengelakkan berlakunya mungkin dari akibat kelemahan akta ini berlakunya peras ugut di kalangan peniaga terhadap peniaga yang besar di luar, misalnya. Sebagai contoh, katakanlah satu orang pergi ke luar negara, kemudian dia melihat ada satu jenama yang meningkat naik di luar negeri. Kalau dia balik ke dalam negara dan mendaftarkan jenama tersebut dengan pendaftar kita dan beliau hanya buka satu kilang kecil, misalnya baju, keluar 10 helai sahaja sebulan untuk hendak *maintain* sahaja pendaftaran itu dan bila jenama yang besar tadi sudah mula hendak mengembang, masuk ke negara kita, lalu kita boleh menahan syarikat itu daripada masuk dengan mungkin kita mengenakan bayaran kepada syarikat yang hendak masuk itu, misalnya RM1 juta kepada syarikat yang kecil, yang ada dalam negara. Adakah satu cara untuk mengelakkan dari berlakunya peras ugut ini di antara orang-orang yang berkepentingan ini yang pergi ke luar negara melihat potensi yang ada di luar tetapi dia balik, dia daftar dulu sebelum syarikat itu masuk ke negeri kita untuk melabur dan mendaftar syarikat mereka.

Jadi, saya kira itulah sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

2.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberi cadangan-cadangan berkenaan dengan akta pindaan ini.

Yang Berhormat Jelutong membangkit isu sama ada perjanjian TRIPS menguntungkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun. Dan, juga mengapa perlu perlindungan cap dagangan orang luar walaupun tidak didaftar di Malaysia diberi perlindungan. Mengenai Perjanjian TRIPS, ia juga akan menguntungkan Malaysia kerana dengan Perjanjian TRIPS semua negara ahli WTO akan mempunyai undang-undang yang seragam. Inilah penting untuk kita terus membangun, mereka dapat perlindungan. Pengusaha-pengusaha kita pun dapat perlindungan di negara yang menandatangani Perjanjian TRIPS atau WTO di luar negara. Mengenai perlindungan cap dagangan orang luar, ia dirasakan patut diberi perlindungan kerana

cap dagangan adalah hak seseorang, ia tidak melibatkan monopoli kerana orang lain boleh jual produk yang sama dengan cap dagangan yang berbeza.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan kelambatan proses cap dagangan. Tuan Yang di-Pertua, cap dagangan ini akan dapat diproses dengan cepat setelah proses pengkomputeran dilaksanakan sepenuhnya di kementerian dan di sini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, iaitu sebelum satu cap dagangan didaftarkan maka masih perlu, *to check*, sama ada cap dagangan itu dalam senarai kementerian. Dan, untuk larangan importan barangan cap dagangan yang lucah, tindakan pencegahan akan diambil bersama dengan agensi-agensi kerajaan lain. Agensi-agensi itu, misalannya kastam yang menjaga pintu masuk negara kita, kementerian saya akan mendapatkan kerjasama dengan mereka untuk mencegah kemasukan barangan cap dagangan lancungan *or counterfeit goods*. Dan, di sini pasukan-pasukan penguat kuasa di kementerian saya akan ditambah dan diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, cap dagangan terkenal yang tidak didaftarkan di negara kita tetapi didaftar di negara luar dan isu-isu ini dibangkitkan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat. Apa rasionalnya untuk melindungi pengusaha-pengusaha di luar negara yang tidak menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan di negara kita untuk melindungi cap ini. Yang Berhormat-Yang Berhormat, ini sama juga, kalau cap kita, misal kata, Selangor Pewter kalau tidak didaftar di negara lain atau negara asing dan pengusaha-pengusaha di negara sana menggunakan cap Selangor Pewter, pengusaha negara kita pun berhak untuk membuat pengaduan di negara lain yang menandatangani Perjanjian TRIPS, sebab inilah kita memberi perlindungan, *mutual protection* di antara negara lain dan negara kita.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Lee Kah Choon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa cakap dulu, saya kah dahulu? Bolehlah, terima kasih. Yang Berhormat selepas ini.

Saya sikit sahaja, Yang Berhormat, memang saya tertarik daripada hujah Yang Berhormat di sana tadi berhubung dengan pendaftaran, kelambatan pendaftaran dan tidak lama lagi pendaftaran ini menjadi satu kewajipan pihak kita berlandaskan

perhubungan kita dengan negara-negara antarabangsa. Dan, ini telah diwajibkan juga oleh kerana treaty yang kita tandatangani dengan negara-negara di luar negara kita sendiri. Jadi, kalau pengurusan pendaftaran ini tidak diselaraskan dan diperkemaskan pada masa sekarang, besar kemungkinan perkara ini akan *reflex badly*, dengan izin, kepada negara kita. Kerana pada masa sekarang mungkin Yang Berhormat lebih tahu daripada saya, dua tiga hari ini saya terbaca dalam surat khabar soalan birokrasi di negara kita ini iaitu negara kita walaupun disenaraikan salah sebuah dari enam buah negara yang terbaik dari segi mengatasi 'reformship' pada apa-apa *inquiry* orang-orang industri dan sebagainya, orang-orang *businessman* ini. Tetapi bukan yang terbaik di South East Asia bahkan kita di belakang Taiwan, Singapura dan Hong Kong.

Jadi, kalau pengurusan pendaftaran ini tidak dibaikpulihkan apabila keperluan pendaftaran ini telah diwujudkan nanti, kita mendapati kita sendiri akan tertekan lagi dan disenarai jauh ke belakang dengan negara yang kurang maju dibandingkan dengan kita.

Jadi, apakah tindakan yang khusus dibuat oleh kerajaan supaya kita tidak dilihat birokrasi kita itu tidak memberi kerjasama yang baik terutama sekali kepada pihak-pihak pelabur daripada luar negara. Kalau pelabur itu mendapati yang kerjasama pihak kerajaan tidak begitu baik, dia akan pergi ke tempat lain terutama sekali dalam bidang k-ekonomi pada masa yang akan datang kerana ini perkara-perkara yang canggih, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih pandangan dari Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Sekarang kita masuk ke zaman IT, baru tadi saya telah memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kerja-kerja atau kementerian dilengkapi dengan komputer-komputer dan alat-alat canggih untuk merakamkan atau untuk merekodkan cap dagangan, maka ini akan meningkatkan prestasi kerja kementerian. Ini memang satu perkara yang kementerian saya akan ambil tindakan dengan secepat mungkin.

Berbalik kepada

Tuan Lee Kah Choon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jelutong bangun.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju bahawa TRIPS ini memberi perlindungan kepada pemilik-pemilik cap dagangan kepada semua ahli TRIPS. Tetapi masalahnya adalah negara-negara yang maju, mempunyai ekonomi yang matang atau matured dan mereka mempunyai cap dagangan yang jauh lebih banyak daripada negara kita, sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang tidak sematang seperti mereka.

Dari segi inilah yang saya kawatir kalau kita ambil semua clause dalam TRIPS ini dengan wholesale, kita akan menghadapi masalah di mana cap dagangan ekonomi yang matang ini akan menguasai cap dagangan di negara kita ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Memang benar pandangan dari Yang Berhormat bagi Jelutong. Pada masa sekarang mungkin negara kita tidak begitu membangun kalau dibandingkan dengan negara Barat tetapi sampai satu ketika negara kita akan membangun lebih daripada jiran-jiran kita atau negara-negara di Amerika Selatan atau negara-negara di Afrika dan pengusaha-pengusaha kita mesti diberi keyakinan, produk-produk kita, cap dagangan negara kita tidak ditiru atau tidak disalahgunakan oleh negara-negara di mana pembangunan mereka tidak sama dengan kita, inilah kita mesti buat sebab we are coming into a borderless world. Mungkin satu hari Ayamias yang terkenal di negara kita pada masa kini mungkin satu hari franchising boleh dibuat di negara South Amerika

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, Larut bangun untuk apa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Wong Kam Hoong: Belum habis.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Belum habis, sudah dua kali ini belum habis.

Tuan Wong Kam Hoong: Okay. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya sebenarnya tidak berapa faham tetapi saya amat tertarik dengan perkara ini. Yang saya ingin persoalkan ialah berhubung dengan Rang Undang-undang Cap Dagangan ini berhubung dengan pertindihan, maknanya bertindih apabila didaftar.

Katalah produk Malaysia didaftar di Indonesia. Jadi, saya hendak tahu jaminan kerana tadi dalam Dewan ini bercakap soal produk. Contohnya, kereta 'Kijang' cap dagangan di Indonesia, kita ada 'Rusa' di Malaysia atau 'Kancil' mungkin sewaktu kita pergi ke sana, kita hendak daftar produk kita 'Wira', 'Kancil', 'Iswara' dan sebagainya ada juga di sana. Begitu juga katakan 'Kacang Menglembu' contohnya. Di Medan ada kacang, kacang Medan, kita pun ada Medan di Malaysia ini, sebagai contoh Medan Gopeng, dekat Ipoh ada Medan Gopeng. Ya, jadi apa jaminan ataupun langkah-langkah berhubung dengan perkara ini jika berlaku?

Tuan Wong Kam Hoong: Kalau ada satu cap dagangan yang sama dengan cap dagangan yang digunakan oleh orang lain, maka mereka boleh memutuskan bila ia didaftarkan oleh pihak masing-masing yang awal diberi hak untuk mengguna cap dagangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan cap dagangan tidak digunakan di dalam negara kita dan pihak-pihak itu ada nama baik atau good will, maka mereka dilindungi juga di bawah akta ini, di bawah pindaan ini. Ini sama juga contoh-contoh yang saya telah berikan, misal kata Selangor Pewter, belum dieksport kepada negara-negara tertentu dan di negara-negara tertentu ini mereka meniru cap dagangan Selangor Pewter, maka kalau negara itu adalah ahli World Trade Organization (WTO), maka pengusaha kita boleh ambil tindakan untuk melarangkan cap itu diguna oleh pengusaha di negara yang menggunakan

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Tuan Wong Kam Hoong:Selangor Pewter ...

Tuan Chang See Ten: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi kata jika negara asing kalau dia adalah ahli WTO dan ada mengakui perjanjian TRIPS kita boleh ambil tindakan undang-undang seperti Selangor Pewter, syarikat itu boleh ambil tindakan undang-undang. Tetapi kalau negara asing itu bukan ahli WTO apa tindakan, apa saluran kita boleh tolong syarikat kita dalam bidang ini? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Kalau mereka bukan ahli WTO tetapi negara-negara macam ini tidak banyak dan negara-negara macam ini kalau kita ada hubungan

dua hala dengan mereka, melalui kedutaan mereka, kita boleh melalui cara-cara berbincang, memberitahu kepada mereka iaitu cap dagangan yang terkena itu adalah kepunyaan rakyat Malaysia atau pengusaha Malaysia dan berharaplah mereka akan bekerjasama dengan negara kita demi kebaikan kedua-dua negara.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Baling bangun.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai cap dagangan, apakah kerajaan menyedari bahawa suatu cap khusus dalam sesuatu jenama dagangan tetapi cap yang sama digunakan untuk produk yang lain. Contoh, yang dilakukan oleh kebanyakan syarikat rokok, misalannya syarikat rokok dan menggunakan cop 'Dunhill' itu sendiri tetapi rokok pun 'Dunhill', tali pinggang pun 'Dunhill', baju pun 'Dunhill'.

Begitu juga dalam hal yang berkaitan dengan penggunaan nama dalam cap dagangan yang tidak selari dengan tuan punya entiti seperti mana cap dagangan yang digunakan oleh sesebuah organisasi yang belum pasti sejauh mana menepati kehendak syarak tetapi digunakan cap-cap dagangan yang boleh meng'confused'kan, seolah-olahnya bagi pengguna Muslim merasakan benda itu seolah-olah halal. Macam kita katakan contoh sebagai 'Saudi Burger'. Jadi, perkataan 'Saudi' itu sendiri bagi kita orang Islam, seolah-olah benda itu sudah confirm macam sudah selesai dari segi masalah yang berkaitan dengan syarak. Begitu juga yang gunakan cap 'Songkok', cap 'Masjid', belacan cap 'Masjid' hukumnya, walaupun cap 'Masjid' makruh serupa itu juga. Tetapi maknanya cap 'Masjid' pada belacan, guna 'Songkok' kemudian tulisan Jawi yang cukup cantik, makna bagi kita yang biasa dalam seni khat ini kita sudah boleh faham.

Khat Nasahnya, Khat Ragaahnya, khat apa Jawi digunakan dalam cap dagangan. Macam motto dan juga slogan 'Bersih, Suci' dan sebagainya. Maknanya, ini rasanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan cap dagangan ini sendiri yang sama ada berkaitan dengan luar negeri dan bagi saya yang dalam negeri sendiri pun perkara-perkara ini jadi confused. Minuman begitu juga 'Root Beer' tetapi benda, bekas semuanya serupa, apa semua serupa.

Jadi, ini saya rasa sama ada menepati dengan akta atau rang undang-undang yang dibincangkan ini ataupun tidak tetapi satu harapan kepada pihak kementerian supaya perkara ini dapat diberi perhatian. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut tujuan apa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tadi Yang Berhormat ada sebut supaya tidak berlaku pertindihan berdasarkan kepada tarikh ianya didaftarkan, kita tidak tahu, macam yang saya bangkitkan tadi contoh produk Indonesia, dia kata dia dahulu buat, kita pun kata kita dahulu buat. Contohlah kita beri, siapa yang akan menentukan, katalah kita daftarkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tujuan untuk meminta penjelasan ataupun

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan kepada Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan hendak rujuk kepada apa yang dibangkit

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak, tidak. Hanya contoh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya saya rasa lebih elok

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kena jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, itu sebab

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Biarlah dia jawab sekali apa salahnya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Jangan tanya dahulu, jadi hilang soalan asal itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, ini

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, saya tertarik apa Yang Berhormat sebutkan tadi bagaimana kita hendak tentukan

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya rasa beri peluang Setiausaha Parlimen jawab dahulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia sudah beri laluan kepada saya. Siapa yang beri laluan ini.....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Speaker memberi laluan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:kita ikut peraturan mesyuaratlah. Tidak, dia beri laluanakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya Setiausaha Parlimen pun berikan laluan. Sebenarnya saya fikir lebih elok selepas jawapan diberi terhadap soalan dia

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi Yang Berhormat pun beri laluan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.
[Ketawa]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Tentang tarikh pendaftaran tadi bagaimana ianya satu mekanisme yang boleh diselesaikan perkara ini kerana mungkin ada dua negara mendaftar produk yang sama. Contohnya, katakan negara tersebut bagi satu cap dagangan 'Bulan' lah kata, Malaysia pun hendak daftar yang serupa atau 'Bintang' atau 'Roket'. [Ketawa] [Disampuk] Ha, dan macam saya sebutkan tadi 'Kijang' di Indonesia mungkin sudah dahulu pakai nama 'Kijang', kita hendak guna nama 'Rusa' kebetulan juga nama yang serupa. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Okay, saya jawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Larut dahulu. Cap dagangan yang bertindih boleh dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan memutuskan siapa yang menggunakan cap dagangan itu terlebih dahulu dengan bukti-bukti penggunaannya. Itu mahkamah yang putus

Untuk Yang Berhormat bagi Baling, berkenaan dengan isu penggunaan cap dagangan. Cap dagangan yang sama memang boleh digunakan untuk produk-produk yang berlainan mengikut kelas barangan. Sekarang tidak ada satu syarikat yang menawarkan satu produk sahaja. Bila cap dagangan mereka terkenal, mereka hope to use cap dagangan ini untuk menawarkan atau mempromosikan lain-lain barangan. Macam 'Dunhill' sekarang baju pun ada 'Dunhill', jam tangan pun ada 'Dunhill',

mereka mencampuradukkan barang-barang mereka untuk menawarkan dan untuk mengaut keuntungan yang lebih banyak. Ini cita-cita tiap-tiap syarikat.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Sedikit-sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Scalan saya kalau mungkin, ini mungkin kita dapat lihat sebab kalau jenama-jenama mungkin makanan kesihatankah atau apa sebagainya ini mungkin kita rasakan itu tidak menjadi masalah. Tetapi cap dagangan yang lambang rokok, maknanya daripada peringkat mana pun orang, maknanya kalau 'Dunhill' orang tahu rokok.

Jadi, seolah-olahnya dalam kita membiarkan tali pinggang 'Dunhill', apa semuanya, jam 'Dunhill'. Jadi, seolah-olah keceriaan seseorang jejaka itu secara kesan sampingannya, maknanya dipengaruhi oleh rokok itu sendiri. Jadi, kita bimbang takut difahami itu, maknanya apabila gunakan nama itu sedangkan ini rokok. Rokok menjejaskan kesihatan dan sebagainya. Maksud saya itu apakah pihak kementerian berkenaan mengambil kira dalam hal-hal yang macam ini walaupun setakat ini tidak jadi salah tetapi untuk ke hadapan apakah perlu dikaji semula dalam kes-kes syarikat yang macam ini.

Tuan Wang Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Baling. Kerajaan sedar bahawa its not only Dunhill dan lain-lain produk yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada pengguna sebab ini agensi-agensi kerajaan lain melarang pengiklanan-pengiklanan di media massa kita. Misal kata, syarikat-syarikat rokok dilarang iklan di radio dan TV negara kita, inilah satu tindakan tetapi ini bukan di bawah bidang kuasa kementerian saya tetapi ini satu penjelasan dan pengetahuan saya berkenaan produk-produk macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sumbangan dan cadangan mereka supaya kita menjayakan pindaan Akta Cap Dagangan

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Tuan Yang di-Pertua, nanti – minta maaf Yang Berhormat. Boleh sedikit, yang tadi itu ada jenama yang mengelirukan itu, yang belum Yang Berhormat jawab lagi, yang macam dikatakan minuman label 'Root Beer', bagi kita yang faham kita tahulah tetapi bagi orang yang tidak faham dia kira serupa. Kesannya kepada dua belah pihak. Pertama sekali, orang yang betul menyediakan untuk minuman, untuk umum, orang takut hendak beli takut terkena ke minuman keras.

Jadi, confused ada di situ. Jadi, dengan cara ia dipack, dengan namanya, colournya, itupun semua meng'confused' kan. Itu yang saya rasa Yang Berhormat belum beri penjelasan lagi dan begitulah juga apa yang orang kata yang gunakan cap yang tidak berasaskan kepada entiti pemunya produk itu sendiri yang saya jelaskan contohnya 'Saudi Burger' dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa untuk menjaga produk-produk juga bertindih. Umpamanya makanan, di bawah kementerian saya ada undang-undang pelabelan. Di Kementerian Kesihatan mereka menjaga kesahihan atau kegunaan makanan-makanan itu macam racun atau tak memanfaatkan dari segi kesihatan dan lain-lain. Jadi, ini ada pertindihan. Saya pun tak fasihlah dalam contoh-contoh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan halal atau tak halal. Ini agensi agama – minta maaf kalau jawapan yang tidak begitu memuaskan, sebab saya bukan expert atau pakar dalam produk-produk halal atau tak halal.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah habis?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Tuan Wong Kam Hoong: Ada banyak lagi yang akan dibentang di Dewan yang mulia ini. Saya hendak habiskan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Apa yang saya timbulkan tadi beberapa perkara yang saya rasa tidak dijawab yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak jawab sekarang ataupun rujuk balik.

Tuan Wong Kam Hoong: Sudah jawab berkenaan dengan cap dagangan....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Misalnya apa yang saya kata....

Tuan Wong Kam Hoong:...di luar negara atau orang asing yang diberi perlindungan di negara kita. Itu yang saya sudah jawab.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Satu soalan yang saya timbulkan tadi, dalam Seksyen 14 disebut mana-mana yang sudah establish luar bila

dia mahu daftar dengan kita, kita tidak boleh tolak. Tetapi dalam masa yang sama kita sudah daftar. Ada anak syarikat tempatan dalam negeri sudah kita daftar, kebetulan nama yang sama. Tetapi mengikut TRIPS ia mesti bagi kepada syarikat yang sudah establish dan takrif 'establish' tadi disebut mesti dari segi outletnya, dari segi sells record, dari segi lama beroperasi dan sebagainya. Jadi, apa jaminan yang syarikat kita dalam negara ini tidak akan dihapuskan begitu sahaja kerana syarikat yang establish.....

Tuan Wong Kam Hoong: Belum lagi jaminan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:yang syarikat tempatan kita yang sudah operasi dalam negara ini tidak akan dibatalkan begitu sahaja pendaftarannya kerana syarikat besar hendak masuk. Kerana dalam seksyen ini disebut syarikat yang sudah establish di luar bila dia hendak daftar di negara kita, kita tidak boleh tolak. Dalam Seksyen 14A disebut di situ, pihak pendaftar tidak boleh menolak mana-mana permohonan daripada syarikat luar yang sudah establish untuk masuk mendaftar di tempat kita. Sedangkan kita sudah ada dengan jenama yang sama tadi. Jadi, apa jaminan yang syarikat kita ini tidak akan teraniaya dengan peraturan ini.

Kemudian satu lagi, Yang Berhormat, berkenaan dengan goodwill tadi, satu syarikat yang bankrap. Dalam akta ini disebut bila sudah bankrap kita boleh terus daftarkan nama-nama yang itu, sedangkan ia ada goodwill, nama sudah establish. Apa dari segi pandangan ini.

Tuan Wong Kam Hoong: Dua perkara dibangkitkan. Kalau sebuah syarikat yang bankrap dan di dalam rekod kita cap dagangan itu masih didaftar tiap-tiap 10 tahun mereka mesti membaharui ini. Sebelum tempoh ini mati maka cap dagangan itu masih dilarang untuk digunakan oleh orang lain. This is fair play. Dengan cap dagangan yang tidak didaftar di negara ini, contohnya McDonald, Levis dan lain-lain tidak didaftar di negara kita tetapi kalau sebuah syarikat bila dia melancong di luar negeri, dia balik, dia nampak satu nama dan mereka akan menggunakan nama ini atau cap dagangan ini. Kalau kementerian kita sedar bahawa cap dagangan ini digunakan oleh seorang pengusaha di negara ahli WTO, kita tidak akan mendaftarkan cap dagangan ini oleh pengusaha negara kita sebab spirit perjanjian itu kita saling menghormati. Misal kata, orang di luar negara melancong di negara kita tengok Selangor Pewter banyak laku nama ini, jadi mereka juga dilarang mendaftar Selangor

Pewter di negaranya bila dia balik untuk mengusahakan pewter dengan nama Selangor Pewter. Ini spirit, perjanjian TRIPS ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Boleh saya cakap sikit?

Tuan Wong Kam Hoong: Cukuplah. Ada lain akta lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ya cukup, cukup. Hendak bagi?

Tuan Wong Kam Hoong: Sorrylah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya boleh jelaskan soalan.

Tuan Wong Kam Hoong: Tak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi, bagi.

Tuan Wong Kam Hoong: Cukup jelas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENGUATKUASAAN KONVENSYEN
PERIUK API PEMBINA ANGGOTA 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok pengeluaran dan pemindahan periuk api pembinaaan anggota dan tentang pemusnahannya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembinaaan anggota dan tentang pemusnahannya konvensyen dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, konvensyen ini telah berkuat kuasa pada 1 Mac 1999 ia merupakan satu mekanisme yang komprehensif bagi menghapuskan penyalahgunaan periuk api pembinaaan anggota. Setakat ini sejumlah 137 buah negara telah menandatangani, sementara 78 buah negara telah meratifikasinya. Dalam hal ini, Malaysia telah pun menandatangani konvensyen berkenaan pada 3 Disember 1997 di Ottawa dan seterusnya telah meratifikasinya pada 22 April 1999 di Mozambique. Konvensyen ini akan diterima pakai sebagai satu undang-undang pada hari pertama bulan keenam dari tarikh ratifikasi tersebut. Ini bermakna Malaysia telah menjadi sebuah negara ahli kepada konvensyen ini berkuat kuasa daripada 1 Oktober 1999.

Justeru itu, satu akta perlu diwujudkan untuk menyelaraskan dan menguatkuasakan undang-undang tersebut di peringkat negara. Di bawah konvensyen berkaitan terdapat obligasi-obligasi tertentu yang perlu dipatuhi oleh negara-negara ahli bagi memastikan matlamat konvensyen yang diwujudkan tercapai, iaitu menghapuskan periuk api pembinaaan anggota. Sehubungan itu, akta yang dicadangkan ini adalah menggariskan obligasi-obligasi tersebut di dalam undang-undang negara. Obligasi-obligasi utama adalah yang meliputi larangan kepada semua ahli daripada menggunakan sebarang bentuk periuk api pembinaaan anggota termasuk menghasilkan, mengeluarkan atau selain nya memperolehi, mengumpul stok,

menyimpan atau memilik, memindahkan serta mengimport dan mengeksport periuk api pembinaaan anggota.

Sehubungan itu, Malaysia sebagai sebuah state party, dengan izin, kepada konvensyen ini adalah dikehendaki untuk memusnahkan dengan hanya meninggalkan sejumlah minimum periuk api pembinaaan anggota berkenaan bagi tujuan pembangunan latihan. Tempoh tindakan pemusnahan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam jangka masa empat tahun bermula dari 1 Oktober 1999. Di samping itu, tindakan untuk membersihkan kawasan berperiuk api hendaklah dikenal pasti dalam tempoh 10 tahun bermula dari tarikh 1 Oktober 1999.

Secara rasionalnya periuk api pembinaaan anggota ini adalah senjata yang paling murah dan mudah didapati pada masa ini. Ia digunakan secara meluas terutama semasa berlakunya satu-satu konflik, rusuhan dan seumpamanya dengan tujuan untuk mencederakan dan membunuh siapa sahaja secara rambang. Adalah diharapkan dengan wujudnya akta ini nanti ia akan dapat menghentikan penyalahgunaannya dan seterusnya menjamin keselamatan orang ramai daripada menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung akta ini turut mencerminkan komitmen negara untuk bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam usaha menghapuskan penggunaan senjata yang merbahaya membahayakan keselamatan manusia sejagat. Pada masa yang sama ia akan dapat mengurangkan risiko keselamatan anggota tentera ATM yang bertugas dalam sebarang operasi ketenteraan dari menjadi mangsa senjata berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, izinkan saya menghuraikan peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang ini satu-persatu. Rang undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinaaan Anggota 2000 ini mempunyai 24 Fasal.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 menyenaraikan perbuatan yang dilarang berhubung dengan periuk api pembinaaan anggota walaupun obligasi-obligasi yang disebutkan di bawah Fasal 3 perlu dipatuhi tetapi akta yang dicadangkan ini juga membuat peruntukan pengecualian ke atas larangan yang telah dikenakan. Pengecualian tersebut adalah meliputi keadaan di mana periuk api pembinaaan anggota boleh ditempatkan,

diperolehi, dimiliki atau dipindahkan. Pengecualian tersebut adalah atas alasan-alasan mengadakan latihan, melaksanakan tugas perolehan. Pemilikan atau pemindahan periuk api pembinaan anggota yang telah dinyatakan atau bagi tujuan kegiatan ketenteraan yang tidak bertentangan dengan peruntukan Fasal 3 rang undang-undang ini. Pengecualian ini adalah seperti yang terkandung di dalam Fasal 4 rang undang-undang yang sama.

Fasal 4 memperuntukkan pengecualian pada Fasal 3 yang menyatakan hal keadaan yang membolehkan periuk api pembinaan anggota ditempatkan, diperolehi, dimiliki atau dipindahkan. Bagi tujuan menghapuskan penggunaan periuk api pembinaan anggota, pemilikan periuk api pembinaan anggota oleh mana-mana orang adalah tidak dibenarkan sama sekali di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 5 menghendaki tiap-tiap orang yang memiliki periuk api pembinaan anggota yang dilarang di bawah Fasal 3 supaya mengemukakannya kepada orang yang tertentu untuk dimusnahkan.

Fasal 6 bertujuan untuk menghendaki menteri memastikan bahawa kawasan yang dikenal pasti atau disyaki menjadi kawasan berperiuk api hendaklah ditandakan sempadannya dan dilindungi dengan pagar atau dengan apa-apa cara lain supaya dapat memberitahu orang awam tentang adanya periuk api pembinaan anggota di situ.

Fasal 7 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pemusnahan segala periuk api pembinaan anggota yang dikumpul stok. Periuk api pembinaan anggota yang diserahkan untuk dimusnahkan di bawah Fasal 5 serta juga periuk api pembinaan anggota di dalam kawasan berperiuk api.

Walau bagaimanapun, di bawah Fasal 8, menteri boleh membenarkan penempatan, pemerolehan, penyimpanan, pemilikan atau pemindahan sesuatu bilangan tertentu periuk api pembinaan anggota bagi peningkatan dan latihan dalam teknik pengesahan periuk api, pembersihan periuk api dan pemusnahan periuk api.

Untuk mematuhi kehendak perkara 7 konvensyen, Fasal 9 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk mengeluarkan notis kepada mana-mana orang yang disyaki secara munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen itu kepada menteri. Kegagalan untuk mematuhi notis itu menjadi satu kesalahan.

Bagi menunjukkan komitmen dan ketelusan negara berkaitan dengan periuk api pembinasaan anggota ini, rang undang-undang ini di bawah Fasal 10 telah memperuntukkan supaya misi pencarian fakta dari luar negeri dibenarkan memasuki negara ini bagi maksud 'mengenalpastian' tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dikenakan. Sebelum satu misi pencarian fakta ini dibenarkan menjalankan misi berkenaan, satu perakuan dikeluarkan oleh menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal luar negara perlulah diperolehi terlebih dahulu oleh setiap anggota misi pencarian fakta.

Fasal 11 bertujuan untuk menghendaki perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal 10 ditujukan kepada orang yang bertanggungjawab bagi atau yang mempunyai kawalan ke atas pemasangan kemudahan atau tempat yang dikehendaki diperiksa.

Fasal 12 bertujuan untuk membolehkan anggota sesuatu misi pencarian fakta masuk ke sesuatu pemasangan atau kemudahan yang mempunyai atau mungkin mempunyai keupayaan untuk menghasilkan, mengeluarkan atau mengumpul stok periuk api pembinasaan anggota atau mana-mana tempat lain untuk menjalankan penyiasatan. Pemeriksaan itu hanya boleh dilakukan dengan keizinan orang yang bertanggungjawab bagi atau yang tinggal atau yang mempunyai kawalan ke atas pemasangan kemudahan atau tempat itu. Walau bagaimanapun, kuasa untuk masuk dan membuat pemeriksaan berkenaan dengan kelengkapan maklumat dan kawasan yang sensitif adalah tertakluk kepada syarat dan sekatan yang boleh dikenakan oleh menteri.

Fasal 13 bertujuan untuk memperuntukkan untuk memudahkan perjalanan sesuatu penyiasatan bahawa menteri boleh mengarahkan semua supaya anggota sesuatu misi pencarian fakta diiringi oleh pegawai Polis Diraja Malaysia, anggota-anggota tentera atau mana-mana orang lain.

Fasal 14 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi mengeluarkan waran geledah oleh Majistret dalam keadaan yang dinyatakan dalam fasal itu.

Fasal 15 bertujuan untuk membolehkan suatu pengeledahan, penyitaan atau pemeriksaan dijalankan tanpa waran jika apa-apa kelengahan dalam memperolehi waran geledah boleh memudaratkan pengeledahan atau pemeriksaan.

Fasal 16 bertujuan untuk membolehkan anggota sesuatu misi pencarian fakta mengimport tanpa duti atau cukai apa-apa kelengkapan tidak termasuk kenderaan

motor yang dikehendaki digunakan semata-mata dalam menjalankan misi mereka. Kelengkapan itu kemudiana boleh dieksport tanpa duti dan cukai.

Fasal 17 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi kerahsiaan maklumat yang diperolehi di bawah akta yang dicadangkan oleh Konvensyen.

Fasal ini juga menyatakan hal keadaan bila maklumat ini boleh disampaikan kepada orang lain.

Fasal 18 bertujuan untuk melarang perbuatan pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada anggota sesuatu misi pencarian fakta serta juga halangan sengaja ke atas sesuatu pemeriksaan.

Fasal 19 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pelanggaran peruntukan tertentu akta yang dicadangkan adalah menjadi kesalahan.

Fasal 20 memperuntukkan penalti berupa satu denda yang tidak melebihi RM20,000 atau pemenjaraan tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 21 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi melucuthakkan dokumen kelengkapan dan benda lain yang disita, benda pelucuthakkan (forfeiture) hendaklah dibuat oleh mahkamah yang dibuktikan bahawa satu kesalahan telah dilakukan dan bahawa dokumen kelengkapan atau benda yang disita itu ialah hal perkara atau yang telah digunakan dalam perlakuan kesalahan. Fasal ini juga menetapkan tatacara yang dikehendaki diikuti jika tiada pendakwaan dimulakan tentang apa-apa dokumen kelengkapan atau benda yang disita.

Fasal 22 sub (1) bertujuan untuk membolehkan menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pertahanan mewakili apa-apa fungsi dan kuasa yang dikenakan atau diberikan kepadanya di bawah akta yang dicadangkan kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyeliaannya. Walau bagaimanapun, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tidak boleh diwakilkan.

Fasal 23 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi perlindungan pegawai dan orang lain apabila menjalankan maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 24 bertujuan memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan yang berkaitan dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penggunaan pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembinasa anggota dan tentang pemusnahannya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Besut.

3.48 ptg.

Tuan Hassan bin Mohamed [Besut]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam membincangkan Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinasa Anggota 2000 ini rasanya perlu untuk Dewan ini dimaklumkan bahawa semenjak tahun 1989 tatkala Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mula secara sistematik melaksanakan operasi pembersihan periuk api di Afghanistan, PBB telah membantu menyediakan pelan bertindak bagi pembersihan periuk api ini di 13 buah negara. Antaranya ialah Angola, Bosnia, Cambodia, Croatia, Laos, Mozambique dan lain-lain. Sudah lebih sepuluh tahun isu ini dibincangkan di peringkat antarabangsa dan malah sudah lebih dari setahun sejak Konvensyen ini dikuatkuasakan pada 1 Mac 1999 kita baru mahu membincangkan di Dewan yang mulia ini.

Kita telah melihat begitu ramai rakyat di dunia ini yang menderita, ramai yang kehilangan nyawa, kehilangan kaki dan tangan serta penglihatan kerana begitu lama sejak isu itu diperkatakan, hanya pada Mac 1999 ianya dikuatkuasakan di peringkat dunia dan hanya pada bulan April 2000 baru kita ingin dapat persetujuan di Parlimen inidi mana pegawai-pegawai tinggi kerajaan kita yang berwibawa, yang dihantar ke luar negara untuk mengikuti perkembangan dan melihat bagaimana Konvensyen ini disediakan. Mereka ini sepatutnya memberi nasihat lebih awal supaya dalam perkara yang memang jelas seperti Konvensyen mengenai periuk api ini, kita tidak perlu membuang masa lagi. Sepatutnya negara kita sudah ada undang-undang ini sejak bulan Mac 1999 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini selain daripada ratifikasi yang ke-40 tersebut yang telah disimpan di Burkina Faso pada 16 September 1998 kita tidak dimaklumkan tentang mesyuarat pertama negara-negara anggota yang mengharamkan periuk api di Maputo, Mozambique pada bulan Mei

1999. Semenjak tarikh tersebut kita difahamkan sudah lebih 135 negara yang menandatangani atau menerima Konvensyen ini di peringkat antarabangsa.

Isu yang kita perlu ingat dalam menyokong rang undang-undang ini di mana lebih menjurus kepada pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api ini memandangkan negara kita berada dalam kawasan strategik, berhampiran dengan negara-negara bermasalah dari sudut periuk api di rantau ini seperti Cambodia, Laos dan Myanmar.

Kita kluatir ada antara para peniaga di negara ini yang ingin menjadi cepat kaya melalui hasil membekal dan mengeluarkan bahan yang bakal membunuh manusia ini. Kita juga perlu kluatir tentang pengecualian di bawah Perkara 4 Seksyen 3 yang memberi pengecualian kepada tujuan menjadikan periuk api tidak merbahaya sama ada dari segi latihan ketenteraan dan lain-lain agar ianya diperketatkan undang-undang di peringkat mereka yang dikecualikan agar tidak menyalahgunakan pengecualian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membangkitkan di Dewan yang mulia ini, sementara negara kita menyokong konvensyen antarabangsa ini dan melaksanakan rang undang-undang di negara ini yang mengharamkan kepada apa juga jenis senjata yang merbahaya serta menyokong pernyataan bagi pihak kerajaan yang dibuat pada 24 Mac 2000 oleh Duta kita di PBB, Dato' Hasmi Agam mengenai Iraq di mana kita mengutuk keras, dengan izin, sanction, dari Majlis Keselamatan PBB ke atas Iraq yang tidak langsung mengambil kira kesengsaraan yang dihadapi oleh majoriti rakyat Iraq, yang memang pihak pembangkang sudah suarakan selama ini.

Kita juga perlu melihat isu ini supaya menyeluruh dan tidak memilih bulu. Dalam semua konvensyen antarabangsa di mana isu keselamatan dan hak asasi manusia diperlecehkan serta juga dalam hubungan antarabangsa di mana rakyat di negara jiran kita yang menjadi mangsa seperti di Ambon, Timor Timur, satu ketika dahulu Myanmar dan selatan Thailand di mana perlu ada dasar luar yang jelas dalam perkara ini.

Walaupun kadang kita lihat sebagai begitu kritis terhadap negara-negara Barat dan kuasa-kuasa besar, tetapi kita mengharapkan bahawa agar rang undang-undang yang dibentangkan ini bukanlah dilaksanakan semata-mata untuk memenuhi atau menjaga hati kuasa-kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang membangun dengan menumpukan kepada teknologi canggih di mana dunia secara menyeluruh sedang menuju kepada era globalisasi yang merisaukan di mana pembangunan lebih tertumpu kepada *jobless group* di mana ekonomi nampak pesat tetapi tidak menghasilkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Pembangunan lebih tertumpu kepada *ruthless group* di mana negara membangun secara menyeluruh tetapi rakyat menjadi be ngis, kejam, tidak mengenal belas kasihan dan bertindak secara zalim sesama manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, apa kaitan dengan rang undang-undang yang kita bincangkan?

Tuan Hassan bin Mohamed: Supaya pembangunan kita ini seimbang dengan kemanusiaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini periuk api ini.

Tuan Hassan bin Mohamed: Manusia tidak menggunakan peluang periuk api ini untuk merosakkan manusia yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh itu, ialah, tetapi cepat masuk hal itulah, jangan lama sangat bermain di awang-awangan. Ya, sila.

Tuan Hassan bin Mohamed: Kita perlu sedar bahawa teknologi mengubah masa di mana senjata yang digunakan oleh Amerika Syarikat dalam perang Vietnam dahulu tidak sama dengan senjata yang mereka gunakan tatkala mereka melanggar Iraq dalam krisis Teluk. Periuk api mungkin bukanlah satu ancaman pada masa yang akan datang, mungkin akan wujud bahan yang lebih canggih untuk tujuan mengambil nyawa dan membunuh manusia yang tidak berdosa. Semua ini harus diambil sementara kita menyokong Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000 ini kita juga harus mula menyediakan satu rang undang-undang yang dapat menangani senjata pada masa depan.

Kita perlu juga bersedia untuk mendakwa orang-orang yang menghantar bom melalui Internet yang menyebabkan kehilangan data dan rekod. Kita juga harus bersedia untuk menangani senjata yang lebih sofistikated dari periuk api. Kita sepatutnya, dengan izin, anticipate benda-benda yang bakal menjadi masalah. Bukan bertindak pasif hanya selepas sudah ada nyawa yang terkorban. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini saya beri kepada ...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batang Lumar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lumar nantilah sekejap ya, kita beri juga. Wangsa Maju dahulu.

3.57 ptg.

Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan suatu Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000 di Dewan yang mulia ini.

Periuk api atau dengan izin, 'mine' dari segi definisinya di dalam rang undang-undang ini ialah sejenis senjata yang direka bentuk untuk ditempatkan di bawah, di dalam, di atas atau dekat dengan tamah atau kawasan permukaan lain supaya meletup dengan kehadiran, berdekatan atau dengan izin, proximity atau sentuhan orang atau kenderaan. Sementara periuk api pembina anggota, dengan izin, anti personnel mines, sebagaimana yang didefinisikan bermakna periuk api yang direka bentuk supaya meletup dengan kehadiran, berdekatan atau sentuhan orang yang tidak berkeupayaan, atau dengan izin, disebut sebagai *incapacitating*, mencederakan atau membunuh satu orang atau lebih.

Berasas kepada banyak faktor dan lesan bahayanya periuk api ini sebagai *hidden killer*, dengan izin, kepada manusia sejagat termasuk dan khususnya kanak-kanak, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh di atas kesungguhan dan komitmen Kerajaan Malaysia merealisasikan konvensyen tersebut di peringkat antarabangsa.

Saya juga melihat secara positif penyertaan dan komitmen daripada 137 buah negara di seluruh dunia yang telah pun menandatangani Konvensyen tersebut dan menurut maklumat, dengan izin, International Campaign to Ban Landmines (ICBL) sehingga 14 Mac 2000 sebanyak 78 buah negara termasuk negara kita Malaysia telah pun meratifikasinya tetapi masih ada 58 buah negara yang lain, yang belum menandatangani konvensyen ini.

Satu persoalan yang timbul ialah di dalam senarai 58 negara itu, terdapat dua negara anggota ASEAN dan salah satu daripadanya merupakan jiran terdekat kita

yang tidak menandatangani Konvensyen antarabangsa ini. Apakah sebabnya negara tersebut yang tidak menyertai ratifikasi Konvensyen tajaan United Nations itu? Adalah tidak rasional malah suatu keangkuhan bagi negara itu yang tidak melambangkan kemuafakatan semangat ASEAN, sedangkan negara-negara ASEAN yang lain, yang cukup berpengaruh seperti Thailand, Filipina dan juga Indonesia terlibat dalam kerangka Konvensyen tersebut. Apakah negara jiran kita itu tidak sensitif dengan keselamatan serantau, sehingga negara tersebut terasing daripada 1997 Mines Ban Treaty itu.

Negara Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar juga tidak mengendahkan semangat Konvensyen anjuran United Nations itu. Amerika Syarikat juga tidak menyertai bersama 137 buah negara di dunia ini. Sikap double standards kuasa besar ini amat jelas

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Shah Alam minta penjelasan, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Berhubung kait dengan kuasa-kuasa besar tadi khususnya Amerika Syarikat yang tidak turut serta dalam Konvensyen Periuik Api ini, tadi Yang Berhormat Besut dok sebut seolah-olah rang undang-undang ini dibentangkan hanya semata-mata hendak memuaskan nafsu kuasa-kuasa besar. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju ini dan yang keduanya, tadi Yang Berhormat beri description mengenai rupa bentuk land mines, saya hendak bertanya antara land mines ini dengan fitnah yang ditaburkan oleh pembangkang ini, mana yang lebih bahaya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hak yang pertama itu jawab, Yang Berhormat ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Shah Alam. Saya ingat saya turutlah nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua kita jawab soalan yang pertama sahaja. Ada 137 *signatory* atau negara-negara yang telah menandatangani ratifikasi apa yang dipanggil Convention on the Prohibition of the Use, Stockpiling, Production and Transfer of Anti-Personnel Mines and on their Destruction, iaitu 1997 Mines Ban Treaty dan Amerika Syarikat dan negara-negara yang besar yang lain, yang tidak menandatangani ialah Rusia dan China.

Tuan Yang di-Pertua, sikap double standards kuasa besar ini amat jelas memperlihatkan keangkuhan sebagai sebuah negara polis dunia. Namun demikian, tidak semua kuasa besar dan negara maju yang tidak menyertai Konvensyen ini, Negara Jepun, United Kingdom, Perancis telah menandatangani Konvensyen dan meratifikasinya. Tetapi yang saya sebut tadi, Rusia dan China dianggap sebagai sebuah negara kuasa besar di dunia sebelah sini belum lagi menyertai Konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun sikap dan tindakan angkuh negara-negara ini, saya berharap dan juga berpendapat bahawa rang undang-undang yang akan menjadi akta selepas ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah dari segi pelaksanaan serta tidak akan menjejaskan kemampuan operasi pertahanan negara. Malah, saya berpendapat akta ini akan dapat mengurangkan risiko keselamatan anggota tentera kita yang sedang bertugas dalam operasi ketenteraan dari menjadi mangsa jerangkap samar ini.

Tuan Yang di-Pertua, periuk api ini amat mudah dibuat. Walaupun hanya dengan sekadar RM3 atau RM4 sahaja, seseorang itu boleh membuat periuk api dengan sebegitu mudah. Namun demikian, akibatnya ia boleh membunuh dan jika tidak membunuh seseorang yang terkena dengan jerangkap samar periuk api ini boleh mengakibatkan kecacatan anggota serta mengalami kesengsaraan sepanjang hayat.

Sejak Perang Dunia II meletus di tanah air kita ini sehingga membawa kepada peperangan negara kita menentang ancaman komunis yang sudah pun berakhir pada tahun 1989, saya percaya masih banyak lagi jerangkap samar berupa periuk api dari pelbagai jenis yang masih belum dapat dikesan terutama di hutan-hutan belantara yang menjadi medan pertempuran, ini termasuk hutan-hutan di Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan juga di sempadan Malaysia/Thailand. Apabila rang undang-undang ini diluluskan menjadi sebuah akta, maka akan menjadi tanggungjawab kepada pihak berkuasa kerajaan untuk memusnahkan saki baki periuk api ini yang sudah pun dikesan.

Saya ingin mengesyorkan supaya misi pencarian fakta periuk api pembinasa ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 12 rang undang-undang dapat menggunakan suatu mekanisme yang terbaik dan tidak memberikan kesan bahaya bukan sahaja kepada anggota misi tersebut, malah diharap tidak mendatangkan kesan bahaya kepada orang awam berdekatan dengan zon periuk api ini.

Dalam melaksanakan obligasi-obligasi di bawah akta ini, saya merasakan sudah tentu melibatkan implikasi kewangan yang besar. Walau bagaimanapun, saya percaya pihak kerajaan sudah tentu bersedia untuk memantau masalah ini dan apakah suatu jaminan dapat diperkukuhkan supaya saki baki periuk api pembinasa ini dapat dibersihkan sehingga ke peringkat sifar. Bukan sahaja yang terdapat di hutan-hutan belantara malah hendaklah juga meliputi periuk-periuk api di perairan negara kita atau, dengan izin, sea mines.

Dalam konteks sea mines ini, saya ingin mengesyorkan supaya maksud Fasal 2 dalam rang undang-undang di bawah tajuk tafsiran bagi maksud 'periuk api' supaya diperjelaskan lagi dan diperluaskan dengan kemasukan maksud 'periuk api laut', sebab kalau kita melihat kepada rang undang-undang ini, ini tidak termasuk, serta terdapat juga ancaman bukan sahaja di atas Tentera Laut Diraja Malaysia, tetapi juga *merchant navy*, dengan izin.

Di awal ucapan saya tadi, saya ada menyebutkan jumlah negara yang menyertai Konvensyen Periuk Api Pembinasa di peringkat antarabangsa dan juga negara-negara yang tidak menyertainya.

Dalam pada itu juga saya ingin menimbulkan persoalan di Dewan yang mulia ini dan juga meminta Kementerian Pertahanan supaya dapat memaklumkan kepada Dewan ini, negara manakah merupakan pengeluar utama atau, dengan izin, exporters periuk-periuk api ini dan negara manakah pengimport terbesar periuk api pembinasa ini. Adakah negara jiran kita masih mengeluarkan dan mengeksport periuk api ini?

Konsep globalisasi yang sedang diperjuangkan oleh pihak Barat terutamanya oleh kuasa besar Amerika Syarikat mestilah telus dan adil. Janganlah oleh kerana sesuatu kepentingan, maka industri persenjataan ini dimonopoli oleh konco-konco tertentu yang mungkin akan mengancam negara-negara tertentu yang lemah. Seruan keamanan dunia hanya tinggal slogan sahaja, sementara itu ribuan manusia terutama kanak-kanak terus terbunuh akibat terpijak periuk-periuk api buatan mereka ini.

Menurut sumber laporan, dengan izin, *International Committee of the Red Cross UN Children Fund* menyebutkan bahawa kanak-kanak yang terbunuh akibat terkena periuk api pada masa ini ialah sekitar 8,000 sehingga 10,000 orang pada tiap-tiap tahun. Angka-angka kecederaan akibat terkena periuk api ini juga amat besar terutama di negara-negara yang kerap dilanda ancaman peperangan seperti di

Afghanistan, Kemboja dan juga di Utara Somalia dan juga negara-negara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Besut tadi.

Contoh-contoh lain yang boleh dinyatakan di Dewan yang mulia ini ialah di Afghanistan, Kemboja didapati lebih daripada 25% kanak-kanak yang tercedera yang sedang dirawat oleh Persatuan Bulan Sabit dan lebih daripada 75% di Somalia Utara. Kanak-kanak ini mungkin kehilangan satu ataupun kedua-dua kaki dan tangan mereka dan juga menjadi buta akibat terkena periuk-periuk api pembinasa ini.

Untuk pengetahuan Dewan ini juga, di Kemboja sahaja terdapat lebih dua kali ganda periuk api pembinasa anggota iaitu 7 juta jika dibandingkan dengan jumlah kanak-kanak yang terdapat di negara itu iaitu 3.5 juta. Afghanistan dan Somalia Utara merupakan dua negara yang belum lagi menandatangani konvensyen tersebut. Oleh yang demikian keterangan mengenai negara-negara pengeluar periuk api pembinasa ini dirasakan perlu untuk menjadikan rujukan (reference), dengan izin, bagi menjayakan ketetapan yang dibuat di dalam semangat konvensyen tersebut.

Negara kita harus melihat senario ini sebagai satu ancaman yang memerlukan persediaan alternatif dari segi pertahanan terutamanya jika negara itu menghadapi kemaraan tentera asing. Jadi, saya hendak bertanya, apakah alternatif yang harus diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia setelah semua periuk api pembinasa anggota ini dibersihkan di Malaysia. Apakah jumlah minimum yang perlu ditempatkan, diperolehi, disimpan, dimiliki atau dipindah oleh Menteri Pertahanan di tiap-tiap negara yang telah meratifikasikan konvensyen ini dan kita rujukkan soalan ini kepada Fasal 8 di bawah kebenaran oleh Menteri. Apakah kita lena lapor kepada United Nations untuk mendapatkan keizinan menggunakan senjata alternatif untuk melawan ancaman itu. Perkara ini perlu juga diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucap syabas kepada Kerajaan Malaysia yang begitu peka dengan hak pelucutan senjata dengan merangka satu mekanisme yang komprehensif bagi menghapuskan penyalahgunaan periuk api dan periuk api jenis pembinasa anggota demi untuk kesejahteraan dan keamanan negara. Malaysia yang telah menandatangani konvensyen ini pada 3 Disember 1997 dan meratifikasikannya pada 22 April 1999 akan menerima-pakai konvensyen ini sebagai satu undang-undang negara.

Maka, dengan itu juga saya mohon menyokong Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

4.08 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah meratifikasikan konvensyen antarabangsa ini dan membuatnya menjadi undang-undang negara kita dan saya mengucap tahniah kepada Yang Berhormat bagi Wangsa Maju yang membuat hujah-hujah yang begitu baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong undang-undang ini dan walaupun kita nampaknya amat cepat, berlainan daripada tuduhan Yang Berhormat yang bercakap pertama tadi mengatakan kita telah terlambat, yang sebenarnya kita begitu cepat sekali membuatkan undang-undang dan *meratifykan* konvensyen antarabangsa itu dan membuatnya menjadi satu undang-undang negara. Kecepatan Malaysia ini telah mencerminkan bagaimana peka kita kepada masalah-masalah berhubung dengan periuk api ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua kali Perang Dunia dan sampai sekarang pertelingkahan sempadan dan sebagainya tidak ada satu elemen senjata peperangan yang banyak membinasakan manusia selain daripada periuk api, bahkan bom atom sendiri pun tidak membinasakan manusia sebanyak mana yang telah dibinasa dan dcederakan oleh periuk api.

Jadi, Malaysia patut diberi tahniah kerana telah meratifikasikan konvensyen ini tetapi apa yang menyedihkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju iaitu negara besar, negara seperti Amerika, China dan sebagainya, sepatutnya mereka inilah juga pengeluar dan penjual periuk api yang terbesar di dunia dan mereka ini tidak endahkan suara dunia yang menekankan yang kita perlu *meratifykan* konvensyen ini supaya ia menjadi undang-undang negara dan undang-undang sejagat. Kerana dengan tidak adanya undang-undang sejagat ini, mereka masih menggunakan alasan itu untuk menjual periuk api ini kepada mana-mana negara yang perlu dan masih menjadi satu ejen pembunuhan dan kecederaan kepada manusia sejagat.

Jadi, kalau pembunuhan dan kecederaan itu berlaku kepada orang yang berperang, mungkin kita boleh katakan ini adalah satu risiko berhubung dengan peperangan. Tetapi malangnya, kalau kita lihat di Cambodia umpamanya dan di benua-benua Angola, banyak orang yang tidak ada terlibat langsung dengan soal peperangan, bahkan kerosakan ataupun kecederaan banyak melibatkan wanita, anak-anak dan sebagainya, bukan sahaja oleh kerana mereka berkeliaran di sana-sini, bahkan oleh kerana tanda dan tempat di mana periuk api ini telah ditanamkan telah tidak menentu dan ditanam bila-bila masa sahaja.

Pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah melihat juga walaupun periuk api yang kita lihat di negara kita ini bukanlah yang canggih-canggih, bukannya dibuat secara baik dan dibuat secara *crude*. Saya sendiri pernah terlibat dengan pergolakan pada ketika itu – masa emergency komunis pada tahun 60-an dan 70-an. Saya pernah melihat sendiri macam mana periuk api ini meletup di hadapan kita dan bagaimana ia boleh menjatuhkan kereta macam Land Rover dan truck daripada jalan raya, bahkan pada ketika itu dahulu saya pernah melihat truck-truck Field Force terjatuh daripada jalan raya di Jalan Sibu di mana periuk api telah ditanamkan oleh pihak komunis.

Saya pernah melihat sendiri dan melihat kawan-kawan terluka oleh kerana periuk api. Walaupun periuk api itu tidak canggih dan tidak begitu membahaya sangat terutama sekali kalau kita dalam kereta tetapi boleh juga membunuh orang. Jadi, inilah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju tadi, periuk-periuk api sebegini masih banyak ditanam di kawasan kita di Malaysia ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian, apakah tindakan kerajaan untuk periuk api ini tidak membahayakan masyarakat kita, rakyat kita di Malaysia ini.

Berkemungkinan kita melihat perkara ini adalah satu perkara yang bukan berat ataupun perkara yang bukan keutamaan negara tetapi saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan Malaysia membawa perkara ini kepada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mewujudkan satu dana sejagat supaya dana ini digunakan untuk membuang semua periuk api di mana-mana di seluruh dunia ini terutama di negara-negara yang banyak periuk api seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju tadi di Cambodia, Angola, di Ethiopia – di mana-mana sahaja sempadan pertelingkahan negara, di situlah banyaknya periuk api telah ditanamkan, bahkan di Bosnia, Iraq dan sebagainya masih banyak periuk api ditanam di sana sini

dan tidak menentu. Tidak ada tanda menunjukkan di manakah periuk api ini berada. Jadi, dalam keadaan sedemikian, orang yang berkeliaran di sana-sini pergi ke tempat yang tertentu walaupun untuk tujuan-tujuan yang ada hubung kait dengan ekonomi dan sebagainya, kerana periuk api ini tidak mempunyai mata dan matlamat, siapa sahaja memijaknya, siapa sahaja yang terkena akan binasa ataupun mati.

Saya juga turut bersama membidas negara-negara maju terutama sekali negara-negara yang mengeluarkan senjata yang tidak hiraukan suara-suara dunia, suara-suara lantang yang disuara oleh pihak NGO dan pihak-pihak individu terutamanya dahulu kita dengar Princess Diana yang terlibat. Sekarang isteri Raja Jordan dan yang itu kita tidak dengar orang daripada negara kita ini terlibat dengan kempen seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada masyarakat seluruh dunia supaya negara-negara ini diberi satu penekanan, supaya jangan membina ataupun menjual periuk api ke mana-mana negara pun.

Kalau kita lihat seperti mana yang telah kita dimaklumkan bahawa ada juga negara jiran kita di rantau ini yang tidak mahu *meratify*kan konvensyen ini. Ini menunjukkan mereka juga ada mempunyai satu motif dan tujuan yang kurang baik kerana ini kita mesti juga memberi penekanan. Saya menyeru pihak negara kita supaya membawa perkara ini kepada ASEAN – negara serantau kita untuk menekankan kepada negara-negara tersebut supaya mereka juga meratifikasikan konvensyen periuk api ini supaya sekurang-kurangnya di rantau ASEAN ini kita tidak mahu mendengar lagi mana-mana negara yang masih boleh membina, menjual stockpile dan sebagainya periuk api dan saya juga turut bersetuju iaitu periuk api ini sepatutnya bukan sahaja di dalam tanah dan di luar tanah tetapi sepatut juga di dalam air kerana boleh ditanam. Kalau kita lihat pada zaman dahulu iaitu pada Peperangan Dunia Pertama dan Kedua, banyak periuk api ini telah dibuat di dalam air dan telah membinasakan kapal dan kapal selam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya dalam soal ini ialah saya ingin bertanya apakah tindakan kerajaan berhubung dengan negara-negara yang tidak meratifikasikan konvensyen ini. Adakah susulan, ekoran daripada kita telah mengambil tindakan, adakah ini telah diratifikasikan oleh negara-negara kecil semacam kita sahaja, yang mana negara-negara besar enggan berbuat demikian dan apakah tindakan kita di United Nations dan apakah tindakan kita di rantau sama ada menerusi ASEAN, NAM dan sebagainya untuk memberi penekanan kepada pihak-

pihak kerajaan besar yang mengeluarkan senjata dan periuk api ini agar ini tidak menjadikan satu merbahaya yang amat besar kepada manusia sejagat.

Dengan kata-kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah.

4.16 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kami menyokong langkah kerajaan untuk penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinasaa. Bukan semua apa yang dibuat oleh kerajaan kami tentang. Perkara seperti ini kita sokong 100%.

Tuan Yang di-Pertua, memang perang adalah satu perkara yang tidak disukai oleh manusia tetapi suka atau tidak suka ia tetap datang. Perang bermula daripada Abil dan Qabil sampailah sekarang ini. Ditubuhkan pelbagai agensi untuk menghapuskan perang tetapi perang tetap juga berlaku. Sebab itu di dalam Islam perang adalah satu perkara yang tidak disukai tetapi ianya tidak dapat dielakkan, ia mengiktiraf peperangan itu salah satu yang berlaku kepada manusia.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diwujudkan untuk mengelakkan perang tetapi kebelakangan ini PBB jadi kepala perang. PBB mengisytiharkan perang terutama terhadap Iraq dan sebagainya. Oleh itu, peranan PBB sebagai badan pendamai sudah jadi kepala perang kerana PBB didalangi atau dikuasai oleh Amerika Syarikat. Boleh dikatakan secara hampir menyeluruh sekarang ini. Bila berlaku perang, kita tahulah pemusnahan yang dahsyat berlaku kepada manusia dan muka bumi ini.

Kalau berlaku perang, kita mahu yang terlibat dalam perang itu iaitu askar dengan askar, tentera dengan tentera yang bertempur tetapi ke belakangan ini – 50 tahun kebelakangan ini bukan tentera dengan tentera bertempur tetapi yang menjadi mangsa utamanya ialah rakyat awam termasuklah peninggalan periuk api dalam Perang Dunia Kedua yang begitu banyak – Perang Kampuchea, Perang Vietnam dan juga yang berlaku di Afrika, yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi. Mereka yang mati akibat terpijak periuk api ini lebih ramai daripada tentera yang bertempur secara direct, secara combat atau secara perang konvensional.

Oleh itu, kempen yang dijalankan di seluruh dunia untuk mengharamkan periuk api ini dan akhirnya berjaya diterima oleh lebih daripada 137 buah negara seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri tadi itu adalah satu perkara yang baik kempen yang dijalankan termasuk terlibatnya orang seperti Lady Diana dan lain-lain lagi. Akhirnya masyarakat dunia terima periuk api perlu dimusnahkan sehabis-habisnya, yang tinggal hanyalah untuk latihan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada periuk api, senjata yang lebih merbahaya, Malaysia hendaklah memainkan peranan berkempen sama ada kerajaan sendiri atau NGO, badan-badan politik untuk terus kita berkempen menentang penggunaan senjata yang lebih merbahaya iaitu senjata kimia dan juga nuklear. Kita boleh lihat dengan mata kepala bagaimana kejadian yang berlaku di Hiroshima dan Nagasaki – pemusnahan ratusan ribu manusia dengan bom nuklear.

Bom kimia pula kita boleh lihat apabila ia digunakan oleh Tentera Iraq terhadap gerila Qurdhi di Halabya. Bagaimana bom kimia ini dapat membunuh manusia awam, lebih 5,000 rakyat Qurdhi meninggal dunia termasuk ibu yang sedang menyusukan anaknya terus meninggal dunia bila terhidu senjata kimia yang baunya manis tetapi boleh membawa maut dengan begitu cepat. Sebab itulah selain daripada kejayaan pertama sekarang ini masyarakat dunia menolak periuk api, kita mahu terus pergi kepada yang kedua dan ketiga iaitu pemusnahan senjata kimia dan pemusnahan senjata nuklear.

Perlumbaan senjata ke belakang ini kadangkalanya merugikan rakyat. Kita lihat India dan Pakistan menunjukkan siapa besar. Mereka menonjol-nonjolkan kejayaan saintis mereka untuk mencipta dan meletupkan bom nuklear tetapi rakyat mereka, kedua-dua negara masih tinggal di bawah bumbung-bumbung rumah yang dindingnya dibuat daripada tahi-tahi lembu ataupun daripada jerami. Mereka berlumba menghabiskan billion dollar untuk nuklear tetapi rakyat mereka hidup dalam serba daif.

Ini kerana nuklear menunjukkan satu kesombongan. Ada senjata nuklear dihormati dan dipuja oleh dunia. Lima negara nuklear – Perancis, China, England, Amerika – mereka ini menjadi teraju kepada dunia ini. Oleh itu, Pakistan dan India juga untuk menjadi teraju di sebelah Asia atau Asia Selatan ini, mereka menghamburkan wang begitu banyak untuk terlibat dalam pembinaan senjata nuklear. Oleh itu, kita harap Malaysia tidak terlibat dalam usaha untuk membina

senjata nuklear dan juga menjadi perancang utama menentang pembinaan senjata nuklear ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kebelakangan ini, saya sebut tadi, bila perang, yang banyak mati bukan tentera yang terlibat secara direct itu. Peninggalan periuk api yang menyebabkan kanak-kanak begitu banyak mati di Afghanistan. Memang kuasa-kuasa besar ini mereka takut bertempur secara perang combat kadangkalanya. Sebab itulah mereka ugut dengan kekuatan senjata nuklear. Secara perang berdepan, Amerika pernah kalah di Vietnam dan akhirnya Amerika menerima kekalahan dalam perang berbentuk itu dan sekarang sekali lagi tentera yang dianggap paling kuat di atas muka bumi iaitu tentera Israel, bila perang secara combat mereka menerima kekalahan dengan pasukan Hizbullah dari Lubnan, bahkan General Tentera Israel mengakui mereka akan undur dari Lubnan sebab menerima kekalahan dalam peperangan dengan gerila-gerila ataupun pejuang-pejuang daripada Hizbullah. Ertinya, kalau berlaku perang, perang secara combat, perang secara konvensional, secara tidak menggunakan senjata kimia atau ugutan nuklear, tentera-tentera yang dianggap gergasi di atas muka bumi ini bukanlah gergasi sangat. Ini yang dapat dilihat oleh rakyat mutakhir ini.

Oleh itu kita harap, saya kata tadi bahawa kita bersetuju dengan kerajaan yang membentangkan akta ini supaya kita tidak mahu lagi menggunakan periuk api, menghapuskan periuk api dan juga mencari di mana lagi periuk api ada, mungkin di Kuala Kedahkah, di bawah laut dan sebagainya, musnahkan. Kemudian, kita hendaklah mempelopori, saya sebut tadi, senjata-senjata yang merbahaya, tidaklah seperti kita misalnya menerima treaty, membuat treaty untuk menentang nuklear tetapi pada masa yang sama kita izinkan kapal nuklear berlabuh di Pelabuhan Kelang. Walaupun telah dijawab tetapi kami tidak puas hati lagi perkara itu.

Jadi, perkara-perkara ini supaya kita di abad yang akan datang ini, kita mahu dunia ini bebas daripada senjata-senjata yang boleh memusnahkan ummah. Bahkan sekarang ini senjata-senjata begitu, senjata kimia mudah, boleh ditembak dengan senapan di atas bahu itu apa? *Bazooka* kah? Masuk ke dalam gua atau Parlimen ini, satu senjata kimia dibom masuk dalam sini, habis semua kita boleh mati seperti yang berlaku di Jepun di mana senjata-senjata ini begitu banyak, begitu mudah, bahkan boleh diletupkan di stesen kereta api, dalam kereta api, senjata-senjata kimia ini.

Perkara ini pada masa akan datang kalau kita biarkan, di Malaysia ini tidak apalah. Malaysia tidak berlaku peperangan gerila. Politik kita panas macam mana pun, dia sejuk. Demonstrasi aman. Perdana Menteri boleh berjalan di Chow Kit Road, selamat, tidak ada orang hendak tembak beliau dan sebagainya. Kita dalam keadaan yang cukup aman. Timbalan Menteri Pertahanan boleh jalan, boleh makan mi seorang-seorang, tidak ada masalah. Jadi, kita tidak pergi ke arah itu. Walau bagaimanapun, kita tahu dunia sekarang global, gerila-gerila boleh bertindak menggunakan bom kimia, menurut sasaran di mana negeri yang mereka mahu.

Misalnya, kalau kumpulan tentera Jepun (JRA), mereka bukan hanya bertindak di Jepun, mereka boleh bertindak di Pulau Stane, mereka boleh bertindak di Malaysia, mereka boleh bertindak di mana-mana mengikut sasaran yang mereka mahu dan senjata kimia ini begitu mudah dibuat dan begitu efektif kegunaannya dan dunia mengambil perhatian apabila perkara ini yang berlaku di Jepun, diletupkan di stesen kereta api Jepun, saya yakin kalau senjata kimia itu diletupkan di Malaysia misalnya, maka Amerika dan Jepun dan dunia tidak mengambil perhatian sangat. Begitulah senjata kimia, apabila diletupkan di Halabja di Iraq, Amerika tidak mengambil kisah sangat tetapi kalau senjata kimia itu meletup di London atau di Washington, kita yakin Bangsa-Bangsa Bersatu akan bersidang khas untuk membincang masalah senjata kimia itu.

Jadi, kita harap sungguh rang undang-undang ini permulaan ke arah untuk kita membasmikan senjata bahaya di seluruh dunia pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Mambong pula.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selepas Mambong, Tanjong berdiri, saya bagi Tanjong, selepas itu Menteri menjawab. Ya, Mambong.

4.28 ptg.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kawan-kawan dari Wangsa Maju dan Batang Lumar, saya juga bangun kerana ingin menyokong Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuik Api Pembina Anggota 2000.

Saya kagum kerana Malaysia adalah satu daripada 78 buah negara yang sudah ratifykan *treaty* periuk api. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada negara tetapi anehnya nama Malaysia tidak disenaraikan dalam *homepage* “*A Global Network to Eliminate Nuclear Weapon*” yang bertempat di Auckland, California, Amerika Syarikat. Saya ingin memberi pandangan kepada beberapa perkara. The Mine Ban Treaty 1997, dengan izin, berkuatkuasa pada 1 Mac 1999. The Mine Ban Treaty yang dikenali sebagai “*The Convention on the Prohibition of the Use, Stockpiling, Production and Transfer of Anti-Personnel Mines and on their Destruction*”, telah pun ditandatangani oleh 137 buah negara. 78 buah negara yang telah *ratify treaty* termasuk negara yang membuat dan mengeluarkan periuk api.

Kita memang tahu bahawa periuk api adalah sangat mencederakan. Oleh itu, penguatkuasaan *treaty* adalah penting bagi *the crucial treaty deadline for the destruction of stock pile mines within four years and of mines already in the ground within ten years to go into effect*, dengan izin. Hanya saya bimbang Amerika Syarikat tidak menandatangani *treaty*, apatah lagi *ratifykannya*. Adakah Amerika Syarikat ingin terus menjadi pengeluar dan pengedar periuk api terbesar di dunia. Pada bulan Jun 1997, masih terdapat 35 buah negara yang membuat dan mengeluarkan periuk api termasuk Amerika Syarikat.

Kita semua tahu bahawa periuk api ialah satu jenis senjata peperangan yang merbahaya dan ada kesan yang panjang. Kalau sudah ditempatkan ke dalam tanah, periuk api menjadi sangat merbahaya dan susah dikawal. Sebagai contoh, di Chechnya ada 1,200,000 periuk api yang sudah ditempatkan dan terdapat 92 *amputation* ataupun kehilangan tangan dan kaki di kalangan setiap 100 mangsa. Di Bosnia terdapat 3,000,000 periuk api yang sudah ditempatkan. Terdapat juga 85 *amputation* setiap 100 mangsa. Di Cambodia terdapat 10,000,000 periuk api yang sudah ditempatkan dan terdapat 99 *amputation* bagi setiap 100 mangsa. Di Afghanistan juga terdapat 10,000,000 periuk api dan 44 *amputation* bagi setiap 100 mangsa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Memandangkan bahawa penggunaan periuk api perlu dikawal sebab kesannya adalah membinasa, saya sangat mengalu-alukan rang undang-undang ini. Merujuk kepada Fasal 3 yang melarang sesiapa yang menempatkan periuk api di bawah, di dalam, di atas atau dekat dengan tanah atau kawasan permukaan lain, saya ingin

bertanya sama ada kerajaan ada mekanisme terperinci bagi memantau dan mengawal aktiviti haram penggunaan periuk api.

Saya tertarik kepada Fasal 9 yang bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk mengeluarkan notis kepada mana-mana orang yang disyaki secara munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen itu kepada menteri.

Ini adalah selaras dengan Perkara 7 di bawah konvensyen. Saya ingin bertanya, kalau seseorang itu mempunyai maklumat atau dokumen yang diserahkan kepada menteri, adakah dia akan mendapat upah atau apakah tindakan yang diambil terhadapnya?

Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong. Selepas itu menteri menjawab.

4.33 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang telah mengambil bahagian, sebarang perbincangan mengenai periuk api pembina anggota ini, kita diingatkan tentang peranan yang penting dan *high profile* yang dimainkan oleh mendiang Princess Diana of Wales dalam *International Campaign to ban Landmines (ICBL)*, di mana beliau berkempen dan juga melawat negara-negara di Afrika demi mendapat sokongan tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan permintaan periuk api pembina anggota dan pemusnahannya.

Apabila Princess Diana meninggal dunia dalam satu kemalangan trafik di Paris pada 31 Ogos 1997 di mana penglibatan beliau dalam kempen ini terhenti dengan kematian beliau, pergerakan anti-periuk api pembina anggota ini bimbang bahawa dengan tidak penglibatan Princess Diana ini mungkin tidak dapat menekan negara-negara yang masih enggan menandatangani konvensyen ini.

Pengeluar-pengeluar utama, Tuan Yang di-Pertua, seperti Amerika Syarikat, China dan Russia telah enggan menandatangani konvensyen ini kerana mereka mendapati bahawa ia akan menghakiskan hak mereka untuk menggunakan senjata yang sungguh berguna bagi tujuan militar mereka dan juga dari segi pengeksportan senjata-senjata yang kejam ini.

Konvensyen tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembina anggota dan pemusnahannya pada akhirnya dapat dimeteraikan di Ostawa, Kanada pada bulan Disember 1997. Tuan Yang di-Pertua, konvensyen ini menandakan satu kemenangan kepada budaya hidup ataupun budaya nyawa yang menewaskan budaya maut. Konvensyen ini adalah satu undang-undang keperimanasian antarabangsa yang ingin menyelamatkan masyarakat dunia sejagat daripada satu senjata yang sungguh kejam kepada rakyat biasa dan membawa kesan-kesan sosi0-ekonomi kepada negara-negara yang diancam oleh periuk api ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini, terdapat melebihi 100 juta periuk api ini didapati berselerak di suatu kawasan yang sungguh besar di beberapa benua di mana periuk api ini bukan sahaja akan membunuh tetapi mencederakan, tidak mengenal sesiapa pun dan membawa satu ancaman yang besar kepada *population surveillance* di negara-negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia haruslah menyokong usaha keamanan dan damai ini. Tetapi malangnya pada satu ketika sampai sekarang pun, negara-negara seperti India, Egypt, Syria, Iran, Iraq dan Kuwait masih enggan menandatangani konvensyen ini dan sebuah negara jiran yang tidak disebut nama oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju iaitu Singapura pun masih belum menandatangani konvensyen ini sebab Singapura adalah sebuah negara yang mengeluarkan tiga jenis *landmines* iaitu dua *anti-personnel mines* dan satu *anti-tank mines*.

Walaupun negara ini telah mengenakan larangan terhadap pengeksporan anti-personnel mines ini. Jadi saya sangat mengalu-alukan tindakan Malaysia kerana telah menyimpan surat cara kesertaannya dalam menerima konvensyen ini pada 22 April 1999 dan ekoran dari itu membentangkan satu rang undang-undang untuk melaksanakan konvensyen ini di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi individu selain daripada Princess Diana yang berhubung kait dengan international campaign against land mines ini adalah Jody Billiams di mana Jody Billiams dan juga ICBL dikurniakan the Nobel Peace prize pada tahun 1997 kerana sumbangan mereka sebagai satu contoh yang meyakinkan terhadap satu polisi keamanan yang efektif.

Satu perkara yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan globalisasi from bottom down iaitu inisiatif kempen ini dapat berjaya kerana inisiatif dari akar umbi

pertubuhan-pertubuhan NGO, akar umbi dari melebihi 1,000 organisasi seluruh dunia yang affiliated kepada ICBL ini yang membentuk satu jalinan network yang sungguh berkesan untuk melobi dan mendapat sokongan terhadap kempen untuk melarang periuk api ini. Jadi NGO-NGO ini telah memainkan satu peranan yang sungguh bermakna di mana mereka memulakan satu proses dalam jangka beberapa tahun sahaja telah menjadikan larangan terhadap anti-personnel mines ini dari satu vision kepada satu realiti dengan konvensyen Ottawa itu.

NGO-NGO yang bekerjasama di bawah ICBL ini memang memainkan peranan yang utama bagi menggembelngkan public opinion terhadap isu ini dan juga memberi tekanan kepada kerajaan-kerajaan masing-masing termasuk melalui demonstrasi yang aman untuk mendesak negara-negara, kerajaan-kerajaan masing-masing untuk menandatangani konvensyen ini dan juga untuk mengambil langkah-langkah untuk membantu mangsa-mangsa periuk api ini dan juga memajukan teknologi baru untuk menghapuskan periuk api supaya dunia ini tidak lagi dibebankan untuk 100, 200 tahun ini dengan beban menghapuskan segala periuk api yang telah ditanamkan.

Jadi saya sungguh berharap Malaysia pun dapat memainkan peranannya melalui pendekatan diplomasi untuk mendapat lain-lain negara yang belum menandatangani ataupun belum menyokong konvensyen ini kerana ini adalah satu usaha aman, satu usaha perikemanusiaan kepada dunia ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, cuma dengan konvensyen dan juga sokongan negara-negara terhadap konvensyen ini walaupun dapat memperundangkan satu halangan terhadap krisis ini dari menjadi lebih buruk lagi tetapi usaha-usaha yang lebih hebat haruslah diambil oleh negara-negara yang telah menandatangani konvensyen ini supaya dapat memusnahkan segala periuk api ini dalam tempoh 10 tahun dengan berkuatkuasanya konvensyen ini.

Ini satu perkara yang sungguh mencabarkan kerana, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, kalau nak menghapuskan kesemua periuk api di dunia ini yang berjumlah melebihi 110 juta bilangannya akan mengambil 1,000 tahun untuk menghapuskannya dan menelan perbelanjaan kira-kira USD50 bilion. Ini memang satu perkara yang sungguh mencabarkan kepada semua negara yang telah menandatangani konvensyen ini, jadi terpulang kepada Malaysia.

Saya berharap Timbalan Menteri boleh memberi sedikit penjelasan terhadap perkara-perkara berikut:

- Sama ada di negara ini ada mana-mana syarikat sama ada tempatan ataupun milikan asing yang dibenarkan oleh menteri untuk menghasil, mengeluarkan atau memperoleh, mengumpul stok, menyimpan dan memiliki periuk api pembinasaan ini.
- Saya juga berharap Timbalan Menteri boleh menyatakan berapakah 'balance' nya, bakinya stok periuk api yang masih tinggal di negara ini sama ada mana-mana syarikat diberi permit untuk import dan eksport periuk api ini sejajar dengan peruntukan di dalam rang undang-undang ini.
- Sama ada kementerian masih menggunakan periuk api ini untuk tujuan meningkatkan dan latihan dalam teknik pengesanan periuk api, pembersihannya dan pemusnahannya.
- Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu agaknya berapa periuk api masih ditanamkan di negara Malaysia, Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga tempat-tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi dan juga di manakah kawasan ataupun sudahka h kawasan-kawasan berperiuk api ini dikenal pasti dan ditandakan untuk memberi amaran kepada rakyat biasa.
- Sama ada kementerian ini mempunyai satu daftar mengenai personnel Kementerian Pertahanan, ATM ini yang cedera ataupun terkorban oleh periuk api ini dan apakah bantuan yang telah diberikan kepada mereka.
- Akhirnya, sama ada kementerian telah menerima apa-apa permohonan ataupun request untuk satu misi pencarian fakta untuk melawat negara Malaysia.

Jadi, dengan kata-kata ini saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri.

4.46 ptg.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya

nampak banyak berminat untuk turut membincangkan dan membahaskan dan seterusnya memberi pandangan tentang akta ini dan sebahagian besar dari Ahli-ahli Yang Berhormat memaparkan tentang pengalaman dan pengetahuan mereka sehingga beberapa tokoh-tokoh seperti Diana dan juga yang lain-lain yang terbabit dalam usaha di peringkat antarabangsa juga disebutkan untuk memperlihatkan bahawa mereka juga mempunyai pengetahuan tentang akta yang dibentangkan ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada juga di antara mereka yang just passing statement dan saya akan menumpukan perkara-perkara yang spesifik hanya untuk memberi penjelasan tentang cadangan dan persoalan yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Besut walaupun beliau menyatakan tentang sokongan kepada akta ini tetapi di samping itu juga beliau mempersoalkan dan mempertikaikan kenapa hanya ketika ini sahaja baru kita nak membentangkan rang undang-undang ini walhal sudah beberapa tahun perkara ini dibincangkan di peringkat antarabangsa sehingga konvensyen sudah pun dilaksanakan. Persoalan masa itu bukanlah satu perkara yang saya rasa harus menjadi permasalahan utama. Yang penting kepada kita ialah perkara ini harus kita lihat secara menyeluruh. Maka dengan itu sebelum kerajaan dan Kementerian Pertahanan mengambil tindakan yang begitu terperinci harus dianalisa dan dikaji sedalam-dalamnya perkara-perkara yang membabitkan tentang akta ini di samping itu kesan dan juga penglibatan negara kita. Pada peringkat awal banyak di antara negara-negara yang besar sehinggalah pada masa ini termasuklah Amerika Syarikat, Rusia dan juga China belum lagi menganggotai, menyetujui tentang konvensyen ini, meratifikasikannya. Pada hakikatnya bila kita lihat di peringkat awal apakah harus kita melibatkan diri pada peringkat awal dan juga kesannya kepada negara kita walhal tidak lebih daripada 2/3 tetapi bila mana 2/3 dan perkara-perkara membabitkan tentang kepentingan negara kita teliti barulah kita rasa bahawa sudah sampai ketikanya untuk kita mengutarakan perkara seperti yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Wangsa Maju bangun.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu Mines Ban Treaty 1997 itu baru dibuka untuk ditandatangani pada 3 Disember 1997 dan Malaysia pun telah tandatangani treaty itu pada tarikh yang sama dan ratifikasinya pada 22 April 1999. Saya ingat itu telah

menunjukkan Malaysia telah membuat satu sikap yang positif tentang treaty ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju yang memperkukuhkan apa yang saya jelaskan tadi.

Yang Berhormat bagi Besut juga membangkitkan tentang kesengsaraan masyarakat di peringkat antarabangsa termasuk di Iraq dan berbagai-bagai seakan-akan imbasan yang beliau nyatakan bahawa kerajaan Malaysia di bawah pemerintahan ini tidak amat prihatin tentang pembelaan yang diberikan kepada masyarakat sejagat di peringkat antarabangsa. Pada hakikatnya yang sebetulnya saya menafikan kenyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Besut tadi. Kalau melihat daripada segi prestasi dan sejarah perjuangan negara kita dalam mempertahankan dunia rakyat sejagat, bukan ada cawangan UMNO di Bosnia, bukan ada pengundi di Afghanistan dan berbagai negara.

Kita telah memberi peruntukan yang begitu banyak dan juga bantuan ketenteraan mempergadaikan nyawa rakyat Malaysia, ketenteraan kita, kita hantar kerana yang penting kepada kita pendekatannya ialah manusia sejagat harus dibela bila mana mereka terjejas dari segi keamanan, keselamatan masa depan anak bangsa dan nyawa mereka. Kita menghantar berbagai bantuan. Adalah tidak benar bahawa kita menyetepikan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan masyarakat di peringkat antarabangsa dan kita adalah merupakan sebuah negara yang begitu kecil tetapi mendahului, mendepani untuk pembelaan kepada masyarakat di peringkat antarabangsa.

Beliau juga menyebut tentang mengenai dengan simpanan stok untuk kegunaan latihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Besut, sebarang bentuk simpanan stok untuk tujuan latihan perlulah dilaporkan kepada United Nation, dengan izin. Setiap stok yang disimpan untuk tujuan ini juga perlu dijelaskan dari segi jumlah yang diperlukan untuk disimpan.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju seorang pakar dalam ketenteraan yang sering aktif bila mana persoalan-persoalan tentang ketenteraan berbangkit, beliau telah banyak memberi pandangan yang begitu bernas dan baik dan beliau telah menyentuh beberapa perkara bersabit dengan syor supaya maksud Fasal 2 di dalam rang undang-undang diperjelaskan sebagaimana yang terdapat di dalam laut juga. Mengikut konvensyen ini, untuk makluman Yang Berhormat bagi Wangsa Maju,

rang undang-undang yang dibentangkan adalah khas untuk periuk api dan jerangkap samar khas bagi permukaan atas darat sahaja.

Beliau juga menyentuh mengenai dengan pengeluaran utama dan pengeksport utama mana ke negara-negaranya. Pengeluar utama adalah sebanyak 16 buah negara. Kebanyakan negara-negara tersebut telah meratifikasikan konvensyen ini. Permasalahan yang timbul negara-negara yang belum meratifikasikan adalah seperti Amerika Syarikat, Rusia dan China. Manakala beliau mempersoalkan tentang pengimport utama. Negara-negara membangun adalah merupakan sebahagian daripada pengimport utama termasuk negara-negara mundur yang mempunyai permasalahan sempadan dan etnik terutama sekali di Benua Afrika.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju juga membangkitkan tentang apakah alternatif yang diambil apabila semua periuk api, pemusnah anggota dimusnahkan semuanya. ATM boleh menggunakan periuk api yang perlu dijaga dan diletupkan oleh anggota ATM, contohnya demo mine, clay mine dan ATM telah mengubah doktrin peperangan mengikut kehendak konvensyen yang diterima sejagat.

Manakala Yang Berhormat bagi Batang Lupar, beliau bertanya apakah tindakan kerajaan berhubung dengan negara-negara yang tidak meratifikasikan konvensyen ini. Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan bersendirian, namun seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar bahawa banyak keperluan, peranan NGO untuk membantu melaksanakan, membuat tekanan, publisiti dan berbagai-bagai termasuklah ahli-ahli sosial prominence seperti Lady Diana, Princess Nor Jordan dan banyak lagi. Sebagai contoh, sebuah negara jiran terpaksa memberhentikan pengeluaran sebab tekanan-tekanan ini. Kita seharusnya membuat satu pendekatan bahawa di semua peringkat bukan hanya kerajaan bahkan juga pembangkang, parti-parti yang lain dapat membela dan dapat menyuarakan perkara-perkara yang berhubung kait dengan isu-isu antarabangsa untuk sering dibangkitkan dan dibela agar keamanan dunia sejagat ini dapat kita jayakan.

Yang Berhormat Wangsa Maju dan juga Batang Lupar membangkitkan tentang dua negara Asean yang tidak meratifikasikan, satu dari negara tersebut ialah negara Singapura, pengeluar dan pengeksport periuk api namun negara tersebut telah menghentikan pengeluaran lanjutannya daripada konvensyen ini Sama ada negara ini akan meratifikasikan konvensyen ini kita belum lagi diketahui. Mengenai dengan

negara kedua ialah Vietnam dan begitu juga kita tidak begitu jelas sebab penyebabnya dan adakah mereka akan mempersetujuinya kelak.

Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Fasal 3, apakah kerajaan mempunyai mekanisme untuk mengawal penempatan periuk api. ATM sudah lama mempunyai keupayaan untuk mengawal penempatan periuk api di dalam kawasan negara. Kita berupaya mengesan dan anggota ATM semasa operasi berupaya mengesan kawasan yang telah ditanam dengan periuk api. Sebab itu, semasa beroperasi di bawah PBB, keselamatan mereka terjaga dan, insya -Allah, kelangsungan penjagaan ini dan keselamatan mereka dengan kemahiran pengetahuan yang ada di kalangan anggota ATM yang sedia ada akan dapat dilangsungkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong juga bertanya sekiranya orang-orang yang mengemukakan maklumat dan dokumen, apakah habuan dan apakah ganjarannya akan diperolehi oleh mereka ini. Saya rasa sudah sampai ketikanya bahawa rakyat dan kerajaan termasuk pembangkang melahirkan satu *sense of civil duty*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di kalangan rakyat di negara kita. Bila mana ada panggilan tuntutan untuk sebahagian rakyat, bukanlah sebahagian rakyat tetapi semua rakyat termasuk kerajaan untuk ingin berbakti kepada negara dan menyelamatkan nyawa orang, ganjaran itu tidak harus menjadi pendekatan kepada manusia dan apa lagi di negara kita. Saya rasa seperti yang dijelaskan di peringkat awal dalam akta ini tidak ada apa-apa upah atau ganjaran yang diberikan kepada mana-mana pihak yang memberikan maklumat tentang perkara ini namun demikian, seperti yang terkandung dalam Seksyen 3 adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 19 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 20 kalau sekiranya mana-mana orang yang menyimpan maklumat dan dokumen yang berhubung kait bersabit dengan perkara akta ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga memaparkan *it's a passing statement*, dengan izin, tetapi beliau juga menyebut tentang pengharaman senjata kimia, tidak ada hubung kait dengan periuk api ini. Beliau juga adalah hendak menjadi champion kepada senjata kimia dan nuklear.

Ahli-ahli Dewan yang mulia, kita telah maklum bahawa senjata kimia dan nuklear telah pun ada konvensyennya tersendiri. Secara rasminya PBB mempunyai *non-proportion treaty*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, konvensyen kimia akan berkuatkuasa tidak berapa lama lagi dan kerajaan bercadang untuk meratifikasikannya, dengan itu adalah sah kita adalah pendukung utama mengharamkan senjata kimia dan nuklear.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan beberapa perkara. Beliau bertanya jika ada syarikat tempatan yang mengeluarkan dan membekalkan periuk api di dalam negara ini, jawabnya tidak ada syarikat tempatan dan di luar negara. Berapa baki stok periuk api? Negara hanya mempunyai 94,263. Jumlah ini amat sedikit kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Beliau juga bertanya pada saat ini berapakah kementerian memerlukan penggunaan periuk api untuk tujuan latihan. Jumlah yang diperlukan ialah sebanyak 46,008. Berapa periuk api yang ditanam di seluruh negara? 25 tahun dahulu memang banyak. Namun ketika ini kita tidak begitu jelas tentang jumlah secara terperinci kerana kalau kita tahu mungkin masalah ini kita sudah lama selesaikan dan maka dengan itu juga kita merayu kepada rakyat di semua peringkat mana yang tahu tentang perkara ini termasuk Yang Berhormat bagi Tanjong. Kalau ada d kawasan Yang Berhormat bagi Tanjong dan tahu tentang perkara ini maklumkan, kalau tidak maklum, kita akan ambil tindakan yang tegas dan keras.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh tanya sedikit, Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya terpanggil untuk bertanya soalan sebab saya berada di Ho Chi Minh. Saya sendiri dapat lihat kesan periuk api selepas negara ini mengalami peperangan dengan Amerika. Saya berada di Ho Chi Minh dan di Hanoi baru sahaja tahun sudah.

Tadi, Yang Berhormat sebut bahawa Amerika masih belum tergolong dalam anggota-anggota yang bersetuju dalam perjanjian ini. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat langkah kerajaan kita Kementerian Pertahanan kalau ada pada ketika ini mempunyai perjanjian ataupun berhubung dengan pembelian senjata, adakah kita mungkin akan memikirkan supaya kita mengambil langkah tertentu sebagai signal kepada Amerika supaya mereka juga sama-sama dalam perjanjian ini ataupun kita

tidak lagi membeli senjata ataupun mendapat bantuan bekalan senjata daripada Amerika? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu pandangan yang agak jauh sedikit kerana pembelian senjata ini adalah merupakan satu usaha yang melengkapkan dan memodenkan negara kita, angkatan tentera kita untuk menghadapi sebarang ancaman daripada luar dan dalam negara kita. Maka dengan itu, yang penting kepada kita untuk memperolehi persenjataan yang boleh bukan hanya mempertahankan negara tetapi bersaing.

Dan kita tahu bahawa negara-negara seperti Amerika adalah sebuah negara yang besar menjadi pengeluar utama persenjataan dan kalaulah kita mengetepikan penggunaan peralatan itu kemungkinan juga ada sedikit permasalahan bagi kita untuk mendapatkan alat-alat yang moden. Bukanlah pendekatan yang itu harus diambil walaupun saya tahu kita harus mengambil tindakan yang tegas tetapi ada cara yang lain, secara diplomatik dan cara-cara pendekatan di peringkat antarabangsa menerusi persidangan-persidangan PBB di mana wakil kita sering membangkitkan betapa pentingnya keadaan ini dapat diatasi di semua peringkat termasuk negara-negara pengeluar seperti Amerika Syarikat kita mendesak supaya mereka juga akan dapat turut menyertai menandatangani konvensyen ini dan sekaligus untuk meratifikasikan – ratification, dengan izin, tentang pembasmian periuk api ini.

Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan dan memberi pandangan dan insya-Allah, pandangan-pandangan yang bernas, yang telah disampaikan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian untuk memantapkan lagi rancangan dan cara untuk perlaksanaan undang-undang ini di masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tukar tempatkah, microphone saya tidak bergerak. Sudah berapa kali tidak betulkan microphone ini. Ia ada apa-apa ni. Bila saya hendak berjawab, ada macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

5.05 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) bagi, pertama, meluaskan takrif institusi pendidikan tinggi untuk merangkumi politeknik yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan juga mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta 550 dan ditentukan oleh Menteri sebagai suatu institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta 566. Dengan pindaan ini, perbadanan akan diberi kuasa memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program Pengajian Peringkat Diploma di politeknik yang dimaksudkan dan juga pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian program Diploma atau Ijazah di institusi pengajian yang adalah institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Kedua, memberi kuasa tambahan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan kelulusan Menteri Pendidikan dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menyertai perniagaan, usaha sama dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa dalam pengusahaan komersial tertentu.

Ketiga, memberi kuasa kepada perbadanan untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, iaitu Akta 125 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997 telah memulakan operasinya pada 1 November 1997. Fungsi utama perbadanan ialah menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian pada peringkat diploma dan ijazah di institusi pendidikan tinggi tempatan. Untuk tempoh selama 3 tahun pertama operasinya, pelajar-pelajar daripada 11 institusi pendidikan tinggi awam dan 5 institusi pendidikan tinggi swasta mendapat kemudahan pinjaman dari skim pinjaman yang disediakan. Semua 16 institusi yang disebutkan itu ditubuhkan di bawah salah satu daripada 3 Akta, iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Universiti Teknologi MARA 1976 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998, Majlis Tindakan Ekonomi Negara menyarankan supaya semua pembiayaan yang dibuat secara pinjaman dipusatkan kepada satu agensi sahaja iaitu PTPTN. Ini termasuklah menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar Politeknik yang selama ini di bawah pembiayaan JPA. Bagaimanapun, PTPTN tidak boleh menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar Politeknik oleh kerana kekangan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Politeknik tidak ditubuhkan di bawah salah satu daripada tiga akta yang disebutkan lebih awal. Oleh kerana itulah maka satu peruntukan tambahan bagi membolehkan maksud ini dilaksanakan perlu dimasukkan ke dalam Akta 566.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sehingga pertengahan April 2000 jumlah pelajar yang ditawarkan pinjaman pendidikan ialah seramai 112,779 orang untuk semua institusi pendidikan tinggi baik awam mahupun swasta. Pada permulaan operasi tabung ini iaitu pada tahun 1997 seramai 10,852 pelajar telah diberikan pinjaman. Ini meningkat ke 17,638

orang dalam tahun 1998 manakala 84,289 orang dalam tahun 1999. Jumlah pelajar yang ditawarkan pinjaman pendidikan meningkat dengan banyaknya disebabkan antara lain oleh faktor-faktor berikut.

- (i) Mulai tahun 1999 peranan penyediaan pinjaman pendidikan telah dipindahkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan MARA ke Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Berikutan itu mulai sesi akademik 1999/2000 JPA dan MARA tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar baru.
- (ii) Pada tahun 1997 dan 1998, Perbadanan tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pada peringkat diploma. Tetapi mulai tahun 1999 pelajar-pelajar diploma mula diberi pinjaman pendidikan.
- (iii) Mulai tahun 1999 juga dua lagi IPTS telah dimasukkan ke dalam senarai institusi pendidikan tinggi yang pelajar-pelajarnya boleh diberi pinjaman pendidikan oleh PTPTN. Dua IPTS tersebut ialah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan pendidikan tinggi memerlukan peruntukan yang amat besar. Pada masa ini semua peruntukan bagi maksud pinjaman pendidikan ini disediakan oleh kerajaan. Bermula pada tarikh ianya beroperasi pada akhir tahun 1997 sehingga penghujung tahun 2000, PTPTN dijangka akan membelanjakan wang sebanyak RM2,203 juta untuk membiayai pinjaman pendidikan kepada seramai kira-kira hampir 213,000 pelajar termasuk hampir 100,000 pelajar baru yang akan dibiayai secara pinjaman dalam tahun 2000.

Berdasarkan kepada keperluan dan permintaan dari pelajar yang dijangka akan bertambah maka PTPTN sudah tentu memerlukan peruntukan yang senantiasa meningkat dari tahun ke tahun. Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa tidak mungkin kerajaan akan dapat menampung semua keperluan seperti yang disebutkan. Kerana itu, PTPTN sendiri akan berikhtiar mencari jalan bagi mendapatkan sumber kewangannya sendiri.

Selain daripada melancarkan skim simpanan yang telah pun termaktub dalam akta perbadanan, PTPTN bercadang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti

perniagaan. Bagi memenuhi hasrat ini, perbadanan akan melahirkan pelan perniagaannya sendiri bagi mencapai matlamat pada tahap dengan izin, *self-financing* dalam tempoh terdekat. Perbadanan sedar bahawa pihaknya tidak boleh lagi selama-lamanya bergantung kepada peruntukan kewangan daripada kerajaan semata-mata. Jadi, bagi membolehkan perbadanan melibatkan diri secara aktif di dalam bidang perniagaan maka pindaan terhadap Akta 566 perlulah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa pindaan terhadap Akta 566 perbadanan tidak mungkin boleh melibatkan diri dalam perniagaan. Dengan itu, bermakna matlamat PTPTN untuk membiayai sendiri operasinya tidak akan tercapai dan terpaksa perbadanan bergantung selama-lamanya kepada peruntukan tahunan kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merumuskan mengenai peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000 mempunyai tiga fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 566 dengan meluaskan takrif 'institusi pendidikan tinggi' untuk merangkumi politeknik yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan juga mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta 550 dan yang ditentukan oleh Menteri sebagai satu institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta 566.

Fasal 3 bertujuan untuk memberi kuasa tambahan kepada perbadanan. Seksyen baru 15A memberi kuasa kepada perbadanan dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menyertai perniagaan usaha sama dan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa dalam pengusahaan komersil tertentu. Perbadanan juga diberi kuasa menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

5.24 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya saya selalu pening kepala bila dia menjawab, sebelum saya masuk tajuk saya ingin menyerulah supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab segala hujah yang saya ucap oleh kerana sememangnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang hutang saya lagi, banyak yang saya ucap dalam perbahasan Belanjawan dan sebenarnya saya telah tunaikan janji saya dan DAP telah mengemukakan usul untuk memotong gaji RM10, Ringgit Malaysia bukan rupiah, emolumen Yang Berhormat Menteri Pendidikan tetapi oleh kerana beliau sendiri telah berjanji kepada saya beliau akan jawab hujah-hujah yang telah saya utarakan dalam Dewan ini dan saya telah arahkan supaya usul itu ditarik balik.

Jadi, saya haraplah kalau DAP telah tunjukkan keikhlasan dan pihak Kementerian Pendidikan juga akan berbuat sama dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan tunaikan janji dan berikan saya jawapan bertulis seperti dijanjikan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, DAP mengalu-alukan keputusan Kementerian Pendidikan untuk membuka PTPTN kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi swasta dan DAP juga mengalu-alukan keputusan Kementerian Pendidikan baru-baru ini untuk menambah peruntukan PTPTN sebanyak RM1.1 bilion, menjadikan jumlah tabung itu sebanyak RM2.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua keputusan tersebut merupakan langkah yang positif demi mementingkan pelaburan terhadap bidang pendidikan tinggi. Dalam era globalisasi demi mempertingkatkan daya persaingan negara kita di pasaran antarabangsa maka, bukan sahaja *software* dan *hardware* harus kita melabur malahan '*human ware*' yang terpenting sekali jangan kita abaikan. Dalam pada itu pembiayaan terhadap bidang pendidikan khususnya bidang pendidikan tinggi merupakan satu pelaburan yang paling berwawasan demi membina dan melatih

'*human ware*'. *Human ware*, dengan izin, bermaksud daya seseorang yang bervisi, efisiensi, kreativiti dan fikiran yang kritikal, ke semua sifat itu patut berdasarkan semangat dedikasi, idealisme dan disiplin diri baru dapat menjamin kewujudan *human ware* yang konstruktif terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu DAP memberikan sokongan terhadap penambahan peruntukan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Di peringkat ini saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, saya telah mendapat daripada satu sumber yang berwibawa yang telah mengatakan bahawa bagi pelajar-pelajar yang menjalani kursus dalam aliran sains, pinjaman yang diberikan ialah sebanyak RM16,500 setahun dan faedah yang dikenakan ialah 2% dan tempoh bayaran balik ialah 15 tahun. Bagi mereka yang menjalani aliran sastera, jumlah yang boleh dipinjam oleh mereka ialah RM16,000 setahun dan faedah yang dikenakan ialah 4% setahun dan tempoh bayaran balik ialah 10 tahun.

Ini bukan masalah yang saya hendak pertikaikan, yang saya dapat daripada sumber ini, yang saya kata adalah satu authority source yang juga sebenarnya terbuka. Sumber ini telah mengatakan bahawa perbadanan ini telah mengamalkan sistem kouta berasaskan perkauman. Saya juga difahamkan daripada sumber lain yang saya dapat tahu bahawa ini adalah tidak benar tetapi ini memang satu fakta yang telah dikeluarkan secara terbuka dan saya kata sumber itu adalah satu sumber yang berwibawa.

Mengikut angka yang diberikan di sini ialah bahawa bumiputera - saya tukar ayat saya, 55% pinjaman ini akan dirizabkan oleh pelajar bumiputera dan 45% untuk pelajar yang bukan bumiputera dan sekiranya ini adalah betul, ini telah bercanggah dengan tujuan asal penubuhan tabung ini Saya juga telah difahamkan bahawa ini tidak benar tetapi saya harap satu penjelasan secara rasmi boleh diberikan dan saya telah difahamkan bahawa sebenarnya.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh Yang Berhormat nyatakan sumber yang Yang Berhormat perolehi, sebab boleh kita buat pemeriksaan sama ada kenyataan yang dimuatkan di dalam apa-apa sumber sekalipun, cetakkah, melalui Internetkah dapat kita periksa semula.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti teks ini saya beri, itu dicetak dalam Internet dan ini saya kata ini adalah satu sumber yang berwibawa, saya beri nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, bolehkah sambung pada hari Isnin pagi?

Tuan Kerk Kim Hock: Isnin pagi ya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sumber kenyataan itu, saya tidak mahu *hear say* ataupun daripada surat khabar. Daripada sumber yang jelas, tidak mahu saya dengar-dengar ini sebab jika tidak pihak DAP akan terus membuat tuduhan kepada kerajaan. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita bincang hari Isnin, okay.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bertanya Yang Berhormat tadi adakah Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada Isnin pagi?

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sambung pada hari Isnin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin yang akan datang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

LAMPIRAN
Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’
Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S. S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)

- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)

- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- Yang Berhormat Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kas itah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Halaman 1)
- Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000 (Halaman 24)
- Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 (Halaman 39)
- Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 (Halaman 56)
- Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuik Api
Pembinasa Anggota 2000 (Halaman 77)
- Rang Undang-undang Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(Pindaan) 2000 (Halaman 108)